

---

# BAB PENDAHULUAN

---

## 0.1 PENGENALAN

Ilmu tarannum adalah suatu cabang ilmu yang terpenting dalam pembacaan al-Quran. Adalah difahamkan dari beberapa hadis *ṣaḥīḥ* bahawa sejarah tarannum al-Quran bermula sejak pada zaman Rasulullah s.a.w lagi.

Antaranya :

Sabda Rasulullah s.a.w :

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَعَنَّ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya :

*“Bukanlah dari kalangan kami (umatku) orang yang tidak melagu-lagukan (bertarannum) dengan al-Quran”.*<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Bayhaqī, Aḥmad b. Ḥusayn b. ‘Aliyy b. Mūsa Abū Bakr (1994), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, Makkah al-Mukarramah : Maktabah Dār al-Bā’iz, Bab *Kayfa Qirā’ah al-Muṣallī*, no. hadis 2257, jld. 2, hlm. 54. Lihat juga al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā’īl (1345H /1927M), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kaherah : Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, jld. 4, hlm. 411.

Sabda Rasulullah s.a.w :

مَا أَدِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَّا أَدِنَ لِلنَّبِيِّ ۗ أَنْ يَتَغَنَّيَ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya:

“Allah s.w.t tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah s.w.t menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan lagu (tarannum) al-Quran”.<sup>2</sup>

Berdasarkan hadis-hadis ini, jelaslah menunjukkan perintah membaca al-Quran dengan bertarannum dan ia merupakan sunnah Rasulullah s.a.w.

Betarannum ketika membaca al-Quran bukan sahaja sesuai dengan kehendak jiwa bahkan juga sesuai dengan kehendak huruf-huruf al-Quran. Ia selaras dengan ragam ayat-ayat al-Quran dan mencapai matlamat pembacaan al-Quran yang sebenar.

Bertitik tolak daripada pentingnya ilmu tarannum tersebut, maka lahirlah para *qurrā'* yang terdiri daripada ulama-ulama dan tokoh-tokoh untuk memperkembangkan, memartabatkan dan mempertahankan warisan ilmu ini di persada ilmu Islam. Bermulanya daripada zaman Rasulullah s.a.w hingga kini, para ulama tidak putus-putus menghasilkan kajian dan mempertahankan ilmu tersebut. Tokoh-tokoh yang terkemuka dalam ilmu ini seperti Syaykh Ṭāhā Fashānī, Syaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Syaykh Khalīl Ḥuṣarī, Syaykh Anwar

---

<sup>2</sup> *Ibid*, jld. 3, hlm. 346.

Syihāt, Syaykh Mutawallī, Syaykh Muṣṭafā Ghalwaysy, Syaykh Dr. Aḥmad Nu‘ayna‘, Syaykh Ṭablawī dan lain-lain. Mereka semua telah memperkenalkan kepada masyarakat tentang ilmu ini. Di samping itu, mereka telah memberi sumbangan dan jasa yang begitu banyak dalam merintis ilmu tarannum al-Quran di arena dunia.

## **0.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN**

Sumbangan para tokoh dan ilmuan-ilmuan Islam jika dikaji, secara tidak langsungnya dapat mengembangkan dan memartabatkan ilmu itu kepada seluruh umat. Namun pada realitinya, penulisan dan kajian tentang sumbangan tokoh semestinya dikaji dengan sewajarnya, khususnya dalam bidang ketokohan tarannum al-Quran. Kerana kalau dilihat dari segi penulisan dan kajian tentang ketokohan para ilmuan dalam bidang tersebut jarang sekali dikaji oleh masyarakat umum.

Namun demikian, adalah suatu perkara yang amat mendukacitakan sekiranya sumbangan, peranan dan fungsi sebenar tentang ilmu tersebut melalui ulama-ulamanya dan ahli-ahli yang mahir dalam bidang ini tidak dikaji, diterokai dan tidak diberi pendedahan yang sewajarnya. Sekiranya tanggapan sebegini benar-benar berlaku, maka segala usaha untuk mewariskan dan mengembangkan ilmu ini akan terkubur begitu sahaja.

Inilah yang menyebabkan tergerak hati penulis untuk mengetengahkan ilmu ini kepada seluruh masyarakat amnya. Penulis telah memilih seorang tokoh semasa yang sangat aktif dan masyhur dalam bidang yang diceburinya, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari nama yang tidak asing lagi dalam bidang pengajian al-Quran khususnya tarannum. Tokoh ini didapati amat berpengalaman dalam bidang ini dan banyak menyumbangkan jasa serta

pengorbanan beliau menerusi kepakaran yang dimilikinya kepada masyarakat dan negara.

Justeru itu, di dalam disertasi ini, penulis cuba memberi tumpuan untuk mengenali dengan lebih dekat lagi tokoh di kalangan bangsa melayu yang telah banyak menyumbangkan buah fikiran, tenaga dan pengorbanan kepada masyarakat.

Penulis cuba menampilkan personaliti Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dengan memperincikan biodata diri tokoh ini. Seterusnya penulis menyingkap sumbangan-sumbangan beliau di dalam bidang tarannum al-Quran dan berkaitan dengan manhaj-manhaj dan metode-metode yang diguna pakai oleh beliau dalam menyebarkan ilmu tarannum ini kepada masyarakat dan negara Malaysia amnya.

### 0.3 PENGERTIAN TAJUK

Penulis telah memilih tajuk kajian yang menjadi pokok perbincangan ialah : “*Tan Sri Dato’ Haji Hassan Azhari : Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran Di Malaysia*”.

Dengan ini, penulis akan menghuraikan pengertian tajuk tersebut, kerana pengertian ini akan menjadikan asas untuk menentukan skop kajian berkaitan dengan tokoh ini.

Perkataan “ *Tan Sri* ” ialah gelaran untuk orang yang menerima bintang Panglima Mangku Negara atau Panglima Setia Mahkota dari Yang Di-Pertuan Agong.<sup>3</sup> Ia juga merupakan gelaran kehormat kepada orang yang telah dianugerahi pingat tertentu sebagai penghormatan terhadap jasa atau khidmatnya kepada negara.<sup>4</sup>

Perkataan “ *Dato’* ” mempunyai beberapa pengertian. Pertama memberi maksud gelaran kehormat kepada orang-orang yang berpangkat atau bermartabat yang biasanya menjadi pembesar negeri. Keduanya gelaran

---

<sup>3</sup> Md. Nor b. Hj. Ab. Ghani (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat, hlm. 1591.

<sup>4</sup> Sheikh Othman b. Sheikh Salim (1989), *Kamus Edisi Baru*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 256.

kehormat kepada orang yang telah dianugerahi pingat tertentu sebagai penghormatan terhadap jasa atau khidmatnya kepada negara.<sup>5</sup>

“ *Haji* ” ialah bermaksud orang berangkat ke tanah suci Makkah al-Mukarramah untuk menunaikan fardu haji iaitu rukun Islam yang kelima.<sup>6</sup>

“ *Hassan Azhari* ” beliau merupakan seorang tokoh ulama yang terkemuka di Malaysia dan seorang pakar rujuk yang banyak memberi sumbangan serta memainkan peranan dalam perkembangan ilmu al-Quran khususnya dalam bidang tarannum kepada masyarakat Islam di Malaysia. Beliau adalah anak kelahiran bumi Anbiyā’ iaitu di Makkah al-Mukarramah.

“ *Sumbangan* ” ialah sesuatu yang diberikan sebagai bantuan, sokongan atau pertolongan.<sup>7</sup>

“ *Ilmu Tarannum* ” merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang lagu-lagu dalam bacaan al-Quran dengan suara yang merdu dan elok didengar dan tidak melanggar kaedah-kaedah hukum tajwid.<sup>8</sup> Lagu-lagunya

---

<sup>5</sup> Sheikh Othman b. Sheikh Salim (1989), *op.cit.*, hlm. 256.

<sup>6</sup> Abrak Othman (2003), *Kamus Bahasa Melayu*, Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd., Edisi Kedua, cet. 5, hlm. 189.

<sup>7</sup> Noresah bt. Baharom (2002), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, cet. 6, hlm. 1318.

<sup>8</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, Kuala Lumpur : Meteor Doc, Sdn. Bhd., cet. 1. hlm. 2.

seperti *bayyātī*, *nahāwand*, *rast*, *sīkāh* dan lain-lain. Ilmu ini mesti dipelajari secara *bertalaqqī* dan *musyāfahah* dengan guru-guru tarannum al-Quran.

Manakala pengertian “*al-Quran*” dapat difahami melalui pengertian menurut aspek bahasa dan istilah.

## 1. Bahasa

Al-Quran menurut pengertian asal bahasanya ialah nama terbitan yang diambil daripada perkataan *qirā'atīn* yang bererti bacaan.<sup>9</sup> Ini adalah bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam al-Quran :

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا  
جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ ۚ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ  
ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ

Maksudnya :

“Janganlah engkau (wahai Muhammad)-  
Kerana hendakkan cepat menghafaz al-Quran  
yang diturunkan kepadamu - menggerakkan  
lidahmu membacanya (sebelum selesai  
dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah  
yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu

<sup>9</sup> Syed al-Syaykh Moḥammad Syed Ṭantāwī (1998), *Mabāḥith Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Kaḥerah : Dār al-Syurūq, hlm.13. Lihat juga Majma‘ al-Turāth al-Lughah al- ‘Arabiyyah (t.t) *al-Mu‘jam al-Wasīf*, Turkiyyah : Maktabah al-Islamyyah, jld. 2, hlm.722. Lihat juga Zulkifli Hj. Mohd Yussof (1996), *Kunci mengenal al-Quran*, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., hlm.2.



(dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril a.s), maka bacalah menurut bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)”<sup>10</sup>.

## 2. Istilah

Al-Quran menurut istilah ialah bermaksud *Kalām Allah* yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. melalui malaikat Jibril a.s., ia disampaikan kepada kita secara *mutawātir*, serta arahan membacanya dalam solat dan luar solat sebagai ibadat.<sup>11</sup> Ia dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al- Nas,<sup>12</sup> sesiapa yang mengingkari satu huruf daripadanya, maka dia menjadi kafir.<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup> Surah al-Qiyāmah : 16 - 19

<sup>11</sup> Mannā‘ al-Qaṭṭān (1997), *Mabāḥith Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Bayrūt : Muassasah al-Risalah, hlm. 21. Lihat juga Dr. Wahbah al-Zuḥaylī (1991), *Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah Wa al-Syarī‘ah Wa al- Manhaj*, Lubnan : Dār al-Fikr al-Mu’asir, jld. 1, hlm.13. Lihat juga Ustaz Ahmad Sonhadji Muhammad (1997), *Tafsir al-Quran di Radio*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd., jld. 1, hlm.17.

<sup>12</sup> Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Aliyy (1985), *al-Tibyān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Bayrūt : Muassasah al-Risalah, hlm. 11.

<sup>13</sup> Ibn Ḥazm ( t.t ), *Mu‘jam Fiqh*, Bayrūt : Muassasah al- Risalah, jld. 3, hlm. 833.

#### 0.4 PERUMUSAN MASALAH KAJIAN

Kajian ini secara umumnya untuk memfokuskan penyelesaian beberapa permasalahan dan persoalan yang akan dibincangkan dalam kajian ini seperti berikut :

1. Ilmu tarannum menjadi antara pokok perbincangan dalam penulisan ini. Ilmu ini amat penting kepada masyarakat Islam untuk mencapai tahap pembacaan al-Quran secara *tartīl*. Dewasa ini, ia kelihatan diberi perhatian yang tinggi di kalangan masyarakat. Pengamalan tarannum ini adakah didasari oleh nas-nas syarak atau hanyalah amalan turun temurun dari generasi ke satu generasi yang lain? Ini adalah persoalan utama kajian ini.
2. Perkembangan ilmu tarannum di Malaysia telah membawa perubahan ketara kepada masyarakat dalam pembacaan al-Quran dan menyemarakkan lagi perkembangan ilmu al-Quran itu sendiri. Begaimanakah perkembangan ini berlaku? Ini adalah sasaran penting dalam kajian ini.
3. Antara lain permasalahan yang menjadi tumpuan pada kajian ini ialah mengenai biografi tokoh yang dikaji. Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari adalah tokoh yang amat terkenal di Malaysia.

Namanya begitu sinonim dengan ilmu tarannum dan tilawah al-Quran di negara kita. Bagaimanakah personaliti dan latar belakang Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari yang sebenar? Kajian ini ingin menyelami persoalan ini.

4. Kemuncak kepada permasalahan kajian ini ialah mengenai sumbangan tokoh dalam ilmu tarannum al-Quran. Sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam menyebarkan ilmu tarannum di Malaysia memang wajar diberi penghargaan yang tinggi. Sejauh manakah sumbangan-sumbangan beliau dalam bidang ini dalam negara? Kajian ini akan membincangkannya secara terperinci.

## 0.5 SEBAB PEMILIHAN TAJUK

Penulis telah memilih tajuk tersebut adalah kerana dengan mengambil kira kepada dua aspek utama :

1. Aspek pertama berkaitan dengan kepentingan ilmu tarannum kepada umat Islam. Secara sedar atau pun tidak, ilmu ini beransur-ansur terabai dari perhatian masyarakat dan rata-rata umat Islam sekarang ini telah membaca al-Quran tidak mengikut kesesuaian yang sepatutnya dengan tuntutan al-Quran, sehingga mencatitkan status kemuliaan al-Quran. Penulis juga menyedari bahawa ilmu tarannum al-Quran adalah ilmu yang banyak kelebihannya. Antaranya ialah menunjukkan keserlahan mukjizat al-Quran itu sendiri dan dapat ketepatan dalam pembacaan al-Quran, dari segi *sifat huruf*, *makhraj huruf*, *waqaf ibtidā'*, ketepatan hukum-hukum tajwid dan sebagainya.
2. Aspek kedua pula ialah berkaitan dengan tokoh itu sendiri. Jika diimbaz kembali kepada tokoh-tokoh dalam bidang pengajian ilmu tarannum dahulu dan sekarang, di setiap zaman akan sentiasa ada tokoh-tokoh yang berwibawa yang telah memartabatkan ilmu itu. Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah membuktikan bahawa beliau adalah salah seorang tokoh yang

menonjol kedepan pada masa sekarang ini yang harus diberi penghormatan dan disanjung. Beliau telah banyak menabur jasa kepada masyarakat dan negara Malaysia, khususnya dalam bidang tarannum al-Quran. Di samping itu, beliau telah banyak mendapat anugerah-anugerah daripada kerajaan Malaysia. Dengan jasa-jasa dan pengorbanan beliau, sudah cukup membuktikan bahawa tokoh tersebut seharusnya dikaji dan ditonjolkan sumbangannya untuk tatapan masyarakat umum.

Faktor-faktor inilah yang telah menarik perhatian penulis untuk mengetengahkan dan mendokumentasikan secara ilmiah supaya menjadi warisan kepada generasi yang akan datang.

## 0.6 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bermatlamat beberapa tujuan berikut :

1. Penulisan ini cuba membincangkan secara ilmiah berkenaan ilmu tarannum. Di samping mendedahkan ilmu tarannum dari sudut sejarah awal, hukum-hukum, perkara-perkara yang dilarang dan mengenali dengan lebih dekat tokoh-tokoh tarannum yang lain.
2. Meneliti dengan lebih terperinci berkaitan dengan sejarah perkembangan ilmu tarannum al-Quran yang bertapak di Malaysia dari dulu hingga kini.
3. Mengenali dengan lebih dekat biografi Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari yang telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia.
4. Meneliti metodologi yang digunakan oleh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam penyebaran ilmu tarannum al-Quran, serta menyelami secara mendalam terhadap sumbangan-sumbangan beliau di dalam ilmu tarannum al-Quran di Malaysia.

## 0.7 KAJIAN LEPAS / LITERATURE REVIEW

Sepanjang pengamatan, penyelidikan kajian dan bacaan yang dilakukan, masih belum ada sebarang lagi kajian yang terdahulu berkaitan dengan tajuk yang penulis cadangkan ini, namun begitu terdapat kajian yang dijalankan ada persamaan daripada aspek skop kajiannya. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab penulis untuk mengetengahkan tajuk penyelidikan ini. Antaranya :

### Tesis :

1. Dr. Muhammad Lukman b. Ibrahim (2010), “ *Tarannum al-Quran Melalui Ṭarīq al-Syāṭibī : Kajian Terhadap Pengamalannya Dalam Kalangan Qari-Qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005* ”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Dalam kajian ini, penulis telah membincangkan berkenaan ilmu tarannum dan ṭarīq al-Syāṭibī yang dipraktikkan di dalam majlis tilawah al-Quran Malaysia. Penulis telah menemukan perkaitan yang jelas antara tarannum dan ṭarīq al-Syāṭibī di dalam bacaan tarannum al-Quran di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.

2. Wan Fakhrul Razi b. Wan Mohamad (2008), “ *Haji Ahmad b. Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan* ”. Tesis kesarjanaan Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Kajian ini dibuat berkaitan dengan ketokohan Hj. Mat Som Pergau dan sumbangan beliau dalam bidang tarannum al-Quran di negeri Kelantan. Dalam kajian ini penulis ada membincangkan bentuk-bentuk pembelajaran dan penekanan yang diaplikasikan oleh tokoh dalam menjayakan misi tarannum berlahjah arab.
  
3. Ahmad Nuruddin b. Mat Yunoh (2008), “ *Seni Lagu al-Quran : Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Ja'far Nik Ismail* ”. Tesis Kesarjanaan Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Kajian ini dibuat untuk melihat sumbangan, Karya-karya, tulisan, pengalaman tokoh dalam pengajian seni lagu al-Quran.
  
4. Zulkipliy b. Mohd Dahlan (2000), “ *Metodologi Pengajian Tarannum Di Maktab Perguruan Islam Bangi : Satu Kajian Dari Keberkesanan* ”. Tesis Kesarjanaan Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor. Kajian ini melihat bagaimana proses pengajaran bacaan al-Quran secara tarannum dengan menggunakan kaedah



tausyih di Maktab Perguruan Islam (MPI) dengan kaedah yang digunakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) tanpa wazan tausyih. Penyelidikan ini juga hanya akan melaporkan hasil dan kesan pembelajaran pelatih MPI dan sebuah sekolah SMKA dalam mempelajari tarannum menggunakan wazan dan tanpa wazan.

**Latihan ilmiah :**

1. Raihan bt. Zakaria (2007/2008), “ *Abdullah al-Qari Dan Sumbangannya Dalam Pengajian al-Quran* ”. Kajian Ilmiah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Kajian ini memfokuskan kepada biodata tokoh, sumbangan-sumbangan, karya-karya dan isu-isu perkembangan pengajian al-Quran di serambi Makkah iaitu negeri Kelantan.
2. Hafizah bt. Abu Hashim (2003), “ *Ismail Hashim : Sumbangannya Dalam Pengajian al-Quran Di Kedah* ” . Kajian Ilmiah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Kajian ini memfokuskan kepada sumbangan tokoh dalam pengajian al-Quran dan membincangkan sejarah majlis tilawah al-Quran di Malaysia.

3. Hj. Mohammad b. Hj. Yusoff (1991/1992), “ *Pengajian al-Quran Berlagu Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya* ”. Latihan Ilmiah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor. Kajian ini telah membincangkan tentang sejarah kedatangan lagu al-Quran dan perkembangannya di Kelantan.
  
4. Nik Adnan b. Nik Jaafar (1991), “ *Pengajian Lagu-Lagu al-Quran Dan Pengamalannya : Satu Kajian Di Daerah Pasir Mas Kelantan* ”. Kajian Ilmiah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Kajian ini memberi fokus kepada pengenalan lagu, kaitan lagu dengan suara dan sejarah pengajian al-Quran dan kelas pengajian di Pasir Mas Kelantan.

**Buku :**

1. Haji Nik Ja'far b. Nik Ismail (1998), “ *Qawa'id Tarannum* ”. Buku ini telah membincangkan secara umumnya berkaitan dengan kurikulum-kurikulum pembacaan al-Quran iaitu *al-tarannum*, *taḥsīn al-ṣawt* dan *tajwīd*.

2. Mohd Ali b. Bakar (1997), “ *Seni lagu al-Quran di Malaysia* ”. Buku ini telah membincangkan mengenai seni lagu al-Quran di Malaysia iaitu dari segi takrif tarannum, suara, sejarah tarannum, tokoh-tokoh tarannum dan sejarah majlis tilawah al-Quran di Malaysia.
3. KH. Muhsin Salim, SQ (2004), “ *Ilmu Nagham al-Quran* ”. Buku ini telah membincangkan secara ringkas berkaitan dengan seni bacaan al-Quran. Perbincangannya ialah dari segi takrif, sejarah, variasi-variasi lagu dan *maqām-maqām* lagu.
4. Drs. A Munir, Drs. Sudarsono (1994), “ *Ilmu Tajwid Dan Seni Bacaan al-Quran* ”. Buku ini membincangkan mengenai ilmu tajwid terhadap seni bacaan al-Quran dan menghuraikan asas-asas seni bacaan al-Quran.

**Kertas Kerja :**

1. Tan Sri Dato’ Hj. Hassan b. Hj. Azhari, Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-52 dari Malaysia (2010), “*Ahammiyah Qirā’ah al-Qur’ān bi Luḥūn al-‘Arab*”. Kertas kerja ini telah dibentangkan pada 1 Ogos 2010 di seminar al-

Quran peringkat kebangsaan kali ke-2 sempena majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa kali ke-52. Kertas kerja yang mengandungi 8 muka surat yang membahaskan tentang pentingnya ilmu tajwid dalam pengajian tarannum al-Quran untuk menjadikan lajah arab dalam bacaan al-Quran. Kertas kerja ini membahaskan panjang lebar aspek rukun bacaan al-Quran, makhraj huruf, sifat-sifat huruf, faedah-faedah mengetahui sifat huruf, dalil dan *talaqqī* al-Quran.

2. Prof. Dr. Said Agil Husin al-Munawwar, Ma, Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-52 dari Indonesia (2010), “ *Ilmu Tarannum Dan Pengamalannya Dalam Pembacaan al-Quran* ”. Kertas kerja ini telah dibentangkan pada 1 Ogos 2010 di seminar al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-2 sempena majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa Kali Ke-52. Kertas kerja ini mengandungi 6 halaman yang telah membincangkan berkaitan dengan takrif tarannum atau *al-Maqāmāt*, dalil-dalil tarannum, pembahagian lagu ( *uṣūl* dan *furū‘* ) dan akhir sekali praktikal tarannum.
3. Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah (2010), “ *Pengenalan Ilmu Tarannum al-Quran* ”. Kertas kerja ini telah di bentangkan di bengkel al-Quran Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM)

Serdang Selangor, pada 30 Julai 2010. Kertas kerja ini mengandungi 5 halaman yang telah menghuraikan tentang definisi ilmu tarannum, dalil-dalilnya dan sejarah ringkas ilmu tarannum al-Quran.

4. Syaykh Fatiḥī Hassan Malijī (2007), “ *Tarannum ‘Arabiyyah Miṣriyyah Muktabar* ”. Kertas kerja ini telah dibentangkan pada 4 & 5 Ogos 2007 Seminar Antarabangsa di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana, Kota Bharu Kelantan. Kertas kerja ini mengandungi 11 halaman yang telah membincangkan dari aspek hukum bertarannum, dalil-dalil, perkara-perkara yang perlu dititik beratkan oleh qari dan kaedah praktikal maqam-maqam lagu.
5. Mohd Napiah Hj. Sahrani (2001), “ *Qirā’āt Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran* ”. Kertas kerja ini telah dibentangkan pada 1-2 September 2001 di seminar Kebangsaan pengajian al-Quran. Kertas kerja ini mengandungi 13 halaman yang telah membahaskan ilmu *qirā’āt* seperti bacaan khusus imam-imam *qirā’āt*. Aspek tarannum pula ialah takrif, dalil, asas-asas lagu al-Quran dan penutup.

Berdasarkan beberapa kajian yang dilakukan di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa tidak banyak penulisan atau kajian ilmiah mengenai tarannum al-Quran terutamanya di Malaysia. Kemungkinan perkara ini berlaku disebabkan kesukaran untuk memperolehi maklumat-maklumat mengenai dan kemungkinan juga tidak ramai pengkaji yang berkebolehan dalam bidang ilmu tarannum ini. Oleh yang demikian, tajuk kajian yang dipilih oleh penulis mudah-mudahan dapat memberi input dan manfaat kepada semua umat Islam di Malaysia.

## 0.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah amat penting dalam sesuatu kajian ilmiah. Ia berkaitan dengan masalah cara kerja untuk memahami sesuatu objek yang berkaitan dengan bidang penyelidikan.<sup>14</sup> Dengan ini, penulis akan menjelaskan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

### 0.8.1 Definisi

Metodologi berasal dari perkataan inggeris iaitu *method* yang bermaksud sistem, aturan cara membuat sesuatu atau kaedah.<sup>15</sup> Menurut Koentjaraningrat, Metodologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *methodos* bermaksud cara atau jalan dan *logos* bermaksud ilmu.<sup>16</sup> Menurut kamus dewan pula, metodologi ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>17</sup>

Penyelidikan yang dijalankan oleh penulis merupakan gabungan di antara penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

---

<sup>14</sup> Koentjaraningrat (1985), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : Pt. Gramedia, cet. 2, hlm. 7.

<sup>15</sup> Teuku Iskandar (1985), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 781.

<sup>16</sup> Koentjaraningrat (1985), *op. cit.*, hlm. 7.

<sup>17</sup> Hj. Noresah bt. Baharom (2010), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat, cet. 3, hlm. 1030.

Penulis akan menggunakan metode-metode berikut bagi mendapatkan data-data dan meneliti terhadap fakta yang diperolehi untuk membuat kesimpulan yang tepat. Metode-metode tersebut ialah :

1. Metode Penentuan Subjek
2. Metode Pengumpulan Data
3. Metode Penganalisaan Data

#### **0.8.2 Metode Penentuan Subjek**

Subjek yang dimaksudkan ialah di kalangan kelompok orang atau sesuatu benda yang hendak dikaji. Metode Penentuan Subjek di sini membawa maksud bagaimana cara sesuatu perkara yang hendak dikaji itu ditentukan.

Dalam kajian ini, penulis menentukan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dan risalah-risalah serta kertas-kertas kerja beliau sebagai subjek kajian. Beliau adalah tokoh ulama semasa yang telah banyak memberi sumbangan kepada penyebaran ilmu Islam di Malaysia. Sumbangan beliau kepada perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia terbukti dengan terhasilnya banyak kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan dalam kursus-



kursus dan juga seminar-seminar samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **0.8.3 Metode Pengumpulan Data**

Di dalam penyelidikan metode pengumpulan data digunakan sebagai alat untuk membuat keputusan atau memecah persoalan-persoalan yang timbul.<sup>18</sup> Penulis akan menggunakan metode-metode berikut di dalam proses mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan subjek, iaitu :

1. Metode Dokumentasi
2. Metode Historis / pensejarahan
3. Metode Interview / Lapangan

---

<sup>18</sup> J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3.

## 0.8.4 Metode Analisa Data

### 0.8.4.1 Metode Dokumentasi.

Dokumentasi bermaksud himpunan, kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian atau sesuatu penghasilan terbitan.<sup>19</sup> Metode dokumentasi ialah proses pembuktian yang dibuat berdasarkan sumber-sumber bertulis, lisan, gambar atau arkeologi. Istilah dokumen menjadi sinonim dengan istilah sumber, baik tulisan atau pun tidak, samada ditulis secara rasmi atau tidak.<sup>20</sup>

Penulis menggunakan metode dokumentasi ini adalah bertujuan untuk :

1. Membincangkan tentang metodologi penyelidikan yang digunakan oleh penulis.
2. Membincangkan landasan teori, di mana penulis cuba menampilkan tentang pengenalan ilmu tarannum dalam dunia Islam dan sejarah perkembangannya di Malaysia.
3. Mengkaji metodologi yang digunakan oleh tokoh yang dikaji dan menilai sejauh mana bentuk sumbangan tokoh.

---

<sup>19</sup> Hjh. Noresah bt. Baharom (2010), *op.cit.*, hlm. 360.

<sup>20</sup> Louis Gottschalk (1975), *Mengerti Sejarah (Pengantar Metode Sejarah)*, Nugroho Notosusanto (ter.), Indonesia : Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, cet. 2, hlm. 38.

Dalam metode ini juga, penulis akan menggunakan petikan-petikan dari ayat-ayat suci al-Quran dan hadis-hadis bagi mengukuhkan setiap pendapat yang diutarakan. Al-Quran dan hadis dikira sebagai suatu dokumen kerana ia adalah sumber bertulis yang terjamin keasliannya.

#### **0.8.4.2 Metode Historis.**

Perkataan “*histori*” bermaksud ilmu, sejarah atau tawarikh.<sup>21</sup> Menurut definisi yang paling umum perkataan “*historis*” bermaksud “ masa lampau umat manusia ”.<sup>22</sup>

Manakala pengertian metode historis ialah proses menguji dan menganalisa secara kritis rakaman, catatan dan peninggalan sejarah yang berlaku pada masa lampau.<sup>23</sup> Contoh-contoh dokumen sejarah ialah surat khabar, surat-surat, dokumen rasmi, dokumen hukum, pengumuman radio, pidato-pidato politik, stastik rasmi, iklan dan percakapan biasa dan lain-lain.<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> Hjh. Noresah bt. Baharom (2010), *op.cit.*, hlm. 541.

<sup>22</sup> Louis Gottschalk (1975), *op.cit.*, hlm. 27.

<sup>23</sup> *Ibid*, hlm. 32.

<sup>24</sup> *Ibid*, hlm. 17.

Menerusi metode ini, penulis akan mengumpulkan data-data dan fakta-fakta sejarah tentang sejarah tarannum al-Quran sejak zaman Rasulullah s.a.w dan perkembangan selepas zaman Baginda s.a.w. serta sejarah perkembangan ilmu tarannum di Malaysia. Begitu juga dengan data-data dan fakta-fakta sejarah tentang biodata tokoh yang dikaji iaitu Tan Sri Dato' Hj. Hassan b. Hj. Azhari, penulisannya dan berhubung dengan penglibatan beliau dalam bidang tarannum al-Quran.

#### **0.8.4.3 Metode Wawancara / Interview**

Metode wawancara atau metode “*interview*” ialah metode yang digunakan oleh seorang penyelidik untuk mendapat keterangan, data-data penting, pengalaman atau pendirian secara lisan dan bersemuka dengan informan untuk tujuan yang tertentu.<sup>25</sup>

Menurut pandangan Marohaini Yusoff, metode “*interview*” merupakan salah satu kaedah mendapat data dan maklumat. Ada “*interview*” rasmi dan yang tidak rasmi.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup> Koentjaraningrat (1985), *op. cit.*, hlm. 129.

<sup>26</sup> Marohaini Yusoff (2001), *Pengumpulan Dan Analisa Data : Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlm. 23.

Penulis menggunakan metode ini untuk mendapat data-data penting tentang sejarah hidup serta penglibatan tokoh dalam bidang tarannum al-Quran dengan menemubual tokoh itu sendiri, orang yang terdekat dengan beliau samada keluarga, sahabat-sahabat, murid-murid dan mereka yang berhubungkait dengan beliau. Penggunaan metode ini adalah menjadi tunjang kepada penyelidikan ini.

Segala data-data yang telah terkumpul melalui metode-metode pengumpulan akan dianalisis dan dikaji dengan teliti untuk menghasilkan kesimpulan dan hasil yang baik. Kesemua ini adalah menggunakan kaedah berikut :

#### **0.8.4.4 Metode Kualitatif**

Menurut Koentjaraningrat, yang dipetik dari seorang ahli metodologi ilmu yang terkenal iaitu Lazarsfeld, yang mengatakan bahawa metode kualitatif bertujuan untuk mengukur data yang abstrak dengan lebih tepat metode ini perlu digunakan. Nilai-nilai suatu kualitatif yang tidak dapat diutarakan dalam bentuk angka, boleh dibentuk dalam bentuk kategori-kategori.<sup>27</sup> Sepertimana contoh perkahwinan. Ia boleh dibahagikan kepada katagori tertentu seperti kategori sebelum kahwin, sudah kahwin, cerai atau

---

<sup>27</sup> Koentjaraningrat (1985), *op. cit.*, hlm. 252.

janda/duda. Di antara contoh lain ialah pekerjaan. Ia dapat dikategorikan kepada beberapa ratus kategori pekerjaan seperti guru, doktor, peguam, peniaga dan lain-lain.<sup>28</sup>

Penulis menggunakan metode ini terutamanya dalam bab ketiga berkenaan dengan biodata dan sejarah hidup Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Persoalan seperti latar belakang, pendidikan, perkahwinan, pekerjaan dan kepakaran beliau.

---

<sup>28</sup> *Ibid*, hlm. 254.

## **0.9 SUMBER DATA**

Sumber data yang dipilih oleh penulis adalah sumber yang berautoriti dan berkualiti. Penulis mengemukakan dua cara penyelidikan untuk mencapai penyelidikan ini, iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

### **0.9.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan penting dalam penyelidikan ini. Penulis telah melakukan penyelidikan di beberapa buah perpustakaan untuk mendapat data-data yang lengkap. Ia diperolehi daripada tesis-tesis, buku-buku ilmiah, jurnal, kitab-kitab *turath*, teks-teks bertulis, kajian-kajian semasa, majalah, surat khabar dan sebagainya. Berikut adalah beberapa buah perpustakaan yang menjadi rujukan penulis untuk mendapat bahan-bahan ini, seperti :

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Nilam Puri, Kelantan.
4. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
5. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.

6. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor.
7. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Gombak Kuala Lumpur.
8. Perpustakaan Pusat Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Kuala Lumpur.
9. ARKIB Negara Jalan Duta, Kuala Lumpur.
10. Lain-lain.

### **0.9.2 Penyelidikan Lapangan**

Di dalam penyelidikan ini, penulis turut menggunakan penyelidikan lapangan bagi tujuan melengkapkan lagi kajian ini. Penulis menggunakan metode wawancara untuk mendapat data-data dan fakta-fakta yang sebenar tentang subjek kajian. Penulis telah menemui tokoh itu sendiri Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari untuk mendapat kesahihan yang sebenar, menemuramah ahli keluarga beliau, masyarakat setempat, anak-anak murid beliau dan lain-lain. Ini adalah bertujuan untuk melengkapkan lagi kajian ini.



## 0.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Idea memilih tajuk “ *TAN SRI DATO’ HAJI HASSAN AZHARI : SUMBANGANNYA DALAM ILMU TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA* ”. Menjadi pilihan penulis setelah mendapat kepentingannya yang cukup besar dan bermakna kepada seluruh umat Islam dan masyarakat di Malaysia khususnya. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kepada mana-mana pusat pengajian samada sekolah-sekolah atau pun institusi-institusi pengajian tinggi untuk dipelajari dalam bidang tarannum ini. Lantaran itu, ia menarik minat penulis untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi topik perbincangan ini. Untuk menghuraikan persoalan ini secara sistematik, penulis telah memulakan kajian ini dengan bab pendahuluan dan diekori dengan lima bab yang berasingan.

*Bab Pendahuluan* mengandungi pengenalan, latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, perumusan masalah, sebab pemilihan tajuk, objektif kajian, kajian lepas (literature review), metodologi penyelidikan, sumber data dan sistematika penulisan.

Di dalam *Bab Pertama*, penulis menyentuh berkaitan dengan perbincangan ilmu tarannum al-Quran secara ilmiah. Dimulai dengan pengenalan, definisi tarannum, pendalilan tarannum, sejarah tarannum

peringkat awal, hukum tarannum al-Quran, perkara-perkara yang dilarang dalam tarannum, tokoh-tokoh tarannum yang masyhur serta kesimpulan bab.

**Bab Kedua** pula, penulis merungkai tentang perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Penerangan dalam bab ini dengan pengenalan dan disusuli perkembangan tarannum al-Quran di Malaysia berkaitan dengan sejarah dan perkembangannya dan pusat-pusat pengajian tarannum di Malaysia, aliran perkembangan tarannum di Malaysia serta mengakhiri bab ini dengan kesimpulan.

Di dalam **Bab Ketiga**, penulis memulakan dengan pengenalan dan cuba menjelaskan berkaitan biografi tokoh yang dikaji meliputi semua aspek. Bermula dengan latar belakang Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dari segi nama dan kelahirannya, keluarga, pendidikan, perkahwinan, kerjaya, guru-guru, murid-murid, keperibadian dan keistimewaan beliau. Penulis juga memuatkan dalam bab ini tentang kepakaran beliau dalam bidang al-Quran yang merangkumi dari sudut tarannum al-Quran, ilmu tajwid, ilmu *qirā'āt*, asas membaca al-Quran (*muqaddam*) dan *rasm 'uthmānī*. Begitu juga kepakaran beliau dalam bidang seni suara seperti nasyid, berzanji dan marhaban serta qasidah. Di antara lain dalam bab ini, penulis cuba merungkai tentang pujian dan kritikan terhadap diri beliau, penghargaan dan kurniaan serta diakhiri bab ini dengan kesimpulan.

**Bab Keempat** pula merupakan kemuncak kepada kajian ini. Perbincangan yang utama meliputi pengenalan, pengaruh ilmu tarannum dan metodologi Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam ilmu tarannum al-Quran. Seterusnya disusuli dengan sumbangan-sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam ilmu tarannum al-Quran di Malaysia dan diakhiri dengan kesimpulan.

Seterusnya **Bab Kelima** merupakan bab terakhir di dalam kajian ini, akan mengutarakan beberapa rumusan dan saranan sebagai penutup.

---

# BAB PERTAMA

## ILMU TARANNUM AL-QURAN DAN PERBINCANGANNYA

---

### 1.1 PENGENALAN

Al-Quran sebagai kitab panduan umat Islam yang menjadi mukjizat Nabi Muhammad s.a.w dan sebuah kitab sering dibaca oleh orang-orang yang beriman. Dengan membaca dan mendengar ayat-ayat al-Quran yang dibaca, tidak pernah rasa jemu dan bosan. Apa lagi jika dibaca al-Quran dengan bertarannum dalam pelbagai bentuk irama lagu.

Hal ini telah disokong oleh pengkaji Islam kuliah al-lughah di Universiti Libanon, beliau mengatakan bahawa kemukjizatan al-Quran juga dapat dirasakan pada keindahan lagu-lagu al-Quran.<sup>29</sup>

Membaca al-Quran secara bertarannum juga adalah merupakan salah satu seni dalam Islam. Seni adalah merupakan sesuatu yang dapat

---

<sup>29</sup> Subhī Ṣālīḥ (1988), *Mabāḥiṭh Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt : Dār al-'Ilmī Wa al-Malāyīn, cet. 17, hlm. 334.

menimbulkan rasa keindahan dan kehalusan yang dapat pula mencetuskan aneka rasa kepada pembaca, pelihat dan pendengarannya.<sup>30</sup>

Keindahan membaca al-Quran tentunya dikaitkan dengan aspek-aspek kefasihan dalam bacaan, *makhraj huruf*, tajwid, suara dan lagu-lagu untuk menghasilkan suatu bacaan yang dikenali sebagai bacaan *tartīl*.

Namun, secara umumnya tarannum al-Quran adalah satu cara untuk mencantikan atau mengelokkan ketika membaca al-Quran kerana ia merupakan salah satu aspek seni Islam yang harus difahami dengan jelas dan perlu dipelajari seperti aspek-aspek kesenian Islam yang lain.

---

<sup>30</sup> Abdul Halim Abdullah, September (1981), *Kesenian Islam Menurut Pandangan Islam*, Majalah al-Islam, Utusan Melayu, bil. 9, hlm. 30.

## 1.2 DEFINISI TARANNUM

Dalam mendefinisi perkataan tarannum, penulis dapati banyak kalimah dalam bahasa arab yang membawa makna tarannum itu sendiri. Penulis akan menukilkan maksud perkataan yang biasa digunakan dalam kitab-kitab arab dan panggilan-panggilan masyarakat umum.

### 1.2.1 Bahasa

Ibn al-Manzūr dalam kitab *Lisān al-‘Arab* menyebut, tarannum dari sudut bahasa, berasal dari perkataan ( تَرَنَّمَ ) yang bererti menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.<sup>31</sup>

Di antara lain, tarannum juga dengan makna *lahan* ( لَحَنَ ) dan *jama‘nya* أَلْحَانَ وَلُحُونَ وَلَحَنَ فِي قِرَائَتِهِ<sup>32</sup>. Maksudnya membaca dengan nada suara yang indah atau suara yang dibawakan dalam bentuk seni.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Ibn al-Manzūr, Muḥammad b. Muḥarram al-Afriḳiyy al-Miṣrī (1956), *Lisān al-‘Arab*, Bayrūt : Dār al-Sadīr, jld. 12, hlm. 256.

<sup>32</sup> *Ibid*, jld. 17, hlm. 263.

<sup>33</sup> Labieb Saied (t.t), *Melagukan al-Quran*, Surabaya Indonesia : (t.c), hlm. 10.

Ibn al-Barriyy telah menyebut dalam kitab *al-Bayān li Ḥukm al-Qirā'āt al-Qur'ān bi al-Alḥān*, perkataan *al-Laḥn*<sup>34</sup> ialah *al-ghinā'* ( الغِنَاءُ ), *tarjī' al-ṣawt* ( تَرْجِيعُ الصَّوْتِ ) dan *taṭrīb* ( تَطْرِيبُ ).<sup>35</sup> Semua perkataan tersebut bermaksud tarannum, lagu, berdendang atau nyanyian.

Di antara lain, tarannum seerti juga dengan *taḥsīn al-ṣawt* ( تَحْسِينُ الصَّوْتِ ), *taḥsīn al-qirā'ah* ( تَحْسِينُ الْقِرَاءَةِ ), *al-tagħannī*<sup>36</sup> ( التَّغْنِي ), *al-jahr bi al-Qur'ān* ( الْجَهْرُ بِالْقُرْآنِ ), *rafa' al-ṣawt* ( رَفَعُ الصَّوْتِ ), dan *al-qirā'ah al-mujawadah* ( الْقِرَاءَةُ الْمَجُودَّةُ ).<sup>37</sup>

<sup>34</sup> Perkataan *al-Laḥn* menurut Ibn al-Barriyy membawa makna salah. Iaitu salah dalam enam bentuk. *pertama*: I'rab. *Kedua*: Lughah. *Ketiga*: Melagukan. *Keempat*: Fitnah. *Kelima*: Berpaling. *Keenam*: Makna. Lihat Ayman Rushdī Suwīd (1991), *al-Bayān li Ḥukm al-Qirā'āt al-Qur'ān Bi al-Alḥān*, al-Madinah : Syarīkah al-Madinah al-Munawarah Jaddah, cet. 1, hlm. 13.

<sup>35</sup> *Ibid*, hlm. 14.

<sup>36</sup> Imam al-Ghazālī pula menegaskan *al-tagħannī* bermaksud tarannum dan membaguskan suara. Itulah yang paling diterima menurut pakar bahasa. Lihat al-Ghazālī, Abī Ḥāmīd Muḥammad b. Muḥammad (2004), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Kaḥerah : Dār al-Ḥadīth, jld. 1, hlm. 366. Ibn al-Jawzī pula berkata, perkataan *al-Tagħannī* terdapat empat pendapat, *pertama*: Memperindahkan suara. *Kedua*: Merasa kaya dan cukup dengan al-Quran. *Ketiga*: Merasa sedih dan berduka iaitu dengan suara yang lembut, halus, berseni serta khusyuk yang dapat mewujudkan suasana syahdu untuk menangis. *Keempat*: Menyibukkan diri dengan urusan al-Quran. Dengan itu, Imam al-Syāfi'ī, para penyokong serta jumhur ulama berpegang bahawa *al-tagħannī* bermakna memperelokkan seni suara terhadap al-Quran. Lihat al-'Asqalānī, Aḥmad b. 'Aliyy b. Ḥajar (2000), *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Riyāḍ : Dār al-Salām, jld. 9, hlm. 88.

<sup>37</sup> Al-Syaykh Aḥmad b. Aḥmad b. Muḥammad 'Abd Allāh al-Ṭawīl (1999), *Fan al-Tartīl Wa 'Ulūmuh*, al-Madinah al-Munawwarah : al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, jld. 1, cet. 1, hlm. 157, 165 dan 179.

Selain dari itu, tarannum juga disebut dengan *al-naghām* ( النَّغَامُ ).

Kata *al-naghām* adalah bentuk *mufrad*, *jama'*nya *anaghām* ( أَنْعَامٌ ).<sup>38</sup>

Adapun kata terbitan *al-naghamah / al-naghamah* ( النَّغْمَةُ / النَّغْمَةُ )

( bentuk *mu'annath* dari *al-nagham* ( النَّغْمُ ), *jama'*nya adalah *al-*

*naghāmāt* ( النَّغَامَاتُ ) bererti lagu dalam konteks memperindahkan suara

dalam bacaan al-Quran ( حُسْنُ الصَّوْتِ بِالْقُرْآنِ ).<sup>39</sup>

Dalam kamus dewan bahasa, perkataan tarannum bermaksud kaedah memperelok atau memperindah bacaan al-Quran secara berlagu.<sup>40</sup> Lagu pula bermaksud irama suara dalam bacaan, nyanyian dan percakapan. Melagukan bermaksud membaca dengan lagu al-Quran, sajak dan lain-lain.<sup>41</sup> Begitu juga dalam kamus *munjīd al-tullāb*, kesemua perkataan di atas membawa maksud dengan getaran turun naik suara, dengan kata lain nada dan irama.<sup>42</sup>

---

<sup>38</sup> Ilyas (1972), *Modern Dictionary Arabic English*, Bayrut : Dār Jayl, hlm. 1719.

<sup>39</sup> *Ibid*

<sup>40</sup> Hjh. Noresah bt. Baharom (2010), *op. cit.* hlm. 1609.

<sup>41</sup> *Ibid*, hlm. 867.

<sup>42</sup> Fu'ād Ifram al-Bustānī (1986), *Munjīd al-Ṭullāb*, Bayrūt: Dār al-Musyrik, hlm. 264, 232, 678, 529 dan 438.



### 1.2.2 Aspek Istilah

Secara khususnya istilah tarannum al-Quran ini merujuk kepada lagu al-Quran atau dengan perkataan lain, membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan berlagu ketika membaca al-Quran. Kerana istilah ini digunakan oleh Dewan Juri Majlis Tilawah al-Quran Nasional dan Internasional di Malaysia.<sup>43</sup>

Di Malaysia, istilah tarannum telah menjadi sinonim dengan merujuk kepada tarannum al-Quran, lagu-lagu al-Quran atau seni lagu al-Quran. Bagi negara arab, istilah tarannum tidak masyhur kerana mereka menggunakan istilah *al-naghām* dan *al-maqāmāt* untuk maksud tarannum al-Quran termasuk juga negara Indonesia.

Namun, istilah tarannum ini diguna pakai dan paling dikenali di Malaysia untuk menunjukkan lagu-lagu al-Quran atau membaca al-Quran secara berlagu. Ini adalah bertujuan untuk membezakan dengan istilah lagu-lagu lain seperti nasyid, qasidah, berzanji, tausyih dan lain-lain.<sup>44</sup> Perlu ditingkatkan bahawa tarannum al-Quran tidak boleh melagukan sebarang kerana ia hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama.

---

<sup>43</sup> Peraturan Kehakiman Jabatan Perdana Menteri (1992), *Buku Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke 33*, (Kuala Lumpur).

<sup>44</sup> Napiah Sahrani (2001), *Qirā'āt dan Tarannum dalam Tilawah al-Quran*, Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Quran, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Selangor, hlm. 6.

Jelasnya, tarannum ini boleh definisikannya dari sudut bahasa sebagai lagu atau irama. Dari sudut istilah pula ia membawa maksud ilmu atau kaedah suara yang dibunyikan menerusi nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan kelunakan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya bacaan al-Quran.<sup>45</sup>

Kesimpulannya, ilmu tarannum ditakrifkan sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang cara-cara bagaimana melagukan bacaan al-Quran yang meliputi aspek tajwid, fasahah dan suara.

---

<sup>45</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op.cit.*, hlm. 2.

### 1.3 PENDALILAN TARANNUM

Dalam mengukuhkan sesuatu hujjah atau pun bukti sesuatu perkara, maka mestilah dengan mengemukakan sumber atau dalil. Dengan ini, penulis akan mendatangkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadis untuk mengukuhkan bahawa ilmu tarannum ini ada sandarannya.

#### 1.3.1 Dalil al-Quran

Berkaitan dengan dalil ayat-ayat al-Quran ini secara umumnya tidak ada Nas membincangkan dengan jelas, akan tetapi disebalik makna ayat-ayat yang telah ditafsirkan oleh kebanyakan *mufasssirin* yang menghubungkan dengan bacaan al-Quran secara bertarannum.

Penulis dapat tampilkan di sini ayat yang ada kaitan dalam al-Quran, di antaranya :

**Pertama :** Firman Allah s.w.t :

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً

Maksudnya:

“ Dan Bacalah al Quran itu dengan tartil ”.<sup>46</sup>

---

<sup>46</sup> Al-Muzammil : 4.

**Kedua :** Firman Allah s.w.t :

وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

Maksudnya:

“ Dan Kami membacanya secara tartil (teratur dan benar) ”. <sup>47</sup>

Ayat ini telah ditafsirkan oleh ulama *mufasssirin* dengan berbagai-bagai penafsiran. Perbahasan yang difokuskan ialah pada kalimah “ *tartil* ”. Setengah *mufasssirin* seperti Imam al-Syāfi‘ī, Ḥanafī<sup>48</sup>, al-Ghazālī<sup>49</sup> dan al-Nawawī<sup>50</sup> telah mengkategorikan maksud *tartil* sebagai bacaan al-Quran dengan suara yang merdu dan indah.

Menurut al-Ṭabarī, *tartil* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut membawa makna membaca al-Quran dengan sejelas-jelasnya dan sebagus-bagusnya.<sup>51</sup> Al-Qurṭubī mengatakan jangan kamu percepatkan bacaan al-Quran, tetapi bacalah dengan perlahan supaya dapat meneliti maknanya dan

---

<sup>47</sup> Al-Furqān : 32.

<sup>48</sup> Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Aliyy (1999), *Rawāi‘ al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Aḥkām Min al-Qur’ān*, Kaherah : Dār al-Ṣābūnī, jld. 2, hlm. 457.

<sup>49</sup> Al-Ghazālī, Abī Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad (1994), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Bayrūt: Dār al-Fikr, jld. 1, hlm. 239.

<sup>50</sup> Abī Zakariyyā b. Syariffuddīn al-Nawawī al-Syāfi‘ī (1985), *al-Tibyān Fī Adāb Ḥamlah al-Qur’ān*, Damasyq : Dār al-Bayān, cet. 1, hlm. 90.

<sup>51</sup> Al-Ṭabarī, Abī Ja‘far Muḥammad b. Jarīr (1988), *Jāmi‘ al-Bayān Fī al-Ṭawīl Ayyi al-Qur’ān*, Bayrūt : Dār Fikr, jld. 14, hlm. 129.

beliau menaqqalkan pendapat al-Dahak yang menyatakan membaca al-Quran itu harus dibaca huruf ke huruf.<sup>52</sup>

Ibn Kathīr pula menyatakan bahawa *tartil* itu bermaksud bacaan al-Quran dengan perlahan, kerana dengan cara ini dapat memahami dan bertadabur ayat-ayat al-Quran.<sup>53</sup>

Al-Bayḍawī pula menyatakan *tartil* itu ialah memperelokkan dalam bacaan dengan sebaik-baiknya dengan berdasarkan kepada pendapat Saidina ‘Alī r.a ( تَجْوِيدُ الْحُرُوفِ وَمَعْرِفَةُ الْوُقُوفِ ) iaitu mentajwidkan (mengelokkan) sebutan huruf-huruf al-Quran dan mengetahui waqaf-waqafnya.<sup>54</sup>

Al-Nasafī dalam tafsirnya menyatakan bahawa *tartil* ialah memberikan hak-hak huruf al-Quran, meneliti dan bertadabur serta beramal dengan isi kandungannya tanpa membuat perubahan.<sup>55</sup>

---

<sup>52</sup> Al-Qurṭubī Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr (2006), *al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qur’ān*, Bayrūt : Lubnan, cet.1, jld. 1, hlm. 37.

<sup>53</sup> Muḥammad Maḥmūd ‘Abd Allāh (1992), *Jahr al-Fawāid Fī al-Qur’ān al-Karīm*, al-Madīnah Su‘ūdiyyah : Dār al-Wataniyah al-Jadīdah, cet. 1, hlm. 70.

<sup>54</sup> *Ibid*

<sup>55</sup> Al-Nasafī, Aḥmad b. Aḥmad Maḥmūd (t.t), *Tafsīr al-Nasafī* , Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, hlm. 72.

Yūsuf al-Qaraḍawī pernah menyatakan bahawa kemukjizatan al-Quran itu jelas, apabila dilihat dalam membaca al-Quran dengan menggabungkan antara keindahan suara dan tajwidnya.<sup>56</sup>

Dengan itu, secara kesimpulannya yang dapat diambil daripada gabungan pendapat-pendapat ahli *Mufasssirin* bahawa jika ingin mencapai tahap *tartil* yang sebenar dalam sebutan huruf, makhraj huruf, waqaf dan ibtida'nya serta bertadabur dalam ayat al-Quran, tiada jalan lain melainkan dengan mengindahkan suara dengan menyaringkan suara atau getaran-getaran suara yang mengikut kehendak hukum-hukum tajwid. Dengan bertajwid seseorang dapat memperbaiki, memperelokan dan memperindahkan bacaan al-Quran dengan seni lagunya. Oleh itu, jelaslah bahawa tarannum termasuk dalam *tartil*. Ini menunjukkan ada sandarannya daripada ayat-ayat al-Quran.

---

<sup>56</sup> Yūsuf al-Qaraḍawī (1997), *Sistem Masyarakat Islam Dalam al-Quran Dan al-Sunnah*, terjemahan Salam Masykur Solo, Kuala Lumpur : Citra Islami Press, cet. 1, hlm. 261.

### 1.3.2 Dalil Hadis

Tarannum adalah merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. Banyak hadis yang menyarankan dengan jelas supaya bertarannum. Hal ini telah termaktub pada hadis-hadis berikut:

#### Hadis Pertama :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُغَفَّلٍ قَالَ : رَأَيْتُ رَسُولَ  
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ  
وَهُوَ عَلَى نَاقَةٍ يَقْرَأُ بِسُورَةِ الْفَتْحِ وَهُوَ يُرْجِعُ

Maksudnya :

“ *Daripada ‘Abd Allāh b. Mughaffal, ia berkata : Aku melihat Rasulullah s.a.w pada hari pembukaan kota Makkah sedang ia di atas untanya membaca surah al-Fath dengan mengulangi bacaan (bacaan bertarannum) ”.*<sup>57</sup>

#### Hadis kedua :

عَنْ عَائِشَةَ عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :  
سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ  
وَالْتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ فِي الْعِشَاءِ ، وَمَا سَمِعْتُ  
أَحَدًا أَحْسَنُ صَوْتًا مِنْهُ أَوْ قِرَاءَةً.

<sup>57</sup> Abū Dāwūd Sulaymān b. al-Asy’ath al-Sijistānī al-Azdī (t.t), *Sunan Abī Dāwūd*, Bayrūt : Dār al-Fikr, Bab *Istihbāb al-Tartīl Fī al-Qirā’ah*, no. 1465, jld. 2, hlm. 74.

Maksudnya :

“ Daripada Saydatina ‘Ā’isyah (r.a), daripada al-Barrā’ (r.a) : Bahawa aku mendengar nabi s.a.w membaca surah al-Tīn dalam solat isyak, dan aku belum pernah mendengar suara atau bacaan seseorang yang lebih indah daripada Baginda s.a.w”.<sup>58</sup>

**Hadis Ketiga :**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا أَدِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَا أَدِنَ لِنَبِيِّ حَسَنَ التَّرْتُّمِ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya :

Dari Abī Hurayrah r.a katanya, aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda : “Allah s.w.t tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah s.w.t menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan (tarannum) al-Qurannya”.<sup>59</sup>

<sup>58</sup> Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl, al-Ja‘fī (1987), *Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, Bayrūt : Dār Ibn Kathīr al-Yamāmah, bab *al-Qirā’ah Fī al-‘Asyīrah*, no. hadis 735, jld. 1, hlm. 266.

<sup>59</sup> ( ‘*Adhina* ) bermakna ( *istama‘ā* ) iaitu mendengar dengan penuh perhatian. al-Mundhirī, ‘Abd al-‘Azīm b. ‘Abd al-Qawiy (1933), *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Min Ḥadīth al-Syarīf*, Kaherah : Muṣṭafā al-Bābi al-Halabi, jld. 2, hlm. 309. Lihat juga al-Dimasyqi, Ibn Himmāt Syamsuddīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ḥasan (t.t) *al-Tankūt Wa al-Ifādah Fī Takhrīj Aḥādīth Khātimah Ṣafar al- Sa‘ādah*, Dimasyq : Dār al-Ma‘mūn, hlm. 189.



#### Hadis keempat :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَا أَذِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ،  
مَا أَذِنَ لِنَبِيِّ حَسَنِ الصَّوْتِ، يَتَغَنَّى  
بِالْقُرْآنِ، يَجْهَرُ بِهِ.

Maksudnya :

“ Dari Abī Hurayrah r.a katanya, aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda : Tidak ada yang disukai Allah s.w.t sebagaimana Ia menyukai nabiNya memperindahkan suara dengan melagukan al-Quran dan membaca dengan suara yang jelas”.<sup>60</sup>

#### Hadis Kelima :

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ لَمْ يَتَغَنَّ  
بِالْقُرْآنِ فَلَيْسَ مِنَّا.

Maksudnya:

“ Daripada Abī Salamah, daripada Abī Hurayrah katanya : Rasulullah s.a.w bersabda : Barang siapa yang tidak berlagu ketika membaca al-Quran bukanlah daripada kalangan kami ”.<sup>61</sup>

<sup>60</sup> Al-Naysābūrī, Abū Husayn Muslim b. Hajjāj al-Qusyayrī (1992), *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, Istanbul : Dār al-Dakwah Wa Dār Suḥūn, Bab Istiḥbāb *Taḥsīn al-Ṣawt Bi al-Qur’ān*, no hadis 233, hlm. 545.

<sup>61</sup> Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl (t.t) : ‘*Umdah al-Qārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (t.c), *Bab Man Lam Yataghannā Bi al-Qur’ān*, jld. 19, hlm. 39.

### Hadis Keenam :

عَنْ الْبَرَاءِ ابْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : قَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : زِينُوا  
الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ.

Maksudnya :

“ *Daripada al-Barrā’ b. ‘Āzib r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda : Hiasilah al-Quran dengan suara-suara kamu* ”.<sup>62</sup>

### Hadis Ketujuh :

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ قُرَّةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُعَفَّلٍ الْمِزَنِيِّ  
قَالَ : رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
يَوْمَ الْفَتْحِ عَلَى نَاقَةٍ لَهُ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ أَوْ مِنْ  
سُورَةِ الْفَتْحِ قَالَ فَرَجَّعَ فِيهَا قَالَ ثُمَّ قَرَأَ مُعَاوِيَةَ  
يَحْكِي قِرَاءَةَ ابْنِ مُعَفَّلٍ وَقَالَ لَوْلَا أَنْ يَجْتَمِعَ  
النَّاسُ عَلَيْكُمْ لَرَجَّعْتُ كَمَا رَجَّعَ ابْنُ مُعَفَّلٍ  
يَحْكِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

<sup>62</sup> Ibn Hibbān, Muḥammad b. Hibbān b. Aḥmad Abū Hātim al-Tamīmī al-Bustī (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi al-Tarīb Ibn Bulbān*, Bayrūt: Muassasah al-Risalah, jld. 3, Bab *dhikr Ibāḥah Taḥsīn al-Mari’ Sawtuhu Bi al-Qur’ān*, hlm. 25. Hadis ini menurut pendapat imam Syāfi’ī bermaksud Rasulullah s.a.w menggalakkan umatnya supaya mengelakkan suaranya ketika membaca al-Quran bukanlah bermaksud mengutamakan lagu daripada peraturan yang ada pada al-Quran itu, lebih-lebih lagi ketika membacanya. Mengelakkan bacaan itu ialah dengan suara yang baik, sebutan yang betul boleh menarik perhatian pendengar dan pembaca dengan penuh minat serta penuh kesedaran. Lihat al-Naysābūrī, Abū Husayn Muslim b. Hajjāj al-Qusyayrī (t.t) : *Ṣaḥīḥ al-Muslim, Bi Syarḥ Nawawī*, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , jld. 5. hlm. 78-79.

Maksudnya :

“ Dari Mu‘āwiyah b. Qurrah daripada ‘Abd Allāh b. Mughaffal al-Mudhanī yang berkata : Daku melihat Rasulullah s.a.w pada hari pembukaan kta Makkah. Baginda s.a.w berada di atas unta dan membaca surah al-Fath atau sebahagiannya dalam keadaan bertarannum. Kemudian Mu‘āwiyah membaca seperti mana bacaan Ibn Mughaffal seraya berkata, kalaulah bukan di sebabkan orang akan berkumpul bersama kamu, pastinya daku akan bertarannum sepertimana Ibn Mughaffal memceritakan bacaan Rasulullah s.a.w.”<sup>63</sup>

#### Hadis Kelapan :

عَنْ قَتَادَةَ قَالَ : سُئِلَ أَنَسٌ : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ فَقَالَ : كَانَتْ مَدًّا. ثُمَّ قرَأَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ يَمُدُّ بِبِسْمِ اللَّهِ ، وَيَمُدُّ بِالرَّحْمَنِ وَيَمُدُّ بِالرَّحِيمِ.

Maksudnya :

“ Dari Qatādah dia berkata, Anas ditanya, bagaimana bacaan Rasulullah s.a.w? dia menjawab, biasanya bacaannya panjang, kemudian ia membaca (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) beliau memanjangkan (بِسْمِ اللَّهِ), memanjangkan (الرَّحْمَنِ), memanjangkan (الرَّحِيمِ).”<sup>64</sup>

<sup>63</sup> Al-Naysābūrī, Abū Ḥusayn Muslim b. Hajjāj al-Qusyayrī (1995), *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, Bayrūt : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, jld. 2, hlm. 193.

<sup>64</sup> Al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Aliyy b. Ḥajar (2000), *op. cit.*, jld. 9, cet. 1, hlm. 104.

#### 1.4 SEJARAH TARANNUM AL-QURAN

Ilmu tarannum adalah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Bahkan ia wujud sebelum Rasulullah s.a.w iaitu sejak Nabi Dāwūd a.s yang membaca kitab Zabur dengan 70 tarannum.<sup>65</sup> Bukti yang kukuh lagi berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w :

يَا أَبَا مُوسَى لَقَدْ أُوتِيْتَ مِزْمَارًا مِنْ مِزَامِيرِ آلِ  
دَاوُدَ

*Maksudnya:*

*“Wahai Abū Musā sesungguhnya telah dikurniakan kepadamu seruling dari seruling keluarga nabi Dāwūd ”<sup>66</sup>.*

Munurut Ibn Manzūr, sejarah asal mulanya tarannum al-Quran itu ada dua pendapat. Pendapat pertama mengatakan bahawa tarannum al-Quran itu berasal dari nyanyian anak-anak orang kafir yang tertawan ketika di dalam peperangan menentang kaum muslimin. Pendapat kedua pula tarannum al-Quran itu berasal dari nyanyian nenek moyang bangsa arab.<sup>67</sup>

Ibn al-‘Arabī berkata, biasanya orang arab apabila menunggang unta atau duduk bersabtai di halaman mereka maka ia berdendang, menyanyi dan

---

<sup>65</sup> *Ibid*, hlm. 71.

<sup>66</sup> Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bayrūt : Dār Fikr, jld. 6, no hadis 5048, Bab *Ḥusnī al-Ṣawt Bi al-Qur’ān*, hlm. 137.

<sup>67</sup> Yūsuf al-Qaraḍawī (1997), *op.cit.*, jld. 19, hlm. 376.

bertarannum. Begitulah tabiat kehidupan seharian mereka. Apabila al-Quran diturunkan, Rasulullah s.a.w amat menyukai agar tabiat mereka itu supaya digantikan kepada mentarannum dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran.<sup>68</sup>

Pada zaman Rasulullah s.a.w juga terdapat beberapa orang *qurrā'* dari kalangan sahabat yang masyhur bertarannum dengan baik dan suara yang merdu, sehinggakan mereka dipuji oleh baginda Rasulullah s.a.w sendiri, iaitu :<sup>69</sup>

1. 'Uthmān b. 'Affān
2. 'Alī b. Abī Ṭālib
3. Ubay b. Ka'ab
4. Zayd b. Thābit al-Anṣārī
5. 'Abd Allāh b. Mas'ūd
6. Abū Mūsā al-Asy'arī
7. Sālim Mawlā b. Abī Huzayfah
8. Mu'ādh b. Jabal
9. Abū Dardā'

---

<sup>68</sup> Al-'Asqalānī, Aḥmad b. 'Aliyy b. Ḥajar (2000), *op.cit.*, hlm. 88 dan 89.

<sup>69</sup> Syaykh Aḥmad b. Muḥammad al-Bannā (1987), *Ittiḥāf Fuḍalā' al-Basyār Bi Qirā'ah al-Arba'ah 'Asyar*, Bayrūt: 'Alīm al-Kutub, cet. 1, jld. 1, hlm. 13-14. Lihat juga al-Sayūfī, 'Abd al-Raḥman b. Abī Bakr (t.t), *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 158. Lihat Juga Sayyid al-'Alāwibīn Sayyid 'Abbas al-Malikī (1960), *Fa'īd al-Kabā'ir Wa Khulāfah al-Taqrīn 'Alā Nahj al-Taysīr Syarḥ Manzūmah al-Tafsīr*, (t.t.p) : Matba'ah al-Bukhālah al-Jadīdah, cet. 2, hlm. 83-84.

## 10. Abū Zayd al-Anṣārī

Di zaman tabi‘in pula, ‘Ubaydullah b. Abī Bakrah al-Thaqāfī (14–79 H) telah dikatakan orang pertama membaca al-Quran secara bertarannum. Kemudian ia diikuti oleh ‘Ubaydullah b. ‘Umar (70-149 H) dan Sa‘īd al-‘Allāf al-Baladī. Bacaannya menjadi ikutan sehingga diberi gelaran dengan bacaan al-‘Umarī.<sup>70</sup>

Al-Syaykh Aḥmad b. Aḥmad b. Muḥammad ‘Abd Allāh al-Ṭawīl dalam kitab *Fan al-Tartīl Wa ‘Ulūmuh*, menyatakan bahawa ‘Ubaidullah b. Bakrah adalah orang yang pertama membaca al-Quran secara bertarannum dan yang mengembangkan ilmu tarannum pada zaman tabi‘in. Kemudian diwarisi oleh ‘Abd Allah b. ‘Umar b. ‘Ubaydullah. seterusnya Sa‘īd bin al-‘Allāf yang memasyhurkan bacaan tarannum ini sehinggakan diketahui oleh pemerintah dan pembesar-pembesar pada masa itu dan dijemput untuk membaca al-Quran bertarannum pada majlis-majlis keraian dan di rumah-rumah mereka.<sup>71</sup> Bermulanya di situ, kemudiannya semakin berkembang ilmu tarannum.

---

<sup>70</sup> Ibn al-Athīr, Majd al-Dīn al-Mubārak Ibn Muḥammad (1963), *al-Nihāyah Fī Gharīb al-Ḥadīth Wa al-Athār*, Kaherah : Maktabah Islamiyyah, jld. 3, hlm. 391.

<sup>71</sup> Al-Syaykh Aḥmad b. Aḥmad b. Muḥammad ‘Abd Allāh al-Ṭawīl (1999), *op.cit.*, jld. 1, hlm. 152.

Dalam perkembangan selanjutnya dikatakan tercatat seorang wanita yang ahli muzik bernama ‘Aisyah yang meninggal sekitar tahun (743 M). Ia belajar tarannum dari Ma‘bad dan Ibn Abī al-Samah.<sup>72</sup>

Terdapat *qurrā’* yang masyhur di kalangan tabiin. Mereka tinggal di beberapa tempat seperti Madinah, Makkah, Basrah, Kufah, Syam dan sebagainya.<sup>73</sup>

Di Madinah *qurrā’* yang masyhur seperti :

1. Sa‘īd b. Musayyib
2. ‘Urwah b. Zubayr
3. ‘Umar b. ‘Abdul ‘Azīz
4. Sulayman b. Yasār
5. Zayd b. Aslam dan lain-lain

Di Makkah pula :

1. Mujāhid
2. Ṭāwus

---

<sup>72</sup> KH. Muhsin Salim, SQ (2004), *Ilmu Nagham al-Quran*, Jakarta : Pt. Keboyoran Widya Ridta, cet. 2, hlm. 19.

<sup>73</sup> Al-Sindī, Dr. ‘Abd Allāh al-Qayyim b. ‘Abd al-Ghafūr (2001), *Ṣafaḥah Fī ‘Ulūm al-Qirā’āt*, Bayrūt : Dār, al-Basyar al-Islamiyyah Makkah al-Mukarramah al-Maktabah Imdadiyyat, hlm. 36-37. Dan lihat Mannā‘ al-Qaṭṭān (1998), *op. cit.*, hlm. 180. Lihat juga Syaykh Aḥmad b. Muḥammad al-Bannā (1987), *op. cit.*, hlm. 17-18.

3. 'Ikramah
4. Ibn Abī Malikah dan lain-lain

Di Basrah :

1. Ammār b. 'Abd al-Qays
2. Nasr
3. 'Āsīm
4. Yaḥya b. Ya'mar
5. Ibn Sīrīn dan lain-lain

Di Kuffah :

1. 'Al-Qamah b. Qays al-Nakha'ī
2. Abū 'Abd al-Raḥmān b. Ḥabīb al-Sulamiyy
3. Al-Aswad b. Yazīd al-Nakha'ī dan lain-lain

Di Syam :

1. Al-Mughīrah b. Abī Syihāb al-Makhzūmī
2. Khalid b. Sa'īd dan lain-lain.



Pada zaman tabiin dan zaman seterusnya telah muncul di kalangan ulama *qurrā'* yang masyhur iaitu imam-imam *qirā'āt* yang *mutawātirah*. Mereka inilah yang mengembangkan ilmu-ilmu al-Quran termasuklah ilmu tarannum sampai ke hari ini.

## 1.5 HUKUM TARANNUM AL-QURAN

Sebagaimana kita maklumi bahawa bertarannum ketika membaca al-Quran dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w berdasarkan hadis-hadis yang *ṣaḥīḥ*. Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat khilaf di kalangan para ulama tentang hukum tarannum al-Quran. Secara umumnya khilaf di kalangan ulama terbahagi kepada dua golongan iaitu :

**a. Pendapat pertama :** Golongan yang melarang bertarannum.

Para ulama yang melarang tarannum al-Quran, mereka berpegang dengan dalil-dalil berikut :

1. Dari Ḥuzayfah al-Yamānī bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

إِقْرُوا الْقُرْآنَ بِلُحُونِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا وَإِيَّاكُمْ  
وَلُحُونِ أَهْلِ الْكِتَابَيْنِ وَأَهْلِ الْفِسْقِ فَإِنَّهُ  
سَيَجِيءُ بَعْدِي قَوْمٌ يُرْجِعُونَ بِالْقُرْآنِ تَرْجِيعَ  
الْغِنَاءِ وَالرَّهْبَانِيَّةِ وَالنَّوْحِ لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ  
مَفْتُونَةً قُلُوبُهُمْ وَقُلُوبُ مَنْ يُعْجِبُهُمْ شَأْنُهُمْ.

Maksudnya :

“ Bacalah al-Quran dengan tarannum-tarannum arab dan suara mereka. Dan jauhilah diri kamu dari tarannum-tarannum ahl al-kitab (Yahudi dan Nasrani) dan orang-orang fasiq. Sesungguhnya akan datang satu kaum yang mentarannumkan al-Quran dengan

*tarannum-tarannum nyanyian, tarannum gereja dan tarannum kematian. Sebelum melangkahi leher mereka pun sudah rosak hati mereka dan hati orang yang mengagumi keadaan mereka* „<sup>74</sup>

2. Daripada Ibn ‘Abbās berkata, seorang tukang azan Rasulullah s.a.w melagukan azan, lalu Rasulullah s.a.w bersabda :

إِنَّ الْأَذَانَ سَهْلٌ سَمِحٌ فَإِنْ كَانَ أَذَانُكَ سَهْلًا  
سَمِحًا وَإِلَّا فَلَا تُؤَذِّنْ.

Maksudnya :

“ Sesungguhnya azan itu mudah (lagunya) sebaik-baik azan kamu memudahkannya, jika tidak, jangan azan ”.<sup>75</sup>

3. Dari ‘Abū ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakrah yang berkata :

كَانَتْ قِرَاءَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
الْمَدُّ، لَيْسَ فِيهِ تَرْجِيعٌ.

<sup>74</sup> Al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān b. Aḥmad (1984) *al-Mu‘jam al-Kabīr*, Jaddah : Dār al-Bayān al-‘Arabī, jld. 18, hlm 35. Sila lihat al-Haythamī, ‘Aliy b. Abī Bakr (1987) *Majma‘ al-Zawā‘id*. Kaherah : Dār al-Kutub al-‘Arabī, jld. 3, hlm. 249. Kata al-Haythami dalam riwayat Ṭabarānī, terdapat seorang rawi yang tidak dijelaskan. Lihat juga Ibn ‘Abd al-Barr, Yūsuf b. ‘Abd Allāh b. ‘Abd al-Barr (1967), *al-Tamhīd Limā Fī al-Muwatṭā’ Min al-Ma‘ānī Wa al-Asānīd*, Maghrib : Maṭba‘ah Fuḍālah jld. 8, hlm. 147.

<sup>75</sup> Al-Dāruqūṭnī, ‘Aliyy b. ‘Umar (1994), *Sunan al-Dāruqūṭnī*, Bayrūt : Dār al-Fikr, Bab *dhikr al-Iqāmah*, no hadis 906, jld. 1, hlm. 190.

Maksudnya :

“ *Bacaan (al-Quran) Rasulullah s.a.w itu adalah secara mad dan tiada tarjī’ (bertarannum ”)*<sup>76</sup>.

4. Ibn al-Qayyim menukilkan satu riwayat bahawa Ziyād al-Nahdī datang menziarahi Anas b. Mālik r.a. bersama beberapa orang *qurrā’*. Kemudian dikatakan kepada Ziyād :

إِقْرَأْ، فَرَفَعَ زِيَادُ صَوْتَهُ بِالْقِرَاءَةِ وَطَرَّبَ ،  
وَكَانَ رَفِيعُ الصَّوْتِ ، فَكَشَفَ أَنَسُ عَنْ  
وَجْهِهِ - وَكَانَ عَلَى وَجْهِهِ خَرْقَةٌ سَوْدَاءٌ -  
وَقَالَ : يَا هَذَا مَا هَكَذَا كَأَنُومًا يَفْعَلُونَ ،  
وَكَانَ أَنَسُ إِذَا رَأَى شَيْئًا يَنْكُرُهُ رَفَعَ الْخَرْقَةَ  
عَنْ وَجْهِهِ .

Maksudnya :

“ *Bacalah al-Quran. Kemudian Ziyād membaca dengan suara yang tinggi dan bertarannum. Kebetulan Ziyād memang mempunyai bakat suara bernada tinggi. Tiba-tiba Anas memecat kain berwarna hitam di atas kepalanya, seraya berkata, wahai awak, apa yang sedang mereka lakukan ini? Menjadi kebiasaan Anas, apabila melihat sesuatu perkara yang tidak disukainya, beliau akan menanggalkan kain di atas kepalanya*”<sup>77</sup>.

<sup>76</sup> Al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān b. Aḥmad (1984), *al-Mu‘jam al-Awṣāṭ*, Jaddah : Dār al- Bayān al-‘Arabī, jld. 10, hlm. 460.

<sup>77</sup> Al-Jawziyyah, Muḥammad b. Abī Bakr b. al-Qayyim (1981), *Zād al-Ma‘ād Fī Hady Khayr al- ‘Ibād*, Lubnān : Mu’assasah al-Risālah, jld. 1, hlm. 137.

5. Imam Malik pernah ditanya tentang bacaan bertarannum dalam solat, beliau mengatakan :

وَقَالَ: إِنَّمَا هُوَ غِنَاءٌ يَتَعَنَّونَ بِهِ لِيَأْخُذُوا عَلَيْهِ  
الدَّرَاهِمَ.

Maksudnya :

“Sesungguhnya cara itu adalah nyanyian semata-mata dan bernyanyi untuk mendapat wang.”<sup>78</sup>

6. Imam Aḥmad b. Ḥanbal berkata :

قِرَاءَةُ الْأَلْحَانِ مَا تَعْجِبُنِي وَالْقِرَاءَةُ بِهَا بَدْعَةٌ لَا  
تَسْمَعُ.

Maksudnya :

“Bacaan bertarannum itu tidak menghairankanku kerana bacaan seperti itu adalah bid‘ah, jangan kamu dengar”.<sup>79</sup>

Secara umumnya di kalangan ulama yang melarang bertarannum ini, mereka berhujjah dengan alasan bahawa tarannum kecenderungannya menambah apa yang tidak ada pada al-Quran seperti meletakkan hukum mad dan hamzah bukan pada tempatnya dan menambah beberapa huruf. Inilah

---

<sup>78</sup> Al-Ṣabūnī, Muḥammad ‘Aliyy (1999), *op. cit.*, hlm. 458.

<sup>79</sup> *Ibid*

yang menjadikan tarannum itu melalaikan diri dari bertadabur makna ayat-ayat al-Quran.<sup>80</sup>

Termasuklah di kalangan ulama yang berpegang dengan pendapat ini seperti Imam Aḥmad b. Ḥambal, Imam Malik<sup>81</sup>, Imam al-Qurṭubī<sup>82</sup>, Imam al-Wawardi<sup>83</sup>, Ibn Kathīr<sup>84</sup>, Ibn Qayyim, Ibn Taimiyah<sup>85</sup> dan lain-lain.

**b. Pendapat kedua :** Golongan yang mengharuskan bertarannum.

1. Riwayat dari Abū Mūsā al-‘Asy‘arī, Baginda Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya:

لَوْ رَأَيْتَنِي وَأَنَا أَسْتَمِعُ لِقِرَاءَتِكَ الْبَارِحَةَ، لَقَدْ  
أَوْتَيْتَ مِزْمَارًا مِنْ مَزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ، فَقَالَ أَبُو  
مُوسَى : أَمَّا وَاللَّهِ لَوْ عَلِمْتُ أَنَّكَ تَسْمَعُ  
قِرَاءَتِي لَحَبَّرْتُهُ لَكَ تَحْبِيرًا.

---

<sup>80</sup> *Ibid*

<sup>81</sup> Al-Ṣabūnī, Muhammad ‘Aliyy (1999), *op. cit.*, hlm. 457.

<sup>82</sup> Al-Qurṭubī Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr (2006), *op.cit.*, hlm. 31.

<sup>83</sup> Dr. Muḥammad Sālim Muḥim (2001), *Fā’id al-Raḥmān Fī al-Aḥkām al-Fiqhiyyah al-Khāssah Bi al-Qur’ān*, Bayrūt : Dār al-Nafā’is, cet. 1, hlm. 462.

<sup>84</sup> *Ibid*, hlm. 465.

<sup>85</sup> Ibn Kathīr, Abī al-Fidā’ ‘Imād al-Dīn Ismā’īl b. ‘Umar (1995), *Faḍā’il al-Qur’ān*, Kaḥerah : Dār Fikr, cet. 1, hlm.12.

Maksudnya :

“Kalaulah kamu melihat bahawa daku mendengar bacaan kamu malam tadi, sesungguhnya engkau diberi satu seruling dari seruling keluarga nabi Dāwūd a.s. Jawab Abū Mūsā, demi Allah s.w.t kalau saya tahu bahawa tuan mendengar bacaan saya, pastinya saya akan perelokkan (bacaan dan suara) saya dengan paling merdu.”<sup>86</sup>

2. Imam Badr al-Dīn al-‘Aynī meriwayatkan bahawa Sayyidina ‘Umar berkata kepada Abū Mūsā al-‘Asy‘arī :

ذَكَرْنَا رَبَّنَا، فَيَقْرَأُ أَبُو مُوسَى وَيَتَلَّحَنُ، وَقَالَ  
عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَرَّةً مِّنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَتَغَنَّى  
بِالْقُرْآنِ غِنَاءَ أَبِي مُوسَى فَلْيَفْعَلْ.

Maksudnya :

“ Berilah peringatan agar kami dapat mengingati Allah s.w.t. Lalu Abū Mūsā membaca al-Quran dan bertarannum. Kemudian ‘Umar berkata, barang siapa yang mampu bertarannum seperti tarannum Abū Mūsā, maka sila lakukan”.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> Naysābūrī, Muslim b. Hajjāj al-Qusyayri, (1995), *op. cit.*, jld. 1, hlm 793. Lihat juga al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Alīyy b. Ḥajar (1994), *op.cit.*, jld. 14, hlm 272.

<sup>87</sup> Al-‘Aynī, Badr al-Dīn b. Maḥmūd (2001), *‘Umdah al-Qārī*, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 20, hlm. 41.

3. Abū Hurayrah meriwayatkan Rasulullah s.a.w

bersabda :

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَعَنَّ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya :

“ Bukanlah dari golongan (umat) kami, sesiapa yang tidak bertarannum dengan al-Quran ”.<sup>88</sup>

4. Daripada Abu Iyās dia berkata, aku mendengar ‘Abd Allāh

Mughaffal berkata :

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ وَهُوَ  
عَلَى النَّاقَةِ - أَوْ جَمَلِهِ - وَهِيَ تَسِيرُ بِهِ وَهُوَ  
يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ - أَوْ مِنْ سُرَّةٍ - الْفَتْحِ قِرَاءَةً  
لَيِّنَةً يَقْرَأُ وَهُوَ يُرْجَعُ

Maksudnya :

“ Aku melihat Nabi s.a.w membaca al-Quran dan beliau berada di atas unta betinanya – atau untanya – dan unta itu berjalan membawanya, sementara itu beliau membaca surah al-Fath- atau sebahagian surah al-Fath- dengan bacaan yang lembut, dan beliau membaca sambil bertarannum.”<sup>89</sup>

<sup>88</sup> Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā’il (1345H), *op.cit.*, jld. 4, hlm. 41.

<sup>89</sup> Al-‘Asqalānī Aḥmad, b. ‘Aliyy b. Ḥajar (2000), *op.cit.*, hlm. 113.



5. Antara hujah-hujah relevan keharusan bertarannum ialah :<sup>90</sup>
- i. Dapat menambahkan keelokan dalam pembacaan al-Quran. Kerana pembacaan al-Quran secara tarannum mempunyai unsur-unsur bacaan secara perlahan, tartil dan mengikut hukum-hukum tajwid yang betul.
  - ii. Sesungguhnya memperelokkan bacaan al-Quran dengan tarannum dan suara yang merdu amat memberi kesan kepada jiwa serta menambah kekhusyukan.
  - iii. Membaca al-Quran secara bertarannum dengan irama-irama lagu yang bersesuaian dengan ayat akan menarik minat orang ramai untuk mendengar dan mempelajarinya.

Menurut al-Ṣābūnī dan Imam al-Sindī, menyatakan bahawa hadis-hadis tersebut menjadi hujah bagi mengharuskan membaca al-Quran dengan bertarannum. Kerana bertarannum al-Quran akan dapat membangkitkan minat pendengar terhadap al-Quran dan akan memberi kesan yang mendalam di dalam hati seseorang.<sup>91</sup>

---

<sup>90</sup> Dr. Muhammad Lukman b. Ibrahim (2010), *Tarannum al-Quran Melalui Ṭarīq al-Syāṭibī : Kajian Terhadap Pengamalannya Dalam Kalangan Qari-Qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, hlm. 42 dan 43.

<sup>91</sup> Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Aliyy (1999), *op.cit.*, hlm. 459. Lihat juga al-Sindī, Nūr al-Dīn b. ‘Abd al-Hādī, (t.t), *al-Bukhārī Syarḥ al-Sindī*, (t.t.p) : Maktab al-Maṭbū‘ah al-Islamiyyah, jld. 3, hlm. 235.

Ibn Baṭṭāl pula menyebutkan beberapa orang sahabat seperti ‘Umar al-Khaṭṭāb, Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ūd mengharus bacaan al-Quran secara bertarannum.<sup>92</sup>

Syaykh al-Muqri’ Maḥmūd Khalīl Ḥuṣarī berkata, penggunaan tarannum *hijāz*, *sīkāh*, *‘usyāq* dan lain-lain adalah harus selagi mana tidak merosakkan ilmu tajwid. Sekiranya ia mencacatkan ilmu tajwid maka ia adalah disepakati pengharamannya.<sup>93</sup>

Imam al-Nafrawī al-Mālikī berkata bahawa membaca al-Quran dengan suara yang baik beserta tarannum dan tajwid yang digaris oleh syarak, tidak tidak menjadi kesalahan bahkan mendatangkan kekhusyukan dan mentadaburkan terhadap ayat-ayat Allah s.w.t.<sup>94</sup>

---

<sup>92</sup> Ibn Baṭṭāl, ‘Ali b. Khalaf b. ‘Abd al-Mālik (2000), *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd , jld. 10, hlm. 342.

<sup>93</sup> Syaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī (1423H), *Ma‘a al-Qur’ān al-Kārim*, Kaherah : Maktabah al-Sunnah, hlm. 109

<sup>94</sup> Al-Nafrawī, Aḥmad Ibn Ghunaym (2000), *al-Fawākih al-Dawānī Syarḥ ‘Alā Risālah al-Qayrawān*, Kaherah : Mustafā al-Bābi al-Ḥalabī, jld. 2, hlm, 393.

Imam al-Syāfi<sup>95</sup>, Abū Ḥanīfah<sup>95</sup>, Khaṭīb al-Syarbīnī<sup>96</sup>, Imam Nawawī<sup>97</sup>, Dr. Wahbah al-Zuhaylī<sup>98</sup>, Yūsuf al-Qaraḍāwī<sup>99</sup> dan Imam al-Ghazālī<sup>100</sup>. Mereka adalah di kalangan ulama yang masyhur dan berkata, memperelokkan suara ketika membaca al-Quran adalah sunat.

Dengan ini, apa yang dapat penulis simpulkan perbincangan ini adalah berdasarkan kepada kata-kata Imam al-Nawawī dan al-‘Asqalānī iaitu bertarannum ketika membaca al-Quran sesuatu yang diperlukan. Tarannum bi al-Quran itu harus apabila tidak melampaui batas iaitu tidak merosakkan lafaz al-Quran seperti menambah dan mengurangkan baris, memajangkan *qasr*, memendekkan mad, menyembunyi baris yang menyebabkan kecacatan pada makna al-Quran. Sekiranya ia merosakkan atau mencacatkan salah satu hukum-hakam tajwid, para ulama bersepakat mengatakan pengharamannya.<sup>101</sup>

---

<sup>95</sup> Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Aliyy (1999), *op.cit.*, hlm. 459.

<sup>96</sup> Al-Syarbīnī, Muḥammad b. Aḥmad al-Khaṭīb (1989), *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī al-Alfāz al-Minhāj*, Kaherah : Dār al-Fikr, jld. 4, hlm. 429.

<sup>97</sup> Al-Nawawī, Abī Zakariyā Yaḥya b. Syarīf al-Dīn (1999), *al-Adhkār*, Kaherah : Dār al-Manār, cet. 1, hlm. 89.

<sup>98</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī (2004), *al-Tafsīr al-Munīr*, Kuala Lumpur : Zafar Sdn. Bhd, Terj. Persatuan Ulama Malaysia & Intel Multimedia And Publication, jld. 29, hlm. 221.

<sup>99</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Sistem Masyarakat Islam Dalam al-Quran Dan al-Sunnah*, Kuala Lumpur : Citra Islami Press, terj. Abdul Salam Masykur, cet. 1, hlm. 261.

<sup>100</sup> Al-Ghazālī, Abī Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad (2004), *op.cit.*, hlm. 365.

<sup>101</sup> Al-Nawawī, Abū Zakariyya Yaḥya b. Syarīf al-Dīn (1992), *al-Tibyān Fī Adāb Ḥamalah al-Qur’ān*, Bayrūt: Dār Ibn Ḥāzm, hlm. 64 dan 65. Lihat juga Al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Aliyy b. Ḥajar (2000), *op.cit.*, hlm. 91.

## 1.6 PERKARA-PERKARA YANG DILARANG DALAM TARANNUM AL-QURAN

Tarannum dalam pembacaan al-Quran amat dituntut. Akan tetapi ada juga perkara-perkara yang dilarang semasa membaca al-Quran secara bertarannum iaitu :<sup>102</sup>

1. *Al-Tarqīṣ* : Iaitu bacaan melenggokkan nada suara sehingga melebihi kadar harakat pada mad bertujuan menyesuaikan dengan rentak tarannum.
2. *Al-Taḥzīn* : Iaitu membaca dengan nada yang amat sedih yang boleh membawa kepada riya'.
3. *Al-Tar'īd* : Iaitu bacaan yang menggetarkan suara seperti terlalu kesejukan atau ditimpa penyakit.
4. *Al-Taṭrīb* : Iaitu mengalunkan al-Quran dengan lagu sehingga keterlaluan pada harakat mad.
5. *Al-Tardīd* : Iaitu seperti bunyi siulan orang ramai terhadap qari.
6. *Al-Taḥrīf* : Iaitu bacaan ramai-ramai antara qari-qari hingga mengubah suara antara yang lain.

---

<sup>102</sup> Su'ād 'Abd al-Ḥamīd (2003), *Taisīr al-Raḥmān Fī Tajwīd al-Qur'ān*, Kaherah : al-Azhar al-Syarīf, cet. 3, hlm. 44 - 45. Dan lihat al-Syaykh Muḥammad Ḥakī Nasr al-Jarīsī (1999), *Nihāyah al-Qawl al-Mufīd Fī 'Ilmu al-Tajwīd*, Kaherah : Maktabah Ṣafā, cet 1, hlm. 34-39. Dan lihat Jalaluddin al-Sayūṭī al-Syafi'ī (t.t), *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Bayrūt : Dār al-Fikr, jld. 1, hlm. 103. Lihat juga Syaykh Ḥusnī Osman (1998), *Ḥaqq al-Tilāwah*, al-Urdūn : Maktabah al-Manār, cet. 8, hlm. 37-38. Dan lihat al-Syaykh Muhammad Salih b. Zainal Abidin b. Muhammad al-Fatani (2007), *Sirāj al-Qārī*, Kota Bharu : Jabal Maraki Enterprise, cet. 1, hlm. 159 dan 160.

7. Bacaan al-Quran bersama alat muzik (bid'ah paling terkeji).
8. Bacaan lembut pada sebutan huruf seperti bacaan orang yang malas.
9. Tidak menjelaskan huruf ketika mula dan waqaf bacaan. Ini di sebabkan tidak jelas suara.
10. Memanjangkan harakat pada huruf mad yang boleh merosakan makna al-Quran.
11. Menghilangkan sifat huruf yang kuat dan yang lemah.
12. Menebalkan tempat yang sepatutnya dinipiskan.
13. Menukar huruf pada bacaan.
14. Meringankan huruf yang berat atau sebaliknya.
15. Membariskan huruf yang mati atau sebaliknya.
16. Menambahkan atau mengurangkan kadar mad asli dengan tanpa sebab.
17. Memuncungkan bibir ketika menyebut huruf yang tebal dan lain-lain.

Para qari-qari'ah mestilah menjaga perkara-perkara ini semasa membaca al-Quran dengan bertarannum supaya hukum bertarannum itu diharuskan, jika tidak akan menjadi haram.

## 1.7 TOKOH-TOKOH TARANNUM MASYHUR

Tokoh-tokoh tarannum yang masyhur dan dikenali di seluruh dunia kebanyakannya dari negara Mesir. Merekalah yang menyebarkan ilmu-ilmu tarannum dengan bacaan mereka sehingga ke hari ini. Seheinggakan bacaan-bacaan mereka ditiru oleh kebanyakan qari-qari di negara lain seperti Malaysia Thailand, Indonesia, Irak, Iran dan lain-lain.

### 1.7.1 Di Mesir

Di Mesir begitu ramai qari-qari yang masyhur dan terkenal di seluruh dunia yang menjadi ikutan bacaan tarannum mereka di seluruh dunia khususnya di Malaysia hingga sekarang ini, antaranya :<sup>103</sup>

1. Al-Syaykh Muṣṭafā Ismā‘īl.<sup>104</sup>

---

<sup>103</sup> Samir Rejab & Faruq Fahmi, Kitab al-Jumhuriyyah (1994), *al-Qur’ān Wa Masyāhir al-Qurrā’*, Kaerah : Syarikah al-I’lān al-Maṣriyyah, cet. 1, hlm. Isi kandungan. Dan lihat juga [http : //www.kitabullah.com](http://www.kitabullah.com).

<sup>104</sup> Kaedah, teknik dan gaya bacaan tarannum beliaulah yang tersebar luas di dunia dan yang menjadi ikutan utama oleh para qari dan qari’ah Malaysia masa kini. Beliau digelar sebagai *Imam al-Qurrā’*. Beliau dilahirkan di kampung Mayyit Ghazal yang berhampiran dengan bandar Ṭantā, Wilayah al-Gharbiyyah, Mesir pada 17 Jun 1905. Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat 22 disember 1978 dan dikebumikan di halaman rumah beliau sendiri. Ini di sebabkan wasiat beliau yang inginkan agar jasad beliau dikebumikan berhampiran dengan masjid yang telah dibinanya. Lihat al-Qāḍī, Syukri (2000), *‘Abāqirah al-Tilāwah*, Kaerah : Dār al-Taḥrīr lī al-Tab‘ wa al-Nasyr, hlm 79.

2. Al-Syaykh Muḥammad Rifa‘at<sup>105</sup>
3. Al-Syaykh Dr. Aḥmad Nu‘ayna<sup>106</sup>
4. Al-Syaykh ‘Alī Maḥmūd.<sup>107</sup>
5. Al-Syaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī.<sup>108</sup>
6. Al-Syaykh ‘Abd al-Bāsīt ‘Abd al-Ṣamad.<sup>109</sup>
7. Al-Syaykh Maḥmūd ‘Alī al-Bannā.<sup>110</sup>
8. Al-Syaykh ‘Abd al-Fattāḥ al-Sya‘ya‘ī.<sup>111</sup>

---

<sup>105</sup> Beliau telah digelar sebagai *Amīr al-Muqri’īn*. Beliau dilahirkan di kampung *al-Darb al-Aḥmar*, Kaherah Mesir pada hari Isnin 9 Mei 1882 dalam keadaan sempurna pancainderanya. Namun, setelah berusia 2 tahun beliau ditimpa penyakit sehingga menjadikan beliau cacat penglihatan. Beliau telah meninggal dunia pada hari yang sama beliau dilahirkan iaitu pada hari Isnin 9 Mei 1950. Lihat Samir Rejab & Faruq Fahmi, Kitab al-Jumhuriyyah (1994), *op.cit.*, hlm. 11-15. Lihat juga ‘Aṭayāt ‘Abd al-Khālīq Khalīl & Nāhid Aḥmad Ḥāfiẓ (1984), *Fan Tarbiyah al-Ṣawt*, Kaherah : Dār Mumfīs, hlm. 169,170 dan 171.

<sup>106</sup> Beliau adalah merupakan salah seorang guru kepada **Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari** iaitu tokoh yang dikaji. Beliau digelar sebagai qari *al-Ṭabīb*. Dilahirkan pada 25 Mac 1954 di Markaz al-Matubis. Beliau merupakan salah seorang anak murid al-Syaykh Muṣṭafā Ismā‘īl yang di sayangi. Pembawakan gaya tarannumnya adalah sama seperti al-Syaykh Muṣṭafā Ismā‘īl dari *burdah*, *ṭabaqāt*, suara dan lain-lain. Beliau menjadi tumpuan dunia dan dijemput untuk memperdengarkan bacaan al-Quran seperti negara Iran, Pakistan, termasuk Malaysia dan lain-lain.

<sup>107</sup> Dilahirkan pada tahun 1878 di Kaherah, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1943. Beliau digelar sebagai syaykh *al-Munsiyidīn*. Lihat Samir Rejab & Faruq Fahmi, Kitab al-Jumhuriyyah (1994), *op.cit.*, hlm. 18, 19, 20 dan 21.

<sup>108</sup> Dilahirkan pada tahun 1917 di Syubra Namlah Kaherah, Mesir. Beliau digelar sebagai syaykh *Maqārī’ al-Maṣrī Awwal al-Murtalīn*. *Ibid*, hlm. 35, 37.

<sup>109</sup> Beliau dilahirkan di kampung *Murā‘izah*, *Armant* Wilayah *Qinā* di selatan Mesir pada tahun 1927. Beliau digelar sebagai *al-Mabdi’ al-Qirā’ah*. Beliau telah meninggal dunia pada 30 November 1988. Lihat Himām, Aḥmad (1419H), *Sufarā’ al-Qur’ān*, Kaherah : Markaz, al-Rāyah li al-Nasyr, hlm 22.

<sup>110</sup> Dilahirkan pada tahun 1926 di kampung Syubrabas. Beliau digelar sebagai *Qari Fuqarā’*. Lihat Samir Rejab & Faruq Fahmi, Kitab al-Jumhuriyyah (1994), *op.cit.*, hlm. 53 dan 55.

<sup>111</sup> Dilahirkan pada tahun 20 Mac 1890 dan meninggal pada tahun 1936. Beliau digelar sebagai *Mutafāriḍ fī Adā’ih*. *Ibid*, hlm. 61 dan 63.

9. Al-Syaykh ‘Abd al-‘Azīm Zāhīr.<sup>112</sup>
10. Al-Syaykh Muḥammad Ṣiddiq al-Minsyāwī.<sup>113</sup>
11. Al-Syaykh Abū al- ‘Ainayn Sy‘aaysya‘.<sup>114</sup>
12. Al-Syaykh Kāmil Yūsuf al-Bahtīmī.<sup>115</sup>
13. Al-Syaykh Muḥammad ‘Akāsyah.<sup>116</sup>
14. Al-Syaykh Ṭāhā al-Fasyānī.<sup>117</sup>
15. Al-Syaykh Sayyid al-Naqsyabandī.<sup>118</sup>
16. Al-Syaykh Muṣṭafā Ghalwaysh dan lain-lain.<sup>119</sup>

- 
- <sup>112</sup> Dilahirkan pada 22 Februari 1904 di kampung Majul, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1991. Beliau telah digelar sebagai *al-Ṣawt al-Dhahabī*. ***Ibid***, hlm. 67, 69 dan 71.
- <sup>113</sup> Dilahirkan pada 20 Januari 1920 dan meninggal dunia pada 1969. Beliau digelar sebagai *Ḥamil al-Qur’ān*. ***Ibid***, hlm. 73, 75 dan 76.
- <sup>114</sup> Dilahirkan pada 1922 di Madinah dan Digelar sebagai *al-Qari al-Mutamakkīn*. ***Ibid***, hlm. 77 dan 79.
- <sup>115</sup> Dilahirkan pada 1921 dan meninggal pada 1969. Beliau digelar sebagai *Takāmil al-Qirā’ah*. ***Ibid***, hlm. 83, 85 dan 86.
- <sup>116</sup> Dilahirkan di Kaherah pada tahun 1882 dan meninggal dunia pada 1982. Beliau digelar sebagai *Qari al-Qurā’*. ***Ibid***, hlm. 87, 89 dan 90.
- <sup>117</sup> Dilahirkan di Madinah pada tahun 1900 dan meninggal dunia pada tahun 1971. Beliau digelar sebagai *Awwal al-Munsiyidīn*. ***Ibid***, hlm. 91, 93 dan 94.
- <sup>118</sup> Dilahirkan pada 1920 dan meninggal dunia pada 1976. Beliau digelar sebagai *Qīthārah al-Imān*. ***Ibid***, hlm. 97, 99 dan 102.
- <sup>119</sup> Beliau juga merupakan anak murid kepada syaykh Muṣṭafā Ismā‘īl.



## 1.7.2 Di Malaysia

Penulis akan tonjolkan di sini beberapa orang tokoh yang bergiat aktif menyebarkan dan mengembangkan ilmu tarannum al-Quran kepada masyarakat di Malaysia. Antaranya ialah :

1. Tan Sri Dato' Hj. Hassan b. Hj. Azhari.<sup>120</sup>
2. Hj. Mohamad Yusuf b. Bulat (Kedondong).<sup>121</sup>
3. Hj. Ahmad b. Mat Som Pergau.<sup>122</sup>

---

<sup>120</sup> Beliau merupakan tokoh yang dikaji. Beliau banyak menyumbangkan ilmu beliau kepada masyarakat Islam di Malaysia amnya lebih daripada 50 tahun, bermula 1959 sehinggalah sekarang ini. Sehinggakan beliau menjadi sumber rujukan para qari dan qari'ah dan kepada kerajaan Malaysia. Dan beliau mendapat pengiktirafan yang amat tinggi oleh kerajaan Malaysia dengan gelaran Tan Sri. Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan b. Hj. Azhari, pada 30 Ogos 2010, di rumahnya Keramat Ujung, Dato' Keramat. pukul 5.30 petang.

<sup>121</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1898 di kampung Kedondong, Pasir Mas Kelantan. Seorang qari istana Kelantan yang masyhur di zamannya di antara tahun 1920-1940. Beliau adalah seorang qari yang berkebolehan dalam bidang lagu-lagu ala *hijazi*. beliau telah menyebarkan ilmu tarannum ini bukan sahaja di pelosok tanah air di Malaysia malah ke seluruh Selatan Thai. Beliau mempunyai anak murid yang ramai di seluruh negeri Kelantan, Terengganu dan Brunei. Beliau meninggal dunia pada tahun 1987. Lihat Hj. Mohammad b. Hj. Yusoff (1991/1992), *Pengajian al-Quran Berlagu Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*, Latihan Ilmiah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor, hlm. 84 dan 87.

<sup>122</sup> Beliau dilahirkan pada sekitar tahun 1915 di Kampung Jaber, Mukim Lubuk Bongor Jeli Kelantan. Beliau adalah seorang tokoh yang belajar ilmu al-Quran berpuluh-puluh tahun di tanah arab seperti Makkah dan Mesir. Guru-guru beliau yang begitu masyhur seperti Syaykh Tāhā al-Fasyānī, Syaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Syaykh Maḥmūd Khalīl Ḥuṣārī dan lain-lain. Beliau juga seorang tokoh yang banyak berjasa kepada masyarakat terutama di Kelantan dan Terengganu. Beliau telah mengembangkan ilmu tarannum aliran *Miṣri*. Beliau meninggal dunia pada 1 November 1087 di Kampung Banggol, Mukim Tok Jering, Kuala Terengganu, Terengganu. Lihat Wan Fakhru Razi b. Wan Mohamad (2008), *Haji Ahmad b. Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*, Tesis Kesarjanaan Jabatan al-Quran Dan al-Hadis, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, hlm. 18, 30, 33 dan 36.

4. Hj. Nik Ja'far b. Nik Ismail.<sup>123</sup>
5. Dato' Hj. Ismail b. Hashim.<sup>124</sup>
6. Dato' Hj. Muhammad b. Hasri.<sup>125</sup>
7. Ustaz Hj. Yahya b. Daud.<sup>126</sup>

---

<sup>123</sup> Beliau juga salah seorang tokoh yang bergiat aktif menyebarkan ilmu tarannum di Malaysia bermula tahun 1965 hinggalah sekarang. Beliau merupakan salah seorang anak murid kepada Hj. Mohamad Yusof Kedondong dan Hj. Ahmad b. Mat Som Pergau. Sumbangan beliau dari sudut karya-karyanya, tulisan, dan pengalamannya. Di antara lain juga, beliau telah memberi sumbangan yang besar kepada kerajaan Malaysia seperti melatih qari dan qari'ah serta menjadi hakim tilawah al-Quran peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Beliau mempunyai anak murid yang ramai, boleh dikatakan seluruh negeri di Malaysia. Ramai anak-anak murid beliau yang telah berjaya dalam tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan telah menurut jejak langkah beliau seperti Hj. Muhammad b. Yussuff, Hj. Abdul Rahim Hj. Ahmad, Hjh. Faridah bt. Mat Saman, Hjh. Sapinah bt. Mamat dan lain-lain. Lihat Ahmad Nuruddin b. Mat Yunoh (2008), *Seni Lagu al-Quran : Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Ja'far Nik Ismail*, Tesis Kesarjanaan Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, hlm. 73, 74, 76, 79, 83, 84, 85, 86 dan 91.

<sup>124</sup> Beliau dilahirkan pada 11 Mac 1932 di Jerlun, Kedah. Seorang tokoh yang menyebarkan ilmunya dengan menghabiskan masanya dengan mengajar al-Quran di negeri Kedah. Beliau telah meninggal dunia pada 7 Ogos 1996. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *Johan Qari Dan Qari'ah Malaysia Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa 1960-2006*, Kuala Lumpur : Nasional Berhad, cet. 1, hlm. 13 dan 14.

<sup>125</sup> Beliau merupakan salah seorang anak murid Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari yang disayangi. Banyak ilmu yang beliau warisi daripada Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Beliau juga menurut jejak langkah gurunya dengan menyebarkan ilmu tarannum pada pelbagai lapisan masyarakat sehingga sekarang, seperti inntitusi-institusi pengajian tinggi Darul al-Quran, maktab perguruan, badan-badan kerajaan dan sebagainya. Dan tidak kurang hebatnya juga sumbangan beliau seperti menjadi hakim peringkat negeri dan kebangsaan, melatih dan membimbing qari dan qari'ah ke peringkat antarabangsa, seminar dan kursus dan lain-lain. Temuramah dengan Us. Wan Fakhru Razzi b. Wan Mohamad di Masjid KLCC Kuala Lumpur, pada 8 September 2009, pukul 11.30 malam.

<sup>126</sup> Beliau adalah seorang tokoh qari yang hebat dari segi burdah-burdah lagunya. Kaedah, gaya ikutan beliau kebanyakannya dari Syaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan Syaykh Dr. Aḥmad Nu'ayna'. Beliau juga bergiat aktif menyebarkan ilmu tarannum pada masa sekarang ini di Malaysia seperti hakim peringkat negeri-negeri di Malaysia, melatih para qari-qari'ah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa, kursus dan seminar dan sebagainya. Temuramah dengan Hj. Us. Che' Yahya b. Daud pada 30 September 2008 di rumah beliau Wakaf Zin, Bachok Kelantan, pada pukul 11.30 pagi.

8. Ustaz Hj. Abdul Rahim b. Ahmad.<sup>127</sup>

## 1.8 KESIMPULAN

Setelah dikaji dan diteliti bahawa dapatlah bab ini penulis simpulkan bahawa ilmu tarannum adalah amat penting kepada umat Islam, kerana banyak hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang menyarakannya demi untuk mendapat bacaan tahap *tartil* yang sebenar.

Di samping itu juga, penulis dapat mengenali sejarah bermulanya tarannum al-Quran dengan sedalamnya. Seterusnya perbincangan dalam bab ini dapat membuka minda dengan pandangan-pandangan ulama dan perkara-perkara yang perlu dijaga oleh qari ketika membaca al-Quran bertarannum.

Oleh yang demikian, rumusannya bahawa membaca al-Quran secara bertarannum dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w selagi mana tidak terkeluar dari kaedah-kaedah tajwid dan perkara-perkara yang dilarang.

---

<sup>127</sup> Beliau adalah seorang tokoh tarannum yang tidak jemu-jemu mengajar al-Quran kepada masyarakat seperti penceramah di masjid-masjid, menjadi hakim peringkat negeri dan kebangsaan, pelatih qari-qari'ah, mengajar di *halaqah-halaqah* tarannum yang sekarang ini masih berjalan, seperti di masjid Sultan Ismail Petra di Kuban Kerian, Kota Bharu Kelantan, Masjid KLCC Kuala Lumpur dan Lain-Lain. Temuramah dengan Us Hj. Abd Rahim b. Hj. Ahmad, pada 26 Febuari 2010, pada pukul 11.00 malam, di Masjid al-Syakirin KLCC Kuala Lumpur.

---

## BAB KEDUA

### PERKEMBANGAN ILMU TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA

---

#### 2.1 PENGENALAN

Tarannum al-Quran telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w menerima wahyu daripada malaikat Jibril a.s melalui *talaqqī* dan *musyāfahah*. Kemudian Rasulullah s.a.w menyampaikan kepada para sahabat. Para sahabat pula menyampaikannya kepada para tabiin dan seterusnya kepada *al-itbā' al-tābi'in* sampailah ke hari ini.

Ilmu tarannum juga berkembang begitu meluas adalah perpunca daripada *qurrā'* di seluruh dunia seperti Mesir, Iran, Indonesia dan termasuk negara Malaysia yang mengetengahkan kepada umat Islam dalam penyebaran ilmu ini. Oleh yang demikian, di dalam bab ini penulis terpanggil untuk mendekati lagi ilmu ini dengan memperjelaskan secara terperinci tentang perkembangan tarannum al-Quran dan aliran-aliran perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia.

## **2.2 PERKEMBANGAN TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA**

Perkembangan tarannum al-Quran di Malaysia, boleh dilihat kepada dua aspek utama iaitu dari segi sejarah perkembangannya dan pusat-pusat pengajian tarannum di Malaysia.

### **2.2.1 Sejarah Dan Perkembangannya**

#### **2.2.1.1 Sejarah Kedatangan Islam Ke Malaysia**

Perkembangan pengajian tarannum al-Quran di Malaysia seiring dengan kedatangan Islam di Tanah Melayu. Islam datang ke alam melayu sebaik sahaja agama tersebut tersebar di semenanjung tanah arab. Sejarah mencatatkan bahawa orang arab melakukan hubungan perdagangan di alam melayu telah pun wujud sejak sebelum Islam lagi, pusatnya di Sumatera, di Selat Melaka, dan besar kemungkinan juga mereka boleh melakukan hubungan dagangan dengan Cina.<sup>128</sup>

---

<sup>128</sup> Hasbullah (1999), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia : Lintasan Sejarah pertumbuhan dan perkembangan*, Jakarta : Raja Grafindo Persada, hlm. 5. Lihat juga Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 622. Dan lihat Abdurrahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 58.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu juga mempunyai kaitan dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara. Tanah Melayu merupakan sebahagian dari Nusantara. Sesetengah pendapat mengatakan bahawa kedatangan Islam ke Nusantara berlaku pada kurun ke-13 Masihi. Agama Islam dikatakan dibawa oleh pedagang dari Tanah Arab dan daerah yang mula-mula didatangi Islam ialah Sumatera. Hasil daripada kegigihan pendakwah-pendakwah ini, maka Islam mula berkembang.<sup>129</sup>

Kebanyakan sejarawan barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu berlaku pada kurun ke 15 Masihi. Menurut pendapat mereka, Melaka merupakan daerah pertama di Tanah Melayu menerima Islam. Buktinya ialah dengan pengislaman Raja Melaka yang pertama, bernama Parameswara pada tahun 1414 Hijrah. Setelah memeluk Islam, beliau terkenal dengan panggilan Megat Iskandar Shah. Baginda telah berkahwin dengan Raja Pasai.<sup>130</sup>

Walaupun terdapat beberapa bukti lain yang menunjukkan kedatangan Islam ke Tanah Melayu lebih awal dari kurun ke-15 Masihi. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, tercatat pada batu bersurat di

---

<sup>129</sup> Hj. Abdullah Hj. Ishak (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 121.

<sup>130</sup> Brin Harrison (1967), *South-East Asia A Short History*, New York : ST Martin's, cet. 3, hlm. 56.

Kuala Berang, Terengganu yang ditemui pada tahun 1899 Masihi.<sup>131</sup> Pada batu bersurat tersebut terdapat tulisan arab, tarikhnya bersamaan 1386 Masihi atau boleh jadi pada tahun 1326 Masihi.<sup>132</sup>

Di Kelantan, terdapat sekeping “ Wang Dinar ” telah ditemui pada tahun 1914 Masihi. Sebelah muka hadapan wang tersebut, terdapat perkataan *al-Mutawakkil* dan bertarikh 577 Hijrah bersamaan 1181 Masihi.<sup>133</sup>

Di Pahang pula terdapat sebuah batu nisan di Teluk Cik Munah, Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Pada batu nisan tersebut terdapat ayat-ayat al-Quran, syair-syair arab dan terdapat catatan si mati yang meninggal dunia pada waktu subuh, hari Rabu, 14 Rabi‘ul Awal, tahun 419 hijrah.<sup>134</sup>

Hubungan perdagangan yang terjalin di antara penduduk di Tanah Melayu dengan pedagang-pedagang arab telah meninggalkan kesan yang besar dari segi agama. Penduduk tempatan telah menerima pengaruh agama dan kebudayaan mereka, malah ramai pula penduduk tempatan yang berlayar ke negeri-negeri arab, khususnya Makkah untuk menunaikan ibadah fardu

---

<sup>131</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1970), *The Correct Date Of The Terengganu Inscription*, Kuala Lumpur : Muzium Negara, hlm. 1.

<sup>132</sup> Brin Harrison (1967), *op.cit.*, hlm. 54.

<sup>133</sup> Sa'ad Shukri Hj. Muda (1971), *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press. hlm. 28.

<sup>134</sup> Mohd Mokhtar Syafi'i (1980), “ Batu Nesan kurun ke -5H / 10M Di Pekan Pahang”, Dalam Khoo Kay Kim et. al, *Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 13.

haji serta menuntut ilmu–ilmu Islam.<sup>135</sup> Negeri-negeri tersebut merupakan negeri yang terulung didatangi oleh orang arab muslim sebagai tetamu pedagang luar merangkap mubaligh Islam.

Namun tidak syak lagi bahawa perkembangan pengajian ilmu tarannum al-Quran semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah menjadi titik tolak kepada pengajian al-Quran. Mengaji al-Quran mula diperkenalkan sejak agama Islam sampai dan diterima oleh penduduk di sini lagi, amat tidak munasabah sekiranya para pendakwah yang menyampaikan seruan Islam, hanya menyampaikan Islam sahaja tanpa mengajar pengisian dan sumber–sumber asas tentang Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.<sup>136</sup>

Di antara bukti yang jelas, perkembangan tarannum al-Quran apabila orang-orang arab yang datang berdagang ke negara ini dan menyebarkan ilmu ini. Seperti contoh di Kelantan, qari-qari tanah arab pernah datang mengajar lagu-lagu al-Quran di Istana Sultan Kelantan.<sup>137</sup> Kemasukan Islam ke Kelantan dipercayai secara langsung dari negeri arab, ini adalah berdasarkan lajhah bacaan al-Quran yang diperaktikkan oleh masyarakat Islam Kelantan

---

<sup>135</sup> Amran Kasimin (1991), *Religion And Social Change Among The Indigenous People Of The Malaya Peninsula*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 11.

<sup>136</sup> Ismail Yusoff (1992), *Perkembangan Pengajian Dan Penulisan Tafsir Di Malaysia*, Tesis (Phd), Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlm. xviii.

<sup>137</sup> Azhari b. Mamat & Jusoh b. Mamat (1999) : *Lapangan Taqwa Di Dalam al-Quran*, Kota Bharu : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, cet. 1, hlm. 42.



yang menggunakan *qirā'ah Hafṣ* dan bunyi sebutannya sama dengan lidah arab.<sup>138</sup>

Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan terdapat sumber-sumber rasmi dari istana yang menyatakan bahawa pernah bilal masjid Madinah iaitu syaykh Abdul Sattar berulang alik dari Madinah al-Munawwarah ke Istana Sultan Kelantan untuk memperdengarkan bacaan-bacaan al-Quran kepada raja-raja dan qari-qari di Kelantan.<sup>139</sup>

Kota Melaka, bahawa sudah menjadi adat orang-orang melayu Melaka mewajibkan anak-anaknya belajar secara khusus bertarannum dengan orang-orang-orang arab yang datang berdagang.<sup>140</sup>

Di Johor, kedatangan Islam berlaku di sana pada pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah pada tahun 1177 Masihi. Sultan Mansur Shah mengarah para pendakwah Islam arab atau mubaligh pergi berdakwah ke Johor. Penduduk-penduduk Johor telah menerima Islam dan secara tak langsungnya menerima dari orang-orang arab mengenai pengajian al-Quran khususnya lagu-lagu al-Quran.<sup>141</sup>

---

<sup>138</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1991), *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Darul Fikr, hlm. 112.

<sup>139</sup> *Ibid*

<sup>140</sup> Azhari b. Mamat & Jusoh b. Mamat (1999), *op.cit.*, hlm.42

<sup>141</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1991), *op.cit.*, hlm. 107.

Di Terengganu pula, ramai di kalangan pedagang-pedagang arab yang telah berkahwin dengan anak-anak tempatan dan menetap di sana. Kemudian mereka inilah yang mengajar kepada masyarakat Terengganu pengajian tarannum al-Quran.<sup>142</sup>

Begitulah juga yang berlaku kepada negeri-negeri yang lain, bahawa kemasukan al-Quran dan lagu-lagunya adalah beriringan dengan masuknya agama Islam.<sup>143</sup>

#### **2.2.1.2 Majlis Tilawah Al-Quran**

Majlis tilawah al-Quran adalah merupakan salah satu faktor perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Dengan adanya majlis ini, ramai lahirnya para qari dan qari'ah untuk menyertai majlis tilawah al-Quran samada peringkat kampung, daerah, jajahan, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Di Malaysia, majlis tilawah al-Quran antarabangsa yang bermula pada tahun 1960 merupakan salah satu kaedah menarik minat umat Islam dalam memperdengarkan bacaan al-Quran dengan baik. Majlis ini turut memperkenalkan kurikulum bacaan al-Quran yang sebenarnya iaitu terdiri

---

<sup>142</sup> *Ibid*, hlm. 102.

<sup>143</sup> *Ibid*, hlm. 91.

daripada bidang tahsin al-Quran, tajwid, tarannum dan *faṣāḥah*. Perkembangan positif ini juga memberi impak kepada keperihatinan masyarakat melayu dalam menghayati al-Quran melalui aspek tarannum.<sup>144</sup>

Kronologi sejarah majlis tilawah al-Quran ini, pengasasnya ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama. Beliau telah menjadikan salah satu acara rasmi tahunan kerajaan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Majlis ini pertama kalinya dinamakan sebagai “*Pertandingan Membaca al-Quran*”, kemudian dikenali sebagai “*Musabaqah Membaca al-Quran*”, selepas itu pada tahun 1988 ia diubah kepada “*Ujian Tilawah al-Quran*” dan setahun selepas itu “*Majlis Tilawah al-Quran*” sehingga kekal ke hari ini.<sup>145</sup> Perubahan nama majlis tilawah ini adalah bergantung mengikut perkembangan semasa.

“*Majlis Tilawah al-Quran* ” telah di perkenalkan pertama kali oleh pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) pada 4 september 1947 yang diadakan di Masjid Jami‘ Abu Bakar, Johor Bharu, Johor. Dalam majlis ini, yang mendapat johan telah dikongsi bersama oleh tiga orang peserta, yang masing-masing mendapat markah 84.5%. Mereka ialah salah seorang tokoh yang dikaji iaitu Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari dari Selangor, Ustaz Abdul Rahman dari Pulau Pinang dan Tuan Hj. Mahyuddin

---

<sup>144</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op.cit.*, hlm. 51.

<sup>145</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2008), *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*, Kuala Lumpur : Print Sdn. Bhd., cet. 1, hlm. 8.

dari Perak. Majlis seumpama ini juga setiap tahun diadakan di Kedah sejak pada tahun 1951 yang di usahakan oleh, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Kemudian pada tahun 1959, sebagai yang Di Pertua UMNO, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menganjurkan pula “*Majlis Tilawah al-Quran*” antara Johor dan Kedah di Johor Bharu, Johor.<sup>146</sup>

Selepas itu, YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menganjurkan majlis tilawah al-Quran buat pertama kali secara teratur di peringkat kebangsaan pada 20 Ramadhan 1379H bersamaan 18 Mac 1960M di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Seramai 44 qari dan qari’ah dari 11 buah negeri dalam persekutuan Tanah Melayu memperdengarkan bacaan masing-masing.<sup>147</sup> Abdul Hamid b. Desa<sup>148</sup> dari Kedah dengan mendapat 89 markah dan Saodah bt. Hanafi dengan 90 markah dari Perlis muncul johan qari dan qari’ah. Manakala Ishak b. Ayub dari Pulau Pinang yang mendapat 87 markah dan Mak Su Zaharah bt. Hj. Awang mendapat 83 markah dari Kelantan sebagai naib johan. Dalam majlis yang pertama ini, negeri Kedah telah memenangi piala pusingan bagi negeri-negeri dengan mendapat 326 markah keseluruhan. YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah berkenan menyampaikan hadiah kepada mereka yang berjaya.<sup>149</sup>

---

<sup>146</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. kata penghantar.

<sup>147</sup> *Berita Harian* : Selasa, 14 Ogos 2001, hlm. 27.

<sup>148</sup> Seorang guru agama di Kedah.

<sup>149</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2008), *op. cit.*, hlm. 21, 22 &23.

Manakala diperingkat antarabangsa berlangsung pada 22 Ramadhan 1380H bersamaan 9 Mac 1961M. Seramai 14 orang qari dari 7 buah negara mengambil bahagian. Bahagian qari'ah pula mula dianjurkan bermula pada tahun 1964. Johan qari peringkat antarabangsa pertama disandang oleh Hj. Ahmad b. Maksom Pergau dari negeri Kelantan. Diikuti oleh Hj. Ismail Hashim, qari dari negeri Kedah.<sup>150</sup>

Pada tahun 1964, majlis tilawah peringkat kebangsaan memperlihatkan beberapa perubahan. Ia disertai oleh Sarawak, Sabah dan Singapura sebagai komponen negeri di Malaysia.<sup>151</sup> Seterusnya pelaksanaan majlis ini dari setahun ke setahun sampailah ke hari ini.

### **2.2.1.3 Qari Dan Qari'ah Di Malaysia**

Penganjuran majlis tilawah al-Quran telah memberi impak dan kesan yang besar kepada umat Islam dan negara. Dengan penganjuran tersebut, telah ramai melahirkan qari dan qari'ah yang telah berjaya pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

---

<sup>150</sup> Ismail Che Daud, (2007), *Mingguan al-Wasilah : Kenali Tokoh Silam* 24 Jun 2007 / 9 Jamadil Akhir 1428H. hlm 30. Lihat juga *Berita Harian, op. cit.*, Selasa, 14 Ogos 2001.

<sup>151</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm. 138.

Dengan adanya para qari dan qari'ah, secara tidak langsungnya mereka inilah yang mengembangkan pula ilmu tarannum dengan mengajar, memberi pendedahan ilmu al-Quran kepada lapisan masyarakat terutama kepada qari-qari atau qariah-qari'ah di negeri masing-masing yang ingin menyertai majlis tilawah al-Quran yang diadakan pada setiap tahun. Ini terbukti juga dengan adanya usaha individu, berbagai-bagai pertubuhan dan persatuan sukarela serta jabatan-jabatan kerajaan di merata-rata tempat di negara ini menganjur kelas-kelas pengajian dan majlis tilawah al-Quran.

Namun, penulis akan mengemukakan di kalangan qari dan qari'ah yang menjadi johan majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan atau antarabangsa bermula pada tahun penganjuran majlis tilawah al-Quran hinggalah sekarang ini.

Di kalangan qari-qari ialah :<sup>152</sup>

1. Tan Sri Dato' Hj. Hassan b. Hj. Azhari.<sup>153</sup>

---

<sup>152</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2007), *op.cit.*, hlm. foto johan qari dan qari'ah. Lihat juga pada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2008), *op.cit.*, hlm. 58, 61 dan 63. Lihat juga Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm. 91-119.

<sup>153</sup> Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran pertama kali yang diadakan pada tahun 1947. Beliau mewakili negeri Selangor. Beliau telah mendapat markah 84.5% dan berkongsi markah bersama tiga orang peserta iaitu Ustaz Abdul Rahman dari Pulau Pinang dan Tuan Hj. Mahyuddin dari Perak. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2007), *op.cit.*, hlm. Kata penghantar.

2. Ustaz Abdul Rahman.<sup>154</sup>
3. Tuan Hj. Mahyuddin.<sup>155</sup>
4. Hj. Abdul Hamid b. Desa.<sup>156</sup>
5. Hj. Ahmad b. Mat Som.<sup>157</sup>
6. Dato' Hj. Ismail b. Hashim.<sup>158</sup>
7. Hj. Mohd Amin b. Hj. Shamsuddin.<sup>159</sup>
8. Hj. Abdul Majid b. Hj. Awang.<sup>160</sup>
9. Hj. Saidin b. Abdul Rahman.<sup>161</sup>

- 
- <sup>154</sup> Beliau juga merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran pertama kali yang diadakan pada tahun 1947. Beliau mewakili negeri Pulau Pinang. *Ibid*
- <sup>155</sup> Beliau juga merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran pertama kali yang diadakan pada tahun 1947. Beliau mewakili negeri Perak. *Ibid*
- <sup>156</sup> Qari dari kedah. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali pertama tahun 1379H/1960M. *Ibid*, hlm. 1.
- <sup>157</sup> Qari dari Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa tahun 1380H/1961M. *Ibid*, hlm. 8.
- <sup>158</sup> Qari dari Kedah. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan sebanyak 9 kali iaitu tahun 1381H/1962M, 1382H/1963H, 1384H/1965M, 1386H/1966M, 1389H/1969M, 1390H/1970M, 1391H/1971M, 1394H/1974M dan 1395H/1975M. Peringkat antarabangsa pula sebanyak 8 kali iaitu pada tahun 1382H/1963H, 1384H/1965M, 1386H/1966M-67M, 1389H/1969M, 1390H/1970M, 1391H/1971M, 1394H/1974M dan 1395H/1975M. Lihat Berita Harian (2001) : *Jejak Qari-Qari'ah*, Selasa, 18 Ogos, hlm. 26.
- <sup>159</sup> Qari dari Kedah. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun 1383H/1964H. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2007), *op.cit.*, hlm. 19.
- <sup>160</sup> Qari dari Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1385H/1966. *Ibid*, hlm. 21.
- <sup>161</sup> Qari dari Pulau Pinang. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun 1387H/1967M dan 1388H/1968M. Peringkat antarabangsa pada tahun 1388H/1968M. *Ibid*, hlm. 23.

10. Hj. Abd Hak @ Abd Ghani b. Abdullah.<sup>162</sup>
11. Hj. Apandi b. Hj. Sirat.<sup>163</sup>
12. Hj. Mukhtar b. Hj. Ahmad.<sup>164</sup>
13. Hj. Shafie b. Kati @ Hj. Sulaiman.<sup>165</sup>
14. Dato' Hj. Muhammad b. Hasri.<sup>166</sup>
15. Hj. Asmawi b. Hj. Duet.<sup>167</sup>
16. Hj. Hassan b. Hj. Che Musa.<sup>168</sup>
17. Hj. Noordin b. Idris.<sup>169</sup>

- 
- <sup>162</sup> Qari dari negeri Kedah. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1392H/1972M, 1397H/1977M, 1398H/1978M, 1400H/1980M dan 1402H/1982M. dan Peringkat antarabangsa pada tahun 1387H/1967M, 1392H/1972M, 1400H/1980M, 1402H/1982M. *Ibid*, hlm. 27.
- <sup>163</sup> Qari dari negeri Johor. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1393H/1973M. *Ibid*, hlm. 31.
- <sup>164</sup> Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun 1396H/1976M. Lihat Berita Harian (2001) : *Jejak Qari-Qari'ah*, Rabu, 22 Ogos, hlm. 27.
- <sup>165</sup> Qari dari negeri Selangor. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1399H/1979 dan 1407H/1987M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 39.
- <sup>166</sup> Qari dari negeri Wilayah Persekutuan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1401H/1981M. *Ibid*, hlm. 41.
- <sup>167</sup> Qari dari negeri Sarawak. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1403H/1983M. Berita Harian (2001), *op.cit.*, Jumaat, 24 Ogos, hlm. 34.
- <sup>168</sup> Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa pada tahun 1383H/1964M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2007), *op.cit.*, hlm. 101.
- <sup>169</sup> Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1404H/1984M dan 1405H/1985M. Johan peringkat antarabangsa pada tahun 1405H/1985M. Berita Harian (2001), *op.cit.*, Sabtu, 25 Ogos, hlm. 25.



18. Hj. Muhammad b. Awang Teh.<sup>170</sup>
19. Hj. Salleh b. Saidi.<sup>171</sup>
20. Hj. Mohammad b. Hj. Yusof.<sup>172</sup>
21. Hj. Daud b. Che' Man.<sup>173</sup>
22. Hj. Abd Rahim b. Hj. Ahmad.<sup>174</sup>
23. Hj. Md Hussin b. Mohd Yunus.<sup>175</sup>
24. Hj. Yahya b. Daud.<sup>176</sup>

---

<sup>170</sup> Di lahirkan di Kampung Bukit Abal Pasir Puteh Kelantan. Bekerja sebagai peneroka dan pendakwah. Qari dari negeri Terengganu. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1406H/1986M, 1412H/1992M dan 1416H/1995M. Lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Selasa, 28 Ogos, hlm. 27.

<sup>171</sup> Qari dari negeri Johor. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1408H/1988M dan 1419H/1998M. *Ibid*, Jumaat, 14 September 2001, hlm. 33.

<sup>172</sup> Beliau dilahirkan di kampung Kubang Bemban, Pasir Mas Kelantan. Bekerja sebagai guru dan jurulatih al-Quran peringkat negeri dan kebangsaan. Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1409H/1989M dan 1411H/1991M. Antarabangsa pada tahun 1411H/1991M. Telah mewakili Negara ke Iran tahun 1992. *Ibid*, Khamis, 30 Ogos, hlm 34.

<sup>173</sup> Qari dari negeri Terengganu. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1410H/1990M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2007), *op.cit.*, hlm. 66.

<sup>174</sup> Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1413H/1993M, 1414H/1993 dan 1415H/1994M. Pada peringkat antarabangsa pada tahun 1414H/1993 dan 1415H/1994M. *Ibid*, hlm. 68.

<sup>175</sup> Beliau dilahirkan di kampung Gertak Tiga, Pasir Mas, Kelantan. Beliau bekerja sebagai guru. Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1417H/1996M dan 1418H/ 1997M. pada peringkat antarabangsa pada tahun 1418H/ 1997M. Lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Isnin, 3 September, hlm. 24.

<sup>176</sup> Qari dari negeri Kelantan. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun 1420H/1999M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 77.

25. Hj. Radzi b. Kamarul Hailan.<sup>177</sup>
26. Hj. Abd Ghani b. Hashim.<sup>178</sup>
27. Dato' Ahmad Faizul b. Ghani.<sup>179</sup>
28. Hj. Pisol b. Yusop.<sup>180</sup>
29. Hj. Shafi'i b. Lebai Hanafiah.<sup>181</sup>
30. Hj. Mohd Yusuf b. Abdullah.<sup>182</sup>
31. Hj. Abd. Aziz b. Mustakim.<sup>183</sup>
32. Hj. Shamsul Ariffin b. Hj. Supian.<sup>184</sup>
33. Hj. Awangku Omar Asfuaddin b. Awang Hamdan.<sup>185</sup>

- 
- <sup>177</sup> Beliau adalah merupakan qari dari negeri Perak. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1421H/2000 dan 1425H/2004M. Lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Rabu, 12 September 2001, hlm. 26.
- <sup>178</sup> Qari dari negeri Perak. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1422H/2001M dan 1423H/2002M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 86.
- <sup>179</sup> Qari dari negeri Pahang. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1424H/2003M. *Ibid*, hlm. 89.
- <sup>180</sup> Qari dari negeri Perlis. johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1426H/2005M. *Ibid*, hlm. 94.
- <sup>181</sup> Qari dari negeri Pahang. Johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1427M/2006M. *Ibid*, hlm. 97.
- <sup>182</sup> Qari dari negeri Terengganu. johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali pertama 1960 dan antarabangsa pada tahun 1381H/ 1962M. Berita Harian (2001), *op.cit.*, Rabu , 15 Ogos, hlm. 27
- <sup>183</sup> Qari dari negeri Johor. Beliau merupakan johan qari majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1428H/2007M. Lihat juga pada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2008), *op.cit.*, hlm. 51.
- <sup>184</sup> Qari dari negeri Perak. Johan peringkat kebangsaan pada tahun 1429H/2008M. Lihat <http://ms.wikipedia.org>. Dan Lihat Harian Metro, 12-Julai-2008.
- <sup>185</sup> Qari mewakili negeri Sarawak. Johan peringkat kebangsaan pada tahun 1430H/2009M. Lihat [http://ms.wikipedia.org/wiki/Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2009](http://ms.wikipedia.org/wiki/Tilawah_Al-Quran_Peringkat_Kebangsaan_2009).

34. Hj. Wan Ainuddin b. Wan Abdullah.<sup>186</sup>

Manakala qari'ah-qari'ah pula :<sup>187</sup>

1. Saudah bt. Che Pi @ Hanafi.<sup>188</sup>
2. Dato' Hjh. Rugayah bt. Sulong.<sup>189</sup>
3. Hjh. Rahmah bt. Abdul Rahman.<sup>190</sup>
4. Hjh. Faridah bt. Mat Saman.<sup>191</sup>
5. Hjh. Setina bt. Ismail.<sup>192</sup>

---

<sup>186</sup> Qari dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Johan qari peringkat kebangsaan pada tahun 2010. Lihat <http://eforum2.cari.com.my>.

<sup>187</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. foto johan qari dan qari'ah. Lihat juga pada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2008), *op.cit.*, hlm. 58, 61 dan 63. Lihat juga Mohd Ali b. Abu Bakar (1991), *op.cit.*, hlm. 91-119,

<sup>188</sup> Qari'ah dari negeri Perlis yang menyandang johan majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali pertama pada tahun 1379H/1960M. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 105.

<sup>189</sup> Qari'ah dari negeri Terengganu. Johan qari'ah sebanyak 7 kali majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1380H/1961M, 1382H/ 1963, 1385H/1966M, 1393H/1973M, 1394H/1974M, 1398H/1978M dan 1399H/1979M. Peringkat antarabangsa pula sebanyak 4 kali pada tahun 1385H/1966M, 1393H/1973M, 1394H/1974M dan 1398H/1978M. Berita Harian (2001), *op.cit.*, Khamis, 16 Ogos, hlm. 27.

<sup>190</sup> Qari'ah dari negeri Johor. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1381H/1962M, 1388H/1968M dan 1395H/1975M. Peringkat antarabangsa pula pada tahun 1388H/1968M. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 110.

<sup>191</sup> Qari'ah dari negeri Kelantan. Menyandang johan qari'ah sebanyak 8 kali majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1383H/1964M, 1384H/1965M, 1392H/1972M, 1396H/1976M, 1397H/1977M, 1409H/1989H, 1410H/1990M dan 1411H/1991M. *Ibid*, hlm. 114.

<sup>192</sup> Qari'ah dari negeri Kelantan. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1386H/1966/67M. *Ibid*, hlm. 118.

6. Hjh. Radziah bt. Abdul Rahman.<sup>193</sup>
7. Jamilah bt. Ahmad.<sup>194</sup>
8. Hjh. Sapinah bt. Mamat.<sup>195</sup>
9. Munirah bt. Kassim.<sup>196</sup>
10. Hjh. Aminah bt Omar.<sup>197</sup>
11. Hjh. Rahmas bt. Abdullah.<sup>198</sup>
12. Hjh. Siah @ Embat bt. Mat Amin.<sup>199</sup>

- 
- <sup>193</sup> Dilahirkan di Permatang Hj. Hassan, Kepala Batas, Pulau Pinang. Bekerja sebagai Guru Tadika dan mengajar al-Quran. Qari'ah Dari negeri Pulau Pinang. Johan Qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1387H/1967M, 1390H/1970H dan 1391H/1971M. lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Rabu, 29 Ogos, hlm. 27.
- <sup>194</sup> Qari'ah dari negeri Kedah. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1389H/1967M. *Ibid*, Isnin, 20 Ogos, hlm. 27.
- <sup>195</sup> Qari'ah dari negeri Kelantan. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1400H/1980M, 1401H/1981M dan 1407H/1987H. Peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1401H/1981M dan 1407H/1987H. *Ibid*, Isnin 10 September, hlm. 20.
- <sup>196</sup> Qari'ah dari negeri Kelantan. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1402H/1982M. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 132.
- <sup>197</sup> Qari'ah dari negeri Terengganu. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1403H/1983M. Berita Harian (2001), *op.cit.*, Selasa, 23 Ogos, hlm. 27.
- <sup>198</sup> Qari'ah dari negeri Johor. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan sebanyak 5 kali iaitu pada tahun 1404H/1984M, 1405H/1985M, 1412H/1992M, 1415H/1994M dan 1416H/1995M. Peringkat antarabangsa pula pada tahun 1402H/1982M, 1404H/1984M, 1405H/1985M, 1412H/1992M, 1415H/1994M dan 1416H/1995M. *Ibid.*, Selasa, 21 Ogos, hlm. 27.
- <sup>199</sup> Qari'ah dari negeri Terengganu. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1406H/1986M. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 140.

13. Hjh. Pasiyah @ Fasiah bt. Hj. Hashim.<sup>200</sup>
14. Hjh. Umi Kalthum bt. Hj. Mohd Zain.<sup>201</sup>
15. Hjh. Hanisah bt. Abdullah.<sup>202</sup>
16. Hjh. Siti Aminah bt. Awang.<sup>203</sup>
17. Hjh. Sepiah bt. Muhammad.<sup>204</sup>
18. Hjh. Masnah bt. Awang.<sup>205</sup>
19. Hjh. Amnah bt. Hj. Ayup.<sup>206</sup>

---

<sup>200</sup> Beliau qari'ah daripada negeri Selangor. Mendapat johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1408H bersamaan 1988M dan 1422H bersamaan 2001M. *Ibid*, hlm.142.

<sup>201</sup> Beliau lahir di Kampung Parit Khalid, Sri Bandan, Tanjong Semberong, Batu Pahat Johor. Bekerja sebagai penyelaras kelas pengajian al-Quran pejabat agama Kota Tinggi. Beliau mewakili qari'ah dari negeri Johor. Beliau telah mendapat johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun 1413H/1993M, 1414H/1993 dan 1423H/2002. Peringkat antarabangsa pula pada tahun 1414H/1994M. Lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Selasa, 4 September, hlm, 27.

<sup>202</sup> Qari'ah dari negeri Johor. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun 1417H/1996M, 1424H/2003M dan 1425H/2004M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 147.

<sup>203</sup> Beliau lahir di Batu Tiga Parit Kasa, Jalan Sempadan, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang guru kelas kafa dan kelas al-Quran. Beliau qari'ah dari negeri Pulau Pinang. Telah mendapat johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun 1418H/1997M. Lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Rabu, 5 September 2001. hlm. 27.

<sup>204</sup> Qari'ah dari negeri Terengganu. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan Pada Tahun 1419H/1998M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 156.

<sup>205</sup> Beliau lahir di kampung Alur Limbat, Bukit Payung, Marang Terengganu. Beliau bekerja sebagai guru al-Quran dan aktif dalam perniagaan jualan langsung. Telah mewakili majlis tilawah al-Quran bagi qari'ah negeri Terengganu. Beliau telah mendapat johan qari'ah Majlis tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1420H/1999M. Lihat Berita Harian (2001), *op.cit.*, Selasa, 11 September, hlm. 26.

<sup>206</sup> Qari'ah dari negeri Sarawak. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1421H/2000M. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2007), *op.cit.*, hlm. 162.

20. Faizah bt. Hj. Mohd Husain.<sup>207</sup>
21. Maslina Sinaga bt. Abd Rahman.<sup>208</sup>
22. Syarifah Khasif Fadzilah bt. Syed Mohd Badiuzzaman.<sup>209</sup>
23. Hjh. Nor Azrah bt. Ayub.<sup>210</sup>

## **2.2.2 Pusat-Pusat Pengajian Tarannum Di Malaysia**

Berkembangnya tarannum al-Quran di seluruh negeri di Malaysia, sebahagian besarnya disebabkan terdapat banyak tertubuhnya pusat-pusat pengajian. Berikut adalah pusat-pusat pengajian tarannum di Malaysia :

### **2.2.2.1 Pengajian Di Istana**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Istana Kesultanan Melayu memainkan peranan penting di dalam perkembangan tarannum al-Quran,

---

<sup>207</sup> Qari'ah dari negeri Selangor. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1426H/2005M. *Ibid*, hlm. 165.

<sup>208</sup> Qari'ah dari negeri Selangor. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1427H/2006M. *Ibid*, hlm. 167.

<sup>209</sup> Qari'ah dari negeri Perak. Johan qari'ah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1429H/2008M dan 1430H/2009M. Peringkat antarabangsa Pada Tahun 1430H/2009M. Temuramah dengan Us. Anuwa b. Ghazali, pada 8 September 2009, di Masjid KLCC Kuala Lumpur, pukul 10.30 Malam.

<sup>210</sup> Qari'ah dari negeri Johor. Johan qari'ah peringkat kebangsaan tahun 2010. Lihat <http://www.islam.gov.my/majlis-tilawah-al-quran-peringkat-kebangsaan-kali-ke-53>.

kerana kebanyakan istana ada mempunyai qari-qarinya sendiri yang dikenali sebagai qari-qari diraja atau qari-qari istana.

Qari-qari inilah yang menjadi guru al-Quran yang bertanggungjawab menjiwai ruh al-Quran dengan mengajar al-Quran kepada masyarakat dan rakyat di seluruh negeri.<sup>211</sup>

Mereka adalah orang yang ulung memperkenalkan *lahjah arab* dan memperdengarkan lagunya, bukan sahaja kepada raja-raja atau sultan di istana malah menjelajah pelosok negeri. Mereka memperdengarkan bacaan-bacaan yang indah daripada ayat-ayat suci al-Quran pada majlis-majlis keagamaan seperti majlis khatam al-Quran, kenduri-kenduri, maulid nabi, majlis perkahwinan, haflah-haflah (sambutan hari kebesaran Islam) dan sebagainya.<sup>212</sup>

Jika di negeri yang mempunyai ramai qari istana, di sana terdapat ramai rakyat yang mampu dan berkebolehan membaca al-Quran dengan baik dan mengikut *lahjah arab*. Antara qari istana yang terkenal sekitar pada tahun 1920-1940an ialah :<sup>213</sup>

---

<sup>211</sup> Kertas Kerja Kursus Tajwid Dan *Tartil* al-Quran (t.t), *Pengenalan Sejarah Lagu Dan Suara*, Anjuran Jabatan Agama Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Kelantan : Perpustakaan Aman Prees Sdn. Bhd., hlm. 5.

<sup>212</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm. 88.

<sup>213</sup> *Ibid*

1. Muhammad Yusuf Kedondong (Negeri Kelantan)
2. Hj. Muhammad (Negeri Terengganu).<sup>214</sup>
3. Hj. Muhammad Ribat (Negeri Kedah).<sup>215</sup>
4. Hj. Sulaiman (Negeri Johor).
5. Hj. Khalid (Negeri Selangor).
6. Hj. Muhammad Jempol (Negeri Sembilan).
7. Muhyiddin (Negeri Perak).<sup>216</sup>

#### **2.2.2.2 Pengajian Di Rumah, Surau dan Masjid**

Di Malaysia pelaksanaan pendidikan Islam melalui pengajian dan pengajaran al-Quran di rumah guru-guru al-Quran telah bermula abad ke 20 lagi.<sup>217</sup>

Menurut Abdullah Munsyi, pelajaran pertama yang di perkenalkan di dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu ialah pengajian al-Quran.<sup>218</sup>

---

<sup>214</sup> Beliau dikenali dengan Mat Litar , kerana kekuatan suaranya.

<sup>215</sup> Ribat bererti pengikat, yang bermakna suaranya boleh mengikat atau memikat serta mempesonakan orang yang mendengar bacaannya.

<sup>216</sup> Beliau juga dikenali dengan Datuk Canai Intan. Gelaran ini diberikan oleh sultan perak kerana kemerduan suaranya.

<sup>217</sup> Ismail Abdul Rahman (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor, hlm. Pengenalan Pendidikan Islam Di Malaysia.

<sup>218</sup> The Hikayat Abdullah, *An Annotated Translation By A.H. Hill, JMBRAS*, jil xxvii, part 3, Jun 1955, hlm 76.



Menurut Abdul Rahman pula, pengajian al-Quran secara teradisi di rumah-rumah guru al-Quran telah berkembang dan akhirnya wujud institusi-institusi pondok di beberapa buah negeri.<sup>219</sup> Pengajian al-Quran yang membawa maksud ialah pengajian tajwid dan tarannum al-Quran.

Berdasarkan pengalaman dan penglibatan penulis secara langsung sebagai qari, penulis telah dapati pengajian tarannum al-Quran dijalankan melalui kelas-kelas pengajian di rumah tok guru, masjid dan surau. Kelas pengajian ini kebiasaannya diadakan pada waktu malam selepas solat insya' dan sehingga habis pelajar membacanya.

Penulis membuat kesimpulan institusi rumah guru, masjid dan surau merupakan institusi penyebaran ilmu tarannum dan telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh tarannum di pelosok tanah air.

### **2.2.2.3 Pengajian Di Pondok-Pondok**

Pengajian tarannum al-Quran di Malaysia bermula seawal perkembangan pengajian pondok<sup>220</sup> itu sendiri. Mata pelajaran al-Quran diajar

---

<sup>219</sup> *Ibid*, hlm. 17-18.

<sup>220</sup> Menurut Kamus Dewan, pondok bererti madrasah atau asrama tempat belajar agama. Lihat Hjh. Noresah Bt. Baharom (2010), *op., cit.*, hlm. 1224.

seiring dengan pengajaran bidang-bidang lain seperti tasawuf, nahu, fiqah, hadis, tauhid dan sebagainya.

Pengajian pondok merupakan sebuah institusi pengajian terletak di kawasan tertentu di sekeliling pusat pengajian yang berasaskan masjid balai, surau dan lain-lain. Pengajian ini di bawah orang alim atau tok guru serta pembantu-pembantunya.<sup>221</sup>

Pada awal kurun ke-19 dan ke-20 M, pengajian pondok mula berkembang dengan pesat di seluruh negeri Tanah Melayu terutama di Kelantan. Di Kelantan, sistem pengajian pondok yang terbesar dan tertua berpusat di Masjid Muhammadi yang sebelumnya lebih dikenali dengan Masjid Kota Bharu. Masjid ini wujud sekurang-kurangnya pada awal abad kurun ke 19 lagi.<sup>222</sup>

Pengajian pondok di Masjid Muhammadi memberi penekanan yang paling utama ialah pengajian al-Quran. Kemudian ilmu-ilmu yang lain termasuklah tafsir hadis, feqah, tasawuf, tauhid dan lain-lain.<sup>223</sup>

---

<sup>221</sup> Syafi'e Abu Bakar (1983), *Ke Arah Pembaikan Dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok Di Malaysia*. Jurnal Pendidikan Islam, bil. 2, Oktober 1984M, hlm 27. Rujuk juga Muhammad Uthman El-Muhammady (1984). "*Pondok education as indigenous education*" Jurnal Pendidikan Islam, bil. 1, Januari 1984, hlm. 52.

<sup>222</sup> Hamdan Hassan (1985), "*Peranaan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad Ke 20 Masihi*" dalam Nik Safiah Karim et al. (ed), *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya ( UM ), hlm. 151.

<sup>223</sup> *Ibid*

Di Kelantan, pada pertengahan kurun ke-20M, terdapat lebih daripada 50 buah institusi pondok. Perkembangan pengajian agama di Kelantan lebih pesat melalui sistem ini. Demikian juga di Terengganu pada pertengahan kurun ke-20M, iaitu pada zaman kegemilangan institusi pondok, terdapat lebih kurang 30 buah institusi tersebut di negeri itu.<sup>224</sup>

Namun ternyata pengajian tarannum al-Quran merupakan sebahagian pengajian di institusi pondok-pondok di Malaysia. Ini dapat di buktikan lagi dengan kitab yang di pelajarnya dalam pengajian al-Quran iaitu kitab tulisan jawi yang amat masyhur di institusi pondok di Malaysia iaitu *Kitab Sirāj al-Qārī*. Di dalam kitab ini ada menyebut tentang asal usul lagu, nama-nama lagu dan kesalahan bertarannum dalam bacaan al-Quran.

Sistem pengajian pondok semakin berkembang di Malaysia. Kemudian ditambah lagi dengan pengajian tarannum dalam bentuk persekolahan peringkat menengah.

---

<sup>224</sup> Nik Abdul Aziz b. Nik Hassan (1983), *Islam Di Kelantan (Sehingga 1974)*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 91.

#### 2.2.2.4 Pengajian Persekolahan

Di Malaysia, pengajian berbentuk persekolahan bermula dengan tertubuhnya sekolah al-Quran, di mana orang melayu mula-mula mendapat pendidikan sebelum wujudnya sekolah-sekolah melayu.

Sekolah melayu pertama mula ditubuhkan pada tahun 1816 di Penang Free School oleh London Missionary Society dan diikuti sekolah melayu Gelugor di Pulau Pinang pada tahun 1819.<sup>225</sup>

Kemudian pada tahun 1854 sekolah al-Quran telah berubah corak. Pada sebelah pagi digunakan sebagai sekolah melayu, manakala pada sebelah petang pula digunakan sebagai sekolah al-Quran.<sup>226</sup>

Pada tahun 1878 kerajaan telah menubuhkan Maktab Perguruan Melayu di Singapura, Melaka pada tahun 1901 dan Maktab Perguruan Sultan Idris ditubuhkan pada tahun 1922. Di maktab-maktab ini kursus-kursus pelajaran agama Islam dan diajar juga pelajaran lain.<sup>227</sup>

---

<sup>225</sup> Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Agama Islam Mengikut Shor-Shor Penyata Razak 1956, Dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 1.

<sup>226</sup> *Ibid*

<sup>227</sup> *Ibid*

Pada abad ke 19 iaitu selepas perang dunia pertama, sekolah-sekolah pondok arab dan agama telah muncul di merata-rata tempat di semenanjung Malaysia. Bahkan sekitar 1950-an-60an sekolah-sekolah agama petang turut diadakan di sekolah-sekolah sebagai memenuhi keperluan agama pada masa itu.<sup>228</sup>

Di Tanah Melayu, terdapat dua jenis sekolah atau madrasah yang bersistem. Pertama : Dibina dan dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dengan perbelanjaan kerajaan negeri masing-masing yang di salurkan melalui Jabatan Agama atau Sekolah Arab. Kedua : Dibina dan di selenggara oleh perseorangan atau badan swasta, hasil daripada derma wakaf dan lain-lain tanpa bantuan daripada kerajaan. Ini dikenali sebagai sekolah agama rakyat.<sup>229</sup>

Pada tahun 1977 kementerian pelajaran telah mengambil alih beberapa buah sekolah Menengah kebangsaan agama (SMKA). Tujuan sekolah ini di tubuhkan ialah untuk memberi pendidikan yang lebih baik kepada pelajar

---

<sup>228</sup> Shafi 'e Abu Bakar (1982), “ *Identity Keagamaan Dan Pengajian Di Terengganu*”, Dalam Khoo Kay Kin, et. al. Warisan, Terengganu : Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, hlm. 22.

<sup>229</sup> Abdullah Hj. Ishak (1991), *Tulisan Jawi Dan Hubungannya Dengan Pelajaran Dan Pendidikan Islam Di Malaysia*. Dalam Lutpi Ibrahim et. al.(ed), Islamika 4, Kuala Lumpur : Gateway Publishing House, hlm. 248.

sekolah agama. Pelajar-pelajar di sekolah ini dapat mempelajari agama dan bahasa arab di samping tidak mengabaikan pelajaran akademik.<sup>230</sup>

Pada tahun 1986 Bahagian Pendidikan Islam (BPI) salah satu unik dalam Kementerian Pelajaran Malaysia yang merupakan sebuah institusi Pendidikan Islam yang bertanggungjawab melaksanakan semua ko-kurikulum yang berkaitan dengan pendidikan Islam di (SMKA) bawah Kementerian Malaysia. Pelaksanaan ini berdasarkan keputusan perancangan (JPP) pada tahun 1985. Kurikulum tersebut ialah "*Kelas Khas Kemahiran al-Quran* (KKQ).<sup>231</sup> Kelas ini seterusnya diperluaskan ke Kelas Aliran Agama (KAA) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di bawah Kementerian Malaysia. Sukatan mata pelajaran dalam (KKQ) mengandungi lima topik perbincangan yang utama iaitu :<sup>232</sup>

1. Tajwid
2. Hafazan
3. *'Ulūm al-Quran*
4. *Al-Qirā'āt*
5. Tarannum

---

<sup>230</sup> Che' Pee (1991), *Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Cabaran Dan Masa Hadapan*, Jurnal Pendidikan Islam, jld. 4, bil 3, Disember 1991, hlm. 37.

<sup>231</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), *Pendidikan Islam, Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*, Selangor : Fajar Bakti, hlm. 48.

<sup>232</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), *Korikulum Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ)*, Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Malaysia Dan Moral (JPIM), cet. 1, hlm. i.

## 1. Tajwid

Antara tajuk yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah *hukum nūn mati dan tanwin, nūn dan mīm bertasydid, mim mati, idghām*, tanda-tanda simbol dalam al-Quran, cara membaca *isti‘ādhah* dan *basmallah*, cara membaca *hamzah* di permulaan ayat, hukum *mad, makhraj huruf, sifat huruf, hukum rā’ dan lām, waqaf* serta kaedah *rasm ‘uthmānī*, bacaan khas riwayat Ḥafs *ṭariq al-syātibī*.<sup>233</sup>

## 2. Hafazan

Ayat-ayat hafazan dalam sukatan ialah surah *al-Sajadah, al-Insān, al-A‘lā, al-Ghāsyiah, al-Waqi‘ah, al-Ṣāf, al-Juma‘ah, Yasīn, al-Munafiqūn* dan *al-Mulk*.<sup>234</sup>

## 3. ‘Ulūm al-Quran

Tajuk yang terkandung dalam bahagian ini ialah tentang takrif al-Quran dan ulum al-Quran, pengumpulan al-Quran, penulisan al-Quran dan pembukuan al-Quran serta mengkaji penamaan surah.<sup>235</sup>

---

<sup>233</sup> *Ibid*, hlm. 8, 12, 15, 17 dan 19.

<sup>234</sup> *Ibid*

<sup>235</sup> *Ibid*

#### 4. *Al-Qirā'āt*

Bahagian ini mengandungi tajuk berkaitan pengenalan *qirā'āt*, imam-imam dan rawi-rawi, tajwid, *qirā'āt*, *khilaf* dan bacaan yang di petik daripada surah-surah lazim.<sup>236</sup>

#### 5. **Tarannum**

Dalam ilmu tarannum pula ialah perbincangan berkaitan dengan suara, istilah-istilah dalam ilmu tarannum dan lagu-lagu seperti *bayyāti*, *ṣabā*, *rast*, *sīkāh*, *ḥijāz*, *nahāwand* dan *jihārkāh*.<sup>237</sup>

Kurikulum ini bertujuan untuk mendidik dan menerapkan ilmu al-Quran kepada pelajar-pelajar. Dalam masa yang sama melatih pelajar yang berbakat dalam bahagian seni lagu al-Quran supaya menjadi pelapis kepada tokoh-tokoh qari tarannum yang sedia ada. Dengan wujudnya skim khas ini, kementerian bukan sahaja dapat mendidik, melatih pelajar dalam ilmu tarannum bahkan dapat mengembangkan ilmu tarannum itu sendiri.

---

<sup>236</sup> *Ibid*

<sup>237</sup> *Ibid*



### 2.2.2.5 Institusi-Institusi Pengajian Tinggi

Pengajian tarannum al-Quran telah dikembangkan lagi di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Ma'ahad Tahfiz Darul al-Quran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDIM). Begitu juga dengan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Sistem dan kaedah pembelajaran yang di gunakan di Ma'ahad Tahfiz Darul Quran JAKIM dengan belajar enam semesta memakan masa selama tiga tahun. Selain daripada menghafaz al-Quran, Mata pelajaran yang dipelajari adalah termasuk salah satunya ilmu tarannum al-Quran pada semester dua dan tiga. Pengajian Tarannum ini memfokuskan kepada kaedah praktikal iaitu *talaqqī* dan *musyāfahah* antara pensyarah. Pelajar-pelajar mestilah mempelajarinya sebagai syarat untuk mendapat diploma pendidikan.<sup>238</sup>

---

<sup>238</sup> Temuabual dengan Ustaz Ehsan pada hari Ahad 4 Julai 2010, pada pukul 8.00 malam di masjid al-Khasyi'in Taman Desa Petaling, Kuala Lumpur. Beliau merupakan salah seorang pelajar yang belajar di Maahad Tahfiz Darul al-Quran (JAKIM).

Akademi Pengajian Islam dan fakulti Pengajian Pendidikan di Universiti Malaya (UM), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula, mahasiswa dan mahasiswi juga diberi pendedahan dengan ilmu-ilmu tarannum untuk mendapat ijazah sarjana muda.<sup>239</sup>

Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sebagai contohnya telah menawarkan kepada mahasiswa dan mahasiswi di bawah Jabatan al-Quran dan al-Hadis iaitu takhasus tarannum dan *al-Qirā'āt*. Inilah satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menubuhkan secara khusus dalam bidang tarannum di Malaysia.<sup>240</sup>

Dengan ini dapatlah penulis menyimpulkan bahawa ilmu tarannum al-Quran telah berkembang di Malaysia bertambah meluas dengan wujudnya IPTA dan IPTS yang telah menjadi satu subjek kepada pelajar-pelajar untuk di pelajari.

---

<sup>239</sup> Temubual dengan Wan Helmi b. Wan Abdullah, pada hari Khamis 24 Jun 2010, pada pukul 10.00 petang di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah seorang pensyarah yang mengajar tarannum di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Temubual dengan Siti Alawiyah bt. Mohd Noor pada hari Isnin 8 Julai 2010 di Masjid al-Khasyi' in Taman Desa Petaling Kuala Lumpur. Beliau merupakan mahasiswi Universiti Sains Malaysia (USIM) fakulti al-Quran dan al-Sunnah.

<sup>240</sup> Temuramah dengan Dr. Muhammad Lukman b. Ibrahim pada hari Rabu 3 Julai 2010, pada pukul 9.00 pagi di Masjid al-Khasyi' in Taman Desa Petaling, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang ahli tarannum dan Pensyarah yang memegang jawatan Ketua Jabatan Tarannum dan Qira'at di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Petra (KIAS) Nilam Puri Kota Bharu Kelantan.

## 2.3 ALIRAN PERKEMBANGAN TARANNUM DI MALAYSIA

Sebenarnya perkembangan tarannum al-Quran tersebar luas di seluruh tanah air melalui dua aliran iaitu aliran tarannum *Hijāzī* dan *Miṣrī*.

Mengikut tokoh-tokoh tarannum yang masyhur di Malaysia seperti Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dan Us. Hj. Nik Jaafar Nik Ismail menyebut bahawa perkembangan aliran tarannum al-Quran di Malaysia datangnya melalui pedagang-pedagang dan mubaligh Islam negara arab terutama dari tanah Hijaz iaitu Makkah yang dikenali sebagai tarannum *Hijāzī*. Selepas tahun 40an, Tarannum *Miṣrī* dari Mesir pula telah mempengaruhi masyarakat Malaysia dalam lagu-lagu arab, nasyid, qasidah, azan dan bacaan al-Quran.<sup>241</sup>

### 2.3.1 Aliran Tarannum *Hijāzī*

Iaitu tarannum yang berlahjah arab *Hijāzī*. Tarannum ini juga dikenali dengan sebutan lagu *Makkawī*, yang berasal dan berkembang di Makkah dan sekitar *jazīrah arab* bahagian timur yang dikenali dengan *Hijaz*. Lagu-lagunya menggambarkan dialek bahasa penduduk di jazirah tersebut.<sup>242</sup> Dari sudut irama lagunya dipengaruhi oleh suasana padang pasir yang berbukit bukau

---

<sup>241</sup> Hj. Napiah b. Sahrani (2001), *op. cit.*, hlm. 6. Lihat juga Hj. Nik Jaafar b. Nik Ismail (2007), *Qawa'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur : Darul Fikr, cet. 3, hlm. 117.

<sup>242</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm 39.

dengan suhu kepanasan yang agak tinggi, irama dan rentak agak lincah di samping nada suaranya yang meninggi kehangatan.<sup>243</sup>

Di Malaysia tarannum *Hijāzī* ini diperkenal dan dipopularkan oleh angkatan lama seperti Hj. Yusuf Kedondong, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, Dato' Hj. Ismail Hashim, Dato' Hj. Muhammad Hasri dan ramai lagi yang seangkatan dengan mereka. Tarannum ini dibawa masuk ke Nusantara oleh para *qurrā'* sebelum tahun 40-an.<sup>244</sup>

### 2.3.2 Aliran Tarannum *Miṣrī*

Tarannum ini terdiri daripada lagu-lagu arab ala Mesir yang tumbuh dan berkembang subur di lembah Sungai Nil. Tarannum *Miṣrī* ini lebih diterima dan lebih popular jika dibandingkan dengan lagu *Makkawī* bahkan hampir seluruh Negara Islam sekarang ini mengalunkan tarannum arab *Miṣrī*.<sup>245</sup> Irama dan rentak tarannum ini dirasakan lembut berkesopanan di samping nada suara yang sederhana kemanisannya.<sup>246</sup>

---

<sup>243</sup> Hj. Nik Jaafar b. Nik Ismail (2007), *op.cit.*, hlm. 117 & 118.

<sup>244</sup> Temubual dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*, pada hari Isnin 1 Julai 2010 di rumah beliau, Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur, jam 5.30 petang.

<sup>245</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm. 41.

<sup>246</sup> Hj. Nik Jaafar b. Nik Ismail (2007), *op.cit.*, hlm. 118.

Di Malaysia, tarannum ini telah dipopularkan oleh angkatan muda iaitu Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, Hj. Ahmad Mat Som Pergau, Hj. Zabidi Aman, Hj. Mukti dan kawan-kawannya sama-sama belajar di Mesir. Tarannum ini terkenal selepas tahun 40-an hingga sekarang.<sup>247</sup>

Pengaruh tarannum *Miṣrī* semakin berkembang luas dan menjadi satu budaya pembacaan tarannum al-Quran di Malaysia. Ini terbukti apabila dilihat dari sudut pembacaan para qari dan qaria'ah terutama dalam majlis tilawah al-Quran peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang berlangsung pada setiap tahun.<sup>248</sup>

Dengan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa aliran tarannum yang wujud dan berkembang di Malaysia ini disebabkan kemunculan tokoh-tokoh qari yang belajar di Arab Saudi dan Mesir. Hasil gabungan dari generasi pertama dan kedua, maka lebih menyemarakkan lagi perkembangan tarannum di Malaysia.

---

<sup>247</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm. 41.

<sup>248</sup> Hj. Napiah b. Sahrani (2001), *op.cit.*, hlm. 8

## **2.4 KESIMPULAN**

Di dalam arus penyebaran agama Islam di Malaysia, secara tidak langsung mencetus kepada bermulanya tunas pengajian ilmu tarannum al-Quran.

Pada mulanya pengajian ilmu tarannum al-Quran begitu asing kepada masyarakat Islam di Malaysia. Tetapi apabila anak-anak tempatan seperti Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, Hj. Ahmad Mat Som Pergau yang belajar di luar negara yang mendalami bidang ini dan pulang mengembangkan ilmu tarannum al-Quran. Rentenan dari itu, maka lahirlah qari dan qari'ah di seluruh tanah air.

Bermula dengan pengajian tarannum di istana, pengajian di rumah, surau dan masjid seterusnya di institut-institut tradisional seperti pondok, pengajian tarannum terus berkembang lagi ke institusi pengajian Islam yang lain seperti sekolah agama, sekolah menengah, maktab perguruan dan seterusnya peringkat yang paling ulung berkembangnya ke institusi pengajian tinggi.

---

## **BAB KETIGA**

### **BIODATA DAN SEJARAH HIDUP TAN SRI DATO' HAJI HASSAN AZHARI**

---

#### **3.1 PENGENALAN**

Kajian mengenai tokoh adalah satu kajian yang terpenting dan banyak manfaatnya. Apatah lagi jika kajian tersebut melibatkan tokoh terkemuka yang memberi sumbangan yang besar kepada dunia ilmu. Ulama yang dianggap sebagai pencetus kepada perubahan masyarakat perlu didedahkan kaedah pendekatan yang dibawa, ketokohan, peranan dan sumbangannya terhadap masyarakat dan negara.

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari juga merupakan salah seorang ulama yang termasyhur di Malaysia. Beliau adalah anak kelahiran bumi *anbiyā'* iaitu tanah suci Makkah al-Mukarramah dan dilahirkan dalam suasana keluarga yang berilmu. Beliau banyak mencurahkan jasa, pengorbanan, fikiran dan tenaga demi meningkatkan dan mengembangkan ilmu al-Quran di Malaysia.

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mempunyai pelbagai ilmu di antaranya dalam bidang al-Quran, Feqah, Tafsir, Hadis dan lain-lain. Kepakaran yang amat menonjol pada diri beliau ialah dalam bidang al-Quran seperti ilmu tarannum, tajwid, *qirā'āt* dan lain-lain. Jasa dan sumbangan beliau yang paling besar di Malaysia ialah dalam bidang tarannum al-Quran. Kepakaran dalam bidang ini menyebabkan sampai ke tahap beliau menjadi seorang pakar rujuk kepada masyarakat di Malaysia amnya.



## **3.2 LATAR BELAKANG TAN SRI DATO' HAJI HASSAN AZHARI**

Dalam bab kedua ini, penulis akan menyentuh secara terperinci tentang sejarah hidup Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Bermula dengan nama dan kelahiran beliau. Kemudian disusuli dengan latar belakang keluarga yang meliputi keturunan dan kelahirannya. Diikuti dengan pendidikan, Guru-guru, murid-murid, perkahwinan, kerjaya, keperibadian dan keistimewaan beliau. Penulis turut menjelaskan kepakaran beliau dalam bidang al-Quran dan bidang seni suara. Bab ini diakhiri dengan penghargaan yang beliau perolehi di atas jasa-jasa dan sumbangan-sumbangan beliau kepada masyarakat dan negara Malaysia.

### **3.2.1 Nama Dan Kelahiran**

Nama penuh beliau ialah Tan Sri Dato' Hj. Hassan b. Hj. Azhari<sup>249</sup> (selepas ini disebut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari sahaja). Bagi di kalangan keluarga dan anak-anak muridnya, beliau lebih dikenali dengan

---

<sup>249</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, pada hari Selasa 24 November 2008, pukul 5.30 petang, di rumah beliau sendiri Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur.

panggilan “ *Abu Ya* ”.<sup>250</sup> Beliau dilahirkan pada 18 ogos 1928 di sebuah kampung yang dikenali dengan *Syu‘ib ‘Āmīr*<sup>251</sup> di Makkah al-Mukarramah.<sup>252</sup>

### 3.2.2 Latar belakang keluarga

#### 3.2.2.1 Asal-Usul Keturunan :

##### 1. *Sebelah Bapa* :

Salasilah keturunan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari adalah merupakan keturunan alim ulama. Ayahanda beliau bernama Hj. Azhari b. Hj. Abdul Khaliq yang merupakan seorang tokoh agama terkenal di negeri Selangor. Dilahirkan pada tahun 1880 di kampung Arang-Arang Pantai Membaram, Sungai Gatal Barabai Banjarmasin, Kalimantan Borneo, Indonesia. Datuk beliau pula bernama Hj. Abdul Khaliq b. Hj. Abdul Rauf juga merupakan seorang tokoh ulama di Banjarmasin Indonesia.<sup>253</sup>

---

<sup>250</sup> Temuramah dengan isteri tokoh yang kedua iaitu Hjh. Maimunah bt. Abd Ghani, pada hari Selasa 17 November 2008, pukul 5.30 petang di rumah beliau, Keramat Hujung, Dato’ Keramat, Kuala Lumpur.

<sup>251</sup> Kampung *Syu‘ib ‘Āmīr* merupakan sebuah kampung yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Haram dan bersebelahan kampung *Syu‘ib ‘Alī* iaitu tempat kelahiran junjungan besar nabi Muhammad s.a.w.

<sup>252</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

<sup>253</sup> *Ibid*

Diceritakan oleh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, ayahanda beliau mendapat pendidikan awal secara formal di sekolah-sekolah pondok di Banjarmasin Indonesia dan kemudian menyambung pelajarannya di Makkah al-Mukarramah. Ayahanda beliau seangkatan dengan bapa kepada Yang Amat Berhormat Tun Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi yang sama belajar di Makkah al-Mukarramah pada waktu itu.<sup>254</sup>

Ayahanda beliau adalah seorang yang banyak ilmu pengetahuan samada ilmu al-Quran, usuludin, tafsir dan syariah. Semasa berada di Makkah, ayahanda beliau merupakan seorang mutawwif yang dilantik oleh kerajaan Arab Saudi yang membantu para jamaah haji mengerjakan umrah atau pun ibadah haji.<sup>255</sup>

Setelah lama masa berada di Makkah dan menamatkan pengajian di sana lebih kurang 15 tahun, ayahanda beliau berhasrat untuk pulang ke tanah air di Banjarmasin Indonesia. Dalam perjalanan pulang, singgah sekejap di Malaysia iaitu di Batu Pahat, Johor dan kemudian singgah di Klang, Selangor. Pada masa itu negeri Selangor di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman Shah Alauddin pada tahun 1939. Sultan Sulaiman Shah Alauddin seorang yang cintakan ilmu agama. Apabila mendapat tahu bahawa ada seorang ulama dari Makkah singgah di Selangor, lalu Tuanku merasa amat gembira dan segera

---

<sup>254</sup> *Ibid*

<sup>255</sup> *Ibid*

memanggil ayahanda beliau mengadap. Kemudian Baginda menawarkan kepada ayahanda beliau berkhidmat di bawah kerajaan negeri Selangor. Dengan secara tidak langsung ayahandanya menerima pelawaan Tuanku.<sup>256</sup>

Sepanjang kerjaya di Selangor, ayahanda beliau pernah menjadi Guru Agama, Imam, Pengapit Mahkamah, Qadi dan Ketua Jawatankuasa Fatwa. Ini kerana ilmu yang ada pada ayahanda beliau begitu mantap dalam pelbagai bidang.<sup>257</sup>

Ayahanda beliau mempunyai tiga orang isteri yang bernama Halijah, Hjh. Fatmah, Hjh. Aishah dan mempunyai 15 orang anak. Perkahwinan ayahanda beliau dengan Hjh. Fatmah menghasilkan tujuh orang anak. Lima anak beliau meninggal dunia sewaktu lahir dan berumur dalam lingkungan dua atau tiga tahun. Manakala dua lelaki iaitu al-Marhum Hj. Abdul Hakim dan Tan Sri Dato' Hj. Hassan.<sup>258</sup>

Ayahanda beliau meninggal dunia pada tahun 1967 ketika berumur 87 tahun dan dikebumikan di Perkuburan Islam Kampung Jawa, Klang Selangor.<sup>259</sup>

---

<sup>256</sup> *Ibid*

<sup>257</sup> *Ibid*

<sup>258</sup> *Ibid*

<sup>259</sup> *Ibid*

## 2. *Sebelah Ibu :*

Bonda Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari bernama Hjh. Fatmah bt. Hj. Abdul Hakim. Hj. Abdul Hakim seorang yang berketurunan Padang, Sumatera Indonesia dan juga merupakan seorang tokoh ulama yang belajar lama di tanah suci Makkah al-Mukarramah. Isteri beliau bernama Hjh. Zainab, Seorang yang berkacukan arab al-Ashnānī dan Padang Indonesia. Namun dengan secara tak langsung, bonda beliau adalah merupakan seorang yang berketurunan campuran arab Mesir al-Ashnānī dan Padang Indonesia (Minangkabau al-Khatib).<sup>260</sup> Bonda beliau seorang fasih dalam pertuturan bahasa arab kerana beliau lama tinggal di Makkah al-Mukarramah.<sup>261</sup>

Selain daripada fasih bertutur dalam bahasa arab, bonda beliau mempunyai suara yang merdu dan lunak dan pandai bertarannum al-Quran, marhaban, nasyid, qasidah dan berkebolehan memukul tabla.<sup>262</sup> Bonda beliau juga mempunyai ramai anak murid dan telah menjadi ketua dalam kumpulan marhaban di Makkah.

---

<sup>260</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari*, Kuala Lumpur : Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), cet. 1. hlm. 9.

<sup>261</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*

<sup>262</sup> *Ibid*

### **3.2.2.2 Adik Beradik**

Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, pada hakikat sebenarnya hasil perkahwinan ayahanda dan bonda beliau telah dikurniakan zuriat tujuh orang anak. Adik beradik beliau semuanya dilahirkan di tanah suci Makkah. Lima orang daripada adik beradik beliau meninggal dunia di sana sewaktu kecil. Dua orang meninggal dunia disebabkan keguguran dan tiga orang meninggal sewaktu umur dalam lingkungan dua atau tiga tahun. Dua orang lagi ialah Hj. Abdul Hakim dan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Beliau adalah merupakan anak yang bongsu.<sup>263</sup>

### **3.2.3 Pendidikan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari**

Secara umumnya pendidikan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari tertumpu kepada tiga tempat utama iaitu di Makkah, Malaysia dan Mesir. penulis akan membincangkan dengan lebih terperinci bermula daripada zaman kanak-kanak hinggalah beliau tamat pengajian.

---

<sup>263</sup> *Ibid*

### 3.2.3.1 Di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah

Semenjak kecil, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah mendapat asuhan agama secara tidak langsung oleh ayahandanya dengan diajar asas-asas agama dan membaca al-Quran hingga khatam. Kehidupan beliau penuh dengan pembelajaran pelbagai ilmu pengetahuan, terutama ilmu agama seperti al-Quran, fiqh, 'aqidah, dan bahasa arab.<sup>264</sup>

Memandangkan lahir di Makkah, maka tidak hairanlah beliau menerima pendidikan awal di sana. Beliau belajar diperingkat rendah secara formal di Madrasah Dār al-'Ulūm al-Dīniyyah<sup>265</sup>. Beliau merupakan seorang murid yang pintar dalam pelajaran dan seorang murid yang disayangi oleh guru-guru beliau. Antara guru beliau yang utama sewaktu belajar di Madrasah Dār al-'Ulūm al-Dīniyyah ialah Syaykh Yasīn Padang.<sup>266</sup>

Selain belajar secara formal di Dār al-'Ulūm al-Dīniyyah, beliau juga berkesempatan mempelajari ilmu secara tidak formal di Masjid al-Haram dengan cara mengikuti *ḥalaqah-ḥalaqah* yang diadakan di dalam masjid oleh guru-guru agama yang berasal dari Nusantara, antaranya Indonesia dan Patani. Biasanya *ḥalaqah-ḥalaqah* ini dihadiri beliau selepas waktu persekolahan.

---

<sup>264</sup> *Ibid*

<sup>265</sup> Madrasah Dār al-'Ulūm al-Dīniyyah mula dibuka sejak tahun 1934M bersamaan 1353H sewaktu pemerintahan al-Sa'udi al-Maimun.

<sup>266</sup> Utusan Malaysia (Mega) : Isnin 8 September 2008, hlm. 2.

Melalui pengajian tersebut, beliau dapat mempertingkatkan dalam memahami bahasa arab dan asas-asas pelajaran agama. Di Masjid al-Haram inilah beliau berkacimpung mempelajari ilmu al-Quran secara *talaqqī* dan *musyāfahah* dengan Syaykh Ismā‘īl Tamīm. Beliau sempat menghafal al-Quran sebanyak 10 juzuk, ketika itu umur beliau 10 tahun.<sup>267</sup>

### 3.2.3.2 Di Malaysia

Pada tahun 1939, Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari terpaksa meninggalkan Kota Makkah tempat kelahiran dan pengajian beliau diperingkat kanak-kanak, kerana mengikuti ayahanda beliau yang telah menetap di Malaysia dan sedang berkhidmat di bawah kerajaan negeri Selangor pada ketika itu. Beliau berangkat ke Malaysia bersama-sama abangnya Abdul Hakim.<sup>268</sup>

Ketika berada di Malaysia, semangat untuk meneruskan pengajiannya masih kuat tertanam dalam hati sanubari, namun beliau meneruskan pengajian di sekolah *Marta’ al-‘Ulūm al-Dīniyyah* di bandar Kuala Langat Selangor.<sup>269</sup>

---

<sup>267</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*,

<sup>268</sup> *Ibid*

<sup>269</sup> *Ibid*



Kemudiannya menyambung ke sekolah ‘Arab *al-Hayāt al-Marḍiyyah*, iaitu sekolah arab yang kedua di kampung Jawa, Klang, Selangor. Sekolah ini yang diasaskan oleh Tengku Mahmud Zuhdi b. Abddul Rahman al-Faṭani, yang menerima gelaran Syaykh al-Islam Selangor. Guru beliau di sekolah ini terdiri daripada abang beliau sendiri ustaz Abdul Hakim dan Syaykh Baharuddin.<sup>270</sup>

Kemudiannya, beliau menyambung pelajaran ke sekolah al-Junaid di Singapura selama 2 tahun untuk meningkatkan kemahiran penguasaan bahasa arab. Guru beliau terdiri daripada Sayed Abu Bakar al-Saqaf, Syaykh Abdullah Faqīh dan lain-lain lagi.<sup>271</sup>

Selepas itu, beliau menyambung pelajaran pula di sekolah Hishamuddin Selangor yang dikenali sebagai *Ma‘had al-‘Ulūm* selama 4 tahun sehingga tamat *rabi‘ thanawī*. Antara guru-guru beliau ialah Syaykh al-‘Arif al-Bukhari, Syaykh Sulaiman al-Sa‘ūdi dan Kiyai Khalīl.<sup>272</sup>

---

<sup>270</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007). *op.cit.*, hlm. 35.

<sup>271</sup> *Ibid*

<sup>272</sup> *Ibid*

Selain itu, beliau juga belajar di sekolah Melayu Kuala Langat dan Jublee School Klang pada waktu petang. Guru bahasa Inggeris beliau pada ketika itu ialah Mr. Thomas dan Mr. Ramlu.<sup>273</sup>

Selepas tamat pengajian di sekolah Hishamuddin beberapa tahun, beliau cuba menumpukan minat yang mendalam dalam pengajian al-Quran iaitu dalam bidang tajwid, makhraj dan tarannum bersama guru beliau sewaktu belajar di Makkah dahulu iaitu Syaykh Ismā'īl Tamīm yang telah datang ke Malaysia dan dilantik sebagai Syaykh al-Maqāri' negeri Selangor. Pada waktu itu, beliau tidak berkesempatan untuk menamatkan pengajian, kerana Syaykh Ismā'īl Tamīm pulang ke Makkah apabila tentera Jepun mula masuk ke Tanah Melayu. Ini menyebabkan keadaan sudah tidak aman lagi untuk guru beliau terus tinggal di Malaysia.<sup>274</sup>

### 3.2.3.3 Di Mesir

Selepas sekian lama berada di Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari kembali semula ke Makkah untuk mendalami ilmu pengajian al-Quran

---

<sup>273</sup> Utusan Malaysia (Mega). *op.cit.*

<sup>274</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*

dalam bidang yang beliau minati. kemudian guru beliau Syaykh Ismā'īl Tamīm mendorong beliau supaya mendalami ilmu al-Quran di Mesir.<sup>275</sup>

Pada tahun 1948 beliau terus ke Mesir bagi memenuhi cita-cita untuk mendalami ilmu al-Quran di atas nasihat daripada guru beliau. Beliau berada di sana selama 1 tahun bagi mempelajari secara khusus dalam ilmu al-Quran terutamanya dalam bidang tarannum dan *qirā'āt* dari guru-guru yang terkenal.

Walaupun masa beliau berada di Mesir selama 1 tahun agak singkat, akan tetapi beliau mempunyai masa yang banyak bersama syaykh-syaykh yang masyhur, kerana cara pengajian yang dilalui beliau lebih kepada hubungan peribadi iaitu dengan menuntut ilmu secara *talaqqī* dan *musyāfahah*. Dengan kaedah pengajian cara ini, beliau dapat menguasai ilmu-ilmu dalam bidang tajwid, tarannum dan *qirā'āt* pada masa yang singkat. Kemahiran beliau dalam bidang tajwid boleh dikatakan kesemuanya. Dalam bidang tarannum ialah *bayyātī*, *hijāz*, *nahwand*, *sīkāh*, *jihārkāh*, *ṣāba*, *rast* dan asas lagu *tawasyīh*. Manakala kemahiran beliau dalam *qirā'āt* pula ialah bacaan riwayat Ḥafs 'an-'Āsim dan Warsh 'an -Nāfi'.<sup>276</sup>

---

<sup>275</sup> *Ibid*

<sup>276</sup> *Ibid*

### 3.2.4 Perkahwinan

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mula menjejak kaki ke alam perkahwinan ketika berumur 22 tahun bersama Puan Sri Hjh. Sahara bt. Abdul Samad. Hasil perkongsian hidup dengan Puan Sri Hjh. Sahara, beliau telah dikurniakan sebelas orang anak. Anak-anak beliau ialah :<sup>277</sup>

1. Tan Sri Musa
2. Dato' Fuad
3. Datuk Jalaluddin
4. Mohd. Isa
5. Mastura
6. Siti Hajar
7. Dr. Abdul Rauf
8. Muhammad Zain
9. Azahari
10. Zainab
11. Umi Kalthum

Pada tahun 1967 beliau telah berkahwin dengan isteri kedua iaitu Hjh. Mimunah bt. Abdul Ghani. Isteri kedua ini adalah merupakan bekas anak

---

<sup>277</sup> *Ibid*

murid beliau. Perkongsian isteri kedua, beliau memperolehi lapan orang anak.

Anak-anak beliau dari isteri kedua ialah :<sup>278</sup>

1. Faizah
2. Najibah
3. Hilmiah
4. Mohd. Lutfi (meninggal dunia)
5. Mohd. Amin
6. Mohd. Taha
7. Muhammad Izzat
8. Fatimah Thurayya

Seterusnya pada tahun 1984, beliau melangsungkan perkahwinan pula yang ketiga dengan Hjh. Khadijah bt. Mohd Yusof dan juga merupakan anak murid beliau. Dengan isteri ketiga, beliau telah memperolehi zuriat seorang sahaja iaitu Mohd. Rifa'at. Beliau telah dikurniakan lima puluh lebih orang cucu.<sup>279</sup>

Hubungan beliau dengan isteri-isteri, anak-anak dan cucu-cucunya amat mesra sekali. Walaupun beristeri tiga dan mempunyai ramai anak, beliau

---

<sup>278</sup> *Ibid*

<sup>279</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op.cit.*, hlm. 435 dan 436.

masih mempunyai masa untuk menumpukan pembangunan yang berkualiti dari sudut ilmunan dan budi pekerti.

Dalam soal pendidikan anak-anak, dua perkara utama yang ditumpukan iaitu memastikan anak-anak beliau tamat pengajian al-Quran di peringkat umur 12 tahun. Kemudian asas-asas pendidikan ‘aqidah, syari‘ah dan akhlak. Untuk menghayati ilmu-ilmu ini, beliau sendiri yang membimbingnya selain daripada pembelajaran di sekolah. Perkara-perkara penting yang ditekankan beliau ialah latihan solat dan bacaan al-Quran.<sup>280</sup>

Di peringkat pengajian tinggi pula, beliau memberi kebebasan kepada anak-anak beliau untuk memilih bidang masing-masing. Justeru itu, dengan anak beliau seramai 21 orang telah memilih aliran pengajian berbeza seperti bidang pengajian Islam, bidang sains, bidang sastera dan bidang seni. Maka hasil daripada pendidikan dan pengajian yang berbeza itu, dapat menimbulkan profesion yang pelbagai, antaranya ada yang bergiat dalam politik, akademik, keselamatan, perubatan, kesenian, perniagaan, pengurusan dan lain-lain.<sup>281</sup>

---

<sup>280</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*, pada hari Khamis 13 Mac 2009, pukul 6.00 petang, di rumah beliau Keramat Hujung, Dato’ Keramat, Kuala Lumpur.

<sup>281</sup> *Ibid*

### **3.2.5 Pekerjaan**

#### **3.2.5.1 Guru Agama**

Keilmuan yang ada pada Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam ilmu agama dan al-Quran, beliau telah dilantik menjadi guru agama di sekolah Hishamuddin Sungai Bertih, Klang Selangor pada tahun 1943. Sewaktu itu beliau baru mencecah umur 15 tahun.<sup>282</sup>

Kemudian, beliau pernah bertugas di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai guru agama di Sekolah Agama Islam Kampung Kastam, Pelabuhan Klang Selangor sebagai guru bahasa arab.<sup>283</sup>

#### **3.2.5.2 Nazir**

Setelah beberapa tahun di sekolah itu, beliau dinaikkan pangkat sebagai Nazir pelajaran sekolah-sekolah agama di Selangor pada tahun 1970. Beliau bertugas sebagai Nazir selama 34 tahun. Dalam tempoh itu, beliau pernah menjadi Nazir bagi daerah Klang, Hulu Langat, Sabak Bernam, Kajang dan Selangor.<sup>284</sup>

---

<sup>282</sup> *Ibid*

<sup>283</sup> *Ibid*

<sup>284</sup> *Ibid*

### **3.2.5.3 Bilal**

Pada tahun 1947 hingga tahun 1950, beliau telah memegang jawatan sebagai seorang bilal di Masjid Jamek Sultan Sulaiman Alauddin Shah di Klang Selangor.<sup>285</sup>

### **3.2.5.4 Imam**

Kemudian beliau dilantik pula menjadi imam di Masjid yang sama. Ini di sebabkan beliau mempunyai suara yang sangat merdu dan telah menjuarai tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang julung-julung kalinya diadakan di Malaysia. Selepas itu beliau mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa di Pakistan pada tahun 1967.<sup>286</sup>

### **3.2.6 Guru-Guru**

Di dalam proses pendidikan di kalangan ulama, aspek berguru amat diberi penekanan kerana ianya mempunyai nilai-nilai yang murni di antara guru dan murid. Berhubung dengan hal ini, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari juga mempunyai guru-guru yang terkenal dalam berbagai disiplin ilmu.

---

<sup>285</sup> *Ibid*

<sup>286</sup> *Ibid*



Melalui guru-guru, beliau dapat menguasai penagajian al-Quran, fiqah, tauhid, tafsir, bahasa arab dan ilmu-ilmu agama yang lain.

Antara guru-guru yang mengajar beliau dalam bidang fiqah, tauhid, tafsir dan bahasa arab ialah :<sup>287</sup>

1. Al- Marhum Hj. Abdul Hakim Azhari
2. Syaykh Yasīn al-Fadānī
3. Syaykh Baharuddin
4. Syed Abu Bakar al-Saqqāf
5. Syaykh Abdullāh al-Faqīh
6. Syaykh Muḥammad al-Bukhārī
7. Syaykh Sulaymān al- Sahawī Kiyay Khalīl dan lain-lain.

Guru-guru masyhur yang paling memberi pengaruh kepada diri beliau dalam bidang al-Quran khususnya tarannum ialah :<sup>288</sup>

1. Syaykh Ismā‘il Tamīm
2. Al-Marhum Syaykh al-Maqārī’ Syed Maḥmūd al- Bukhārī
3. Al-Marhum Syaykh al-Maqārī’ Syed Maḥmūd al- Hafīz
4. Al-Marhum Syaykh Muḥammad Abdul Şamad
5. Al-Marhum Syed Maḥmūd Lutfi ‘Āmīr

---

<sup>287</sup> *Ibid*

<sup>288</sup> *Ibid*

6. Al-Muqri' Syed Maḥmūd Ṭantawī
7. Dan al-Muqri' Ṭabib Dr. Aḥmad Nu'ayna'.

### 3.2.7 Murid-Murid

Setelah berguru dengan beberapa orang tokoh ilmuan, maka akhirnya tiba masanya beliau menyumbang jasa kepada masyarakat. Tan Sri Dato' Hj. Hassan azhari telah mencurahkan segala bakti dan ilmu beliau dalam bidang tarannum al-Quran kepada masyarakat Malaysia amnya. Beliau mempunyai bilangan murid yang agak ramai. Secara umumnya seluruh negeri-negeri di Malaysia terutamanya Selangor dan Wilayah persekutuan khususnya. Ramai qari dan qari'ah yang telah dibimbing oleh beliau yang telah berjaya memenangi majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara qari-qari tersebut ialah :<sup>289</sup>

1. Hj. Abd. Ghani b. Hashim
2. Hj. Radzi b. Kamarul Hailan
3. Hj. Daud b. Che Man
4. Hj. Saleh b. Saidi
5. Hj. Muhammad b. Awang Teh
6. Hj. Shafei b. Kati

---

<sup>289</sup> *Ibid*

7. Dato' Hj. Muhammad b. Hasri
8. Dato' Ahmad Faizul b. Ghazali

Antara qari'ah-qari'ah ialah :

1. Hjh. Pasihah @ Fasihah bt. Hj. Hashim
2. Maslina Sinaga bt. Abdul Rahman
3. Hjh. Masnah bt. Awang
4. Hjh. Siti Aminah bt. Awang
5. Dan lain-lain.

### **3.2.8 Keperibadian**

#### **3.2.8.1 Sifat-Sifat Beliau**

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan insan biasa seperti ulama atau ilmuan yang lain mempunyai sifat peribadi yang tersendiri dalam kehidupan. Keunggulan peribadi beliau mencerminkan jiwa dan pemikiran yang positif dan progresif dalam kehidupan seharian. Beliau seorang yang bersifat tegas dalam masalah ilmu dan agama.

Sepertimana ketegasan beliau dalam pembelajaran ilmu fardhu ain dan ilmu al-Quran. Seinggakan jika ada pihak yang tidak mahu belajar al-Quran, beliau dengan tegasnya menyatakan bahawa al-Quran itu wajib dipelajari dan diamalkan samada dari segi cara bacaannya dengan betul, memahami tafsir ayat, tarannum dan sebagainya. Kerana ia adalah Kalam Allah yang memberi cahaya petunjuk kehidupan kepada manusia dunia dan akhirat.<sup>290</sup>

Beliau seorang yang mempunyai akhlak yang mulia. Sejak kecil lagi beliau sudah memiliki akhlak yang mulia dan begitu terserlah berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Taat kepada ibu bapa dan hormat kepada orang tua, bergaul baik dengan rakan-rakan. Tidak pernah melakukan maksiat, keluhuran budi pekerti dengan melihat cara beliau bergaul, bercakap, berpakaian dan sebagainya. Dengan sebab itulah yang menyebabkan beliau dihormati oleh isteri-isteri, anak-anak, cucu-cucu, anak-anak murid dan orang ramai.<sup>291</sup>

Beliau tidak suka bercakap tentang keburukan orang lain. Sekiranya mendapati anak-anak beliau bercakap tentang keburukan-keburukan orang lain, dengan tegas melarang ahli keluarga dan anak-anak murid beliau dari

---

<sup>290</sup> Temuramah dengan Puan Maznah bt. Tahir, pada hari Jumaat 19 Disember 2008, pukul 9.30 pagi, di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Beliau merupakan Penolong pengarah Hal Ehwal Islam Bahagian Pengurusan Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Beliau yang selalu menjemput Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari Menjadi Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan. Beliau juga merupakan orang yang rapat dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dan keluarganya.

<sup>291</sup> *Ibid*

melakukan perbuatan sedemikian rupa. Begitu juga melarang anak-anak beliau membuka rahsia orang lain, kerana sifat membuka keaiban orang lain itu bertentangan dengan ciri-ciri akhlak mulia. Sesiapa yang membuka rahsia atau aib orang lain, maka keaiban itu akan terdedah pada suatu hari kelak.<sup>292</sup>

Ciri tawadu' amat jelas pada Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Beliau adalah seorang yang merendah diri, tidak sombong dan amat mudah didekati, walaupun beliau mendapat anugerah Tan Sri, tetapi beliau tetap bersifat tawadu'.<sup>293</sup> Contohnya beliau bermuamalah dengan orang ramai, beliau tidak mahu dipanggil pada diri beliau dengan panggilan Tan Sri. Beliau lebih selesa dengan panggilan ustaz.<sup>294</sup> Menurut beliau, sifat ini mesti wujud kepada setiap individu muslim kerana sifat inilah yang menyedarkan seseorang itu bahawa dia adalah makhluk yang kerdil, dalam masa yang sama dapat mengingati Allah s.w.t yang berkuasa.<sup>295</sup>

Beliau sentiasa menganjurkan supaya ahli keluarga dan anak-anak murid beliau supaya bergaul dengan orang yang lain dengan merendah diri,

---

<sup>292</sup> *Ibid*

<sup>293</sup> Temuramah dengan Hj. Muadzeen b. Ackil, pada hari Isnin 1 Disember 2008, pada pukul 9.30 pagi di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Beliau merupakan salah seorang anak murid yang rapat dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. beliau mendapat tempat ketiga dalam majlis tilawah al-Quran peringkat Wilayah Persekutuan. Beliau juga merupakan seorang Imam di Masjid Muaz ibn Jabal setia Wangsa Kuala Lumpur.

<sup>294</sup> *Ibid*

<sup>295</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*, pada hari Ahad 4 Januari 2009, pukul 5.30 petang, di rumah beliau, Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur.

kerana ia boleh mendatang kebaikan kepada diri sendiri. Beliau melarang bertindak kasar atau menzalimi orang lain. Menurut beliau, sesiapa yang bertindak melampau dan bersikap zalim terhadap orang lain, maka Allah akan mengembalikan kesan tindakan itu kepada pulakunya. Begitu juga orang yang teraniaya atau di zalimi akan mendapat pertolongan daripada Allah s.w.t. Setersnya beliau melarang sifat Dengki, kerana dengki adalah punca kekufuran.<sup>296</sup>

Beliau merupakan seorang yang kuat beribadah kepada Allah s.w.t. Selain daripada menunaikan solat fardu, beliau adalah seorang yang rajin menunaikan solat sunat samada waktu malam dan siang. Lidahnya sentiasa dilazimi ayat al-Quran dan dalam khidupan seharian, beliau mewajibkan ke atas dirinya membaca al-Quran walaupun sekejap. Beliau memperbanyakkan ibadah puasa sunat untuk menzahirkan rasa syukur kepada Allah s.w.t.<sup>297</sup>

Beliau juga merupakan seorang yang zuhud. Beliau tidak terpedaya dengan kemewahan. Beliau menyatakan, biarlah dalam hidup sederhana supaya kita tidak menjadi hamba dunia. Keperluan kepada keduniaan merupakan sementara, sebaliknya urusan akhirat merupakan perkara kekal abadi.<sup>298</sup>

---

<sup>296</sup> Temuramah dengan isteri tokoh, Datin Maimunah bt. Abd Ghani. *op.cit.*

<sup>297</sup> *Ibid*

<sup>298</sup> *Ibid*

### **3.2.8.2 Hubungan Dengan Keluarga**

Ketika berada di rumah, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari walaupun beliau sibuk dengan membaca buku-buku agama, tetapi beliau sempat melayan dan bermesra dengan anak-anak dan isteri-isteri. Beliau juga seorang yang suka bercerita tentang pengalaman-pengalaman yang berharga kepada isteri-isterinya. Kepada isteri beliaulah tempat mengadu masalah, mencurah perasaan dan bercerita tentang kehidupan zaman silam.<sup>299</sup>

Hubungan dengan saudara-mara seperti adik beradik agak rapat juga walaupun tidak semesra dengan anak-anak beliau. Walaupun mereka tinggal berjauhan namun mereka saling berhubung di antara satu sama lain.<sup>300</sup>

### **3.2.8.3 Hubungan dengan Masyarakat**

Beliau dikenali di kalangan orang-orang kampung dan masyarakat luar sebagai seorang yang mempunyai hubungan yang baik dan bergaul mesra dengan semua orang. Beliau tidak pernah berbangga diri dengan ilmu dan kepakaran yang beliau ada. Tingkah laku beliau yang lemah lembut menambat hati masyarakat dan menyebabkan beliau mudah didekati.

---

<sup>299</sup> *Ibid*

<sup>300</sup> *Ibid*

Dalam hubungan dengan masyarakat, beliau tidak pernah kedekut atau terbebani jika diajukan pertanyaan tentang pelbagai ilmu terutama berkaitan dengan al-Quran. Beliau akan cuba menjawab setiap pertanyaan yang diajukan tanpa mengira masa atau tempat. Bagi beliau, hubungan dengan masyarakat amat penting, di samping hubungan dengan Allah, manusia juga perlu menjaga hubungan sesama sendiri.<sup>301</sup>

Beliau anak kelahiran tanah suci Makkah, namun dengan darah arab yang mengalir dalam tubuh badan beliau sedikit sebanyak mempengaruhi sifat yang amat menghormati tetamu. Beliau akan melayan sesiapa sahaja yang datang ke rumah beliau samada untuk menunt ilmu mahu pun menziarahi.<sup>302</sup> Sudah menjadi kebiasaan, beliau akan memeluk dan mencium apabila bersua dengan teman atau pun anak murid atau orang yang menegur beliau. Namun tidak hairanlah kalau rumah beliau sering sahaja menerima tetamu dari jauh mahu pun dekat.<sup>303</sup>

Selain itu, beliau seorang yang pengasih sama ada dengan ahli keluarga atau orang ramai. Beliau juga mempunyai ingatan yang kuat, rajin

---

<sup>301</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op. cit.*

<sup>302</sup> Temuramah dengan Amir Rahman b. Abbas. Pada hari Jumaat 26 Jun 2010, pukul 10.30 malam di Masjid al-Syakirin KLCC. Beliau merupakan salah seorang anak murid Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari yang rapat. Beliau juga pernah mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 3 kali pada majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 2007, 2008 dan 2009.

<sup>303</sup> *Ibid*



membaca, mengulangkaji ilmu dipelajari. Beliau juga banyak menghabiskan masa membaca dan mengajar pada waktu siang dan malam.<sup>304</sup>

#### **3.2.8.4 Hubungan Di Raja**

Selain daripada itu, beliau juga mempunyai hubungan baik dengan keluarga Diraja Selangor. Hubungan ini bermula apabila ayahanda beliau Hj. Azhari menerima pelawaan Sultan Alauddin Sulaiman Shah untuk berkhidmat di Selangor. Namun ayahanda beliau bukan sahaja berkhidmat kepada masyarakat luar malah turut berkhidmat di istana dengan mengadakan kelas-kelas pengajian agama dan al-Quran kepada keluarga Diraja di istana.<sup>305</sup>

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari datang ke Malaysia ketika berumur 8 tahun bersama abang beliau Abdul Hakim. Sewaktu kecil, beliau merupakan seorang kanak-kanak yang bijak dan petah bercakap terutamanya dalam bahasa arab. Ayahanda beliau seringkali membawa ke istana ketika kelas-kelas agama dan al-Quran diadakan. Sifat-sifat yang ada pada beliau menyebabkan Permaisuri Tuanku Ampuan Jamaah amat menyukai dan

---

<sup>304</sup> Temuramah bersama anak tokoh Dr. Abdul Rauf, pada hari Jumaat 16 Januari 2009, pukul 10.30 pagi, di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

<sup>305</sup> *Ibid*

menyayangi beliau, lalu mengambil beliau sebagai anak angkat. Baginda Permaisuri menganggap beliau seperti anak sendiri.<sup>306</sup>

Beliau juga sangat akrab dengan anakanda Tuanku Permaisuri, iaitu Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Dengan keakraban mereka, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah beberapa kali membawa beliau bersamanya keluar negara, menunaikan umrah dan ibadah haji.<sup>307</sup>

Hubungan beliau dengan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang sangat rapat, lalu beliau sebagai pilihan baginda Sultan untuk meyambung tugas ayahanda beliau mengajar perkara-perkara agama dan al-Quran di istana.<sup>308</sup>

Selain itu, beliau juga dijemput oleh pihak istana mengetuai majlis tahlil, solat hajat, solat tarawikh, khatam al-Quran dan sebagainya. Keadaan ini berterusan apabila Sultan Idris Shah, Sultan Selangor sekarang yang menggantikan ayahandanya Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pula meminta beliau untuk mengajar dua puterinya tentang ilmu al-Quran dan

---

<sup>306</sup> *Ibid*

<sup>307</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.* , hlm. 93, 94, 95 dan 96.

<sup>308</sup> Temuramah bersama anak tokoh Dr. Abdul Rauf. *op.cit.*

fardhu ain. Sultan Idris Shah sehingga sekarang tetap memanggil beliau guru setiap kali bertemu dengan beliau.<sup>309</sup>

### 3.2.8.5 Minat dan Hobi

Membaca al-Quran bertarannum, bernasyid dan berqasidah adalah minat yang paling utama pada diri beliau. Setiap hari mesti beliau akan mempraktikannya. Selepas subuh boleh dikatakan beliau mesti membaca al-Quran bertarannum dengan berbagai-bagai lagu sehingga matahari terbit. Tidak cukup dengan itu, kemudiannya beliau mendengar bacaan daripada Syaykh-syaykh arab yang masyhur bertujuan untuk meniru lagu-lagu tersebut. Di antara syaykh yang beliau minati ialah Syaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan Syaykh Ṭabīb Dr. Ahmad Nu'ayna'.<sup>310</sup>

Begitu juga dengan bernasyid dan berqasidah sentiasa berbunyi suara beliau dengan mengikuti VCD dan kaset yang di putarkan. Dengan itu, secara tidak langsung beliau dapat mengambil lagu-lagu itu dan digunakan dalam

---

<sup>309</sup> *Ibid*

<sup>310</sup> *Ibid*

qasidah dan nasyid beliau. Pilihan utama beliau dalam bidang nasyid dan qasidah ialah Ummi Kalthum daripada Mesir.<sup>311</sup>

Membaca adalah minat dan hobi utama beliau bahawa ia adalah anak kunci ilmu pengetahuan. Beliau sangat gemar membaca dan mengulangkaji buku-buku dalam bidang tajwid. Beliau akan membaca buku setiap masa yang terluang samada di bilik tidur, ruang tamu, bilik bacaan, dalam kereta, sewaktu berehat di taman dan lain-lain. Inilah rutin kehidupan seharian beliau.<sup>312</sup>

Mengajar juga salah satu hobi dan minat beliau. Beliau tidak pernah rasa penat dengan mengajar malahan bertambah sihat tubuh badan. Jadual hariannya penuh dengan mengajar di masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya. Bidang yang beliau mengajar ialah tajwid dan tarannum al-Quran.<sup>313</sup>

---

<sup>311</sup> Temuramah dengan isteri kedua tokoh iaitu Hjh. Maimunah bt. Abd Ghani, *op. cit.*, pada hari Isnin 24 November 2008, pukul 9.30 pagi, di rumah beliau Keramat Hujung, Dato' Keramat Kuala Lumpur.

<sup>312</sup> Temuramah dengan Dr. Abdul Rauf, *op.cit.*

<sup>313</sup> Temuramah dengan isteri kedua Tan Sri' Dato' Hj. Hassan Azhari, Hjh. Maimunah bt. Abd Ghani. *op.cit.*

### 3.2.9 Keistimewaan

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari Mempunyai keistimewaan dari segi suranya yang merdu dan lunak.<sup>314</sup> Beliau telah diberi penghormatan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj untuk melaungkan azan sempena menyambut hari kemerdekaan Malaysia.

Seminggu sebelum 31 Ogos 1957, Datuk Abdul Rahman Talib yang ketika itu Menteri Pelajaran telah datang meminta persetujuan daripada beliau untuk melaungkan azan. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan keadaan gembira dan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana negara Malaysia telah bebas daripada penjajah.<sup>315</sup>

Beliau kemudiannya dibawa oleh wakil Tunku Abdul Rahman ke stadium merdeka. Tepat pukul 8.30 pagi, beliau melaungkan azan dengan pilihan tarannum *sīkāh*.<sup>316</sup> Apabila selesai beliau azan, kemudiannya pula dilaungkan merdeka sebanyak tujuh kali. Ini menandakan betapa besar dan agungnya kurniaan Allah s.w.t kepada rakyat Malaysia dengan memberi kemerdekaan. Sewaktu berkumandang azan di stadium merdeka, ramai yang

---

<sup>314</sup> *Ibid*

<sup>315</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.*, hlm . 52 dan 53.

<sup>316</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*, pada hari Sabtu 11 Februari 2009, pukul 6.15 petang, di rumah beliau Keramat Hujung, Dato' Keramat Kuala Lumpur.

mengalir air mata kerana sayu dan pilu bercampur gembira kerana dengan kuasa, inayah dan Qada' Allah s.w.t negara Malaysia boleh mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.<sup>317</sup>

Selepas hari bersejarah 31 Ogos, beliau diminta sekali lagi oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang hendak menunaikan haji untuk melaungkan azan dilapangan terbang bersama seorang muazzin iaitu Omar Arshad.<sup>318</sup>

Selain itu, beliau juga diberi penghormatan untuk melaungkan azan di majlis perasmian masjid yang baru dibina seperti Masjid Negara yang telah siap dibina pada tahun 1967, perasmian Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Shah Alam, Masjid Kapitan Keling Pulau Pinang, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Sri Bagawan, Berunei dan sebagainya.

Penghormatan yang diberikan kepada beliau disebabkan keistimewaan suaranya yang merdu. Adalah suatu yang sangat dibanggakan kerana beliau satu-satunya yang diberikan penghormatan di negara Malaysia, terutama sekali laungan azan di majlis sambutan kemerdekaan yang begitu bersejarah.<sup>319</sup>

---

<sup>317</sup> ARKIB Negara (2007), *Citra Kemerdekaan 1957-2007*, Kuala Lumpur : Prind-Ad Sdn Bhd, Buku Terbitan Khas Sempena Sempena Hari Kemerdekaan Ke-50 Tahun 2007, hlm. 38.

<sup>318</sup> *Ibid*

<sup>319</sup> *Ibid*

Selain daripada suara beliau yang merdu, beliau juga seorang sangat petah bercakap bahasa arab samada '*amī* atau *fushḥah*. Beliau salah seorang penah penceramah kepada peserta-peserta tilawah al-Quran peringkat antarabangsa untuk menerangkan bagaimana syarat-syarat dan peraturan-peraturan tilawah. Kebanyakan peserta-peserta datang dari negara arab seperti Mesir, Jordan, Maghribi dan sebagainya.

Begitu juga apabila rombongan atau tetamu negara-negara arab ke Malaysia, beliau lah yang menyambut dan melayani mereka. Begitu juga sewaktu tilawah al-Quran peringkat antarabangsa, ramai hakim-hakim dari negara luar yang berbangsa arab dijemput untuk menghakimi. Namun beliau tempat rujukan mereka untuk bertanya berkaitan dengan penghakiman dalam tilawah al-Quran.<sup>320</sup>

---

<sup>320</sup> Temuramah dengan Ustaz Karim Bahagian Urusetia Antarabangsa Putrajaya pada hari Selasa 17 Februari 2009, pada pukul 10.30 pagi di Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### **3.3 KEPAKARAN TAN SRI DATO' HJ. HASSAN AZHARI**

#### **3.3.1 Kepakaran Dalam Ilmu-Ilmu al-Quran**

Kepakaran Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam pengajian al-Quran amat meluas. Kepakaran yang ada pada beliau, dapat dilihat terutamanya dalam bidang tarannum, tajwid, *qirā'āt*, asas membaca al-Quran (*muqaddam*) dan *Rasm uthmānī*.

##### **3.3.1.1 Tarannum**

Kepakakaran dan keilmuan beliau dalam bidang tarannum al-Quran tidak dapat disangkal lagi. Ketokohan beliau dalam bidang ini, yang menyebabkan seluruh masyarakat Malaysia mengkagumi dan menyanjungi beliau. Ketinggian ilmu beliau telah menarik perhatian ulama semasa.

Namun, agak merugikan jika sekiranya ilmu-ilmu beliau ini tidak didokumentasikan untuk pendedahan kepada masyarakat umum. Dalam hal ini, penulis dapat menggarap ilmu-ilmu beliau dalam bidang tarannum al-Quran. Tujuannya adalah untuk menjelaskan dan membuktikan tentang kepakaran beliau dalam ilmu tarannum al-Quran.





## 1. Tarannum *Bayyātī* ( بيّاتي )

Tarannum *bayyātī* merupakan alunan tarannum yang telah dipopularkan oleh qari-qari arab terutama qari Mesir.<sup>324</sup>

Tarannum *bayyati* mula diperkenalkan di Malaysia kira-kira pada tahun 1940-an iaitu selari dengan permulaan perkembangan tarannum *lahjah* ‘*arab miṣrī*’.<sup>325</sup>

Tarannum *bayyātī* merupakan lagu asas yang sangat popular di kalangan qari dan qari’ah Malaysia dalam mempersembahkan bacaan terutama dalam majlis tilawah al-Quran. Sebahagian besar para *qurrā*’ menjadikan tarannum ini sebagai pembukaan dan penutup bacaan.<sup>326</sup>

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tarannum *bayyātī* adalah ibu bagi alunan seni lagu atau maqam tarannum yang terdapat dalam bacaan al-Quran.<sup>327</sup> Ia mempunyai gaya yang tersendiri seperti lemah lembut, perlahan dan memulakan dengan tabaqah suara yang rendah.<sup>328</sup>

---

<sup>324</sup> Hj.Nik Jaafar b. Nik Ismail (1998), *op.cit.*, hlm. 128.

<sup>325</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op. cit.*, hlm. 61.

<sup>326</sup> *Ibid* , hlm., 60.

<sup>327</sup> *Ibid*

<sup>328</sup> Syaykh Fatihi Hassan Maliji (2007), “ *Tarannum ‘Arabiyyah Miṣriyyah Muktabar* ”. Kertas kerja ini telah dibentangkan pada 4 & 5 Ogos 2007 Seminar Antarabangsa di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana, Kota Bharu Kelantan.

Tarannum *bayyātī* mempunyai maqam-maqam yang tersendiri seperti *bayyātī aṣlī*, *bayyātī nawā*, *bayyātī syūrī*, *bayyātī ḥusaynī*, *bayyātī jawāb*, *bayyātī jawāb al-jawāb* dan lain-lain.<sup>329</sup>

## 2. Tarannum *Ṣabā* ( صبا )

Tarannum *ṣabā* merupakan tarannum yang masyhur di kalangan *qurrā'* seluruh dunia. Ia berasal daripada tarannum arab Mesir yang telah dipopularkan oleh *qurrā'* Mesir. Di antara qari-qari masyhur yang sering mengalunkan tarannum ini ialah syaykh Rifa'at, syaykh Abd al-Basīṭ, syaykh al-Bahtimī dan lain-lain.<sup>330</sup>

Di Malaysia tarannum ini mula popular selepas perang dunia kedua. Ia amat terserlah sehinggakan setiap persembahan para qari dan qari'ah dalam tilawah al-Quran mesti mengalunkannya.<sup>331</sup>

---

<sup>329</sup> *Ibid*

<sup>330</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op. cit.*, hlm. 97.

<sup>331</sup> *Ibid*

Tarannum *ṣabā* mempunyai sifat yang mendayu-dayu, merintih dan kesedihan. Ia sesuai digunakan pada ayat-ayat yang menceritakan tentang hari qiamat, rintihan dan doa.<sup>332</sup>

*Maqām-maqām* dalam tarannum *ṣabā* ialah *ṣabā aṣlī*, *jawāb ṣabā*, *jawāb ṣabā maal ‘ajam*.<sup>333</sup>

### 3. Tarannum *Ḥijāz* ( حجاز )

Tarannum *ḥijāz* berasal dari suatu daerah Ḥijāz iaitu Makkah dan Madinah. Ia telah dipopularkan oleh qari-qari Ḥijāz mengikut budaya bangsanya yang hidup dikawasan padang pasir tandus yang berbukit bukau.<sup>334</sup>

Di Malaysia, boleh dikatakan ia popular sejak tilawah al-Quran diperkenalkan. Ia telah dipopularkan oleh tokoh-tokoh tarannum seperti Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, Hj. Mat. Som Pergau dan lain-lain.<sup>335</sup>

---

<sup>332</sup> *Ibid*, hlm. 97.

<sup>333</sup> Napiah Sahrani (2001), *Qirā'āt Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Quran, UPM Serdang: Selangor, hlm. 9.

<sup>334</sup> Hj. Nik Jaafar b.Nik Ismail (1998), *op.cit.*, hlm. 135.

<sup>335</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op. cit.*, hlm. 107.

Tarannum *hijāz* mempunyai sifat yang khusus seperti gerak yang agak lambat, tegas, berkesan dan ia sesuai untuk ayat-ayat berunsur perintah, larangan dan marah.<sup>336</sup>

Tarannum *hijāz* juga mempunyai *maqām-maqām* yang tersendiri seperti *hijāz aṣlī*, *hijāz kar* dan *hijāz kurd*.<sup>337</sup>

#### 4. *Nahāwand* ( نَهْـاَوْنَد )

Tarannum *nahāwand* berasal dari Parsi. Ianya digubah semula oleh *qurrā'* Mesir dan menjadi kumpulan tarannum Mesir.<sup>338</sup>

Tarannum *nahāwand* mempunyai alunan gerak ringan, cepat, lemah lembut dan sesuai dengan tabaqah suara yang sederhana. Ia berperanan sebagai melembutkan bacaan dan ia lebih sesuai dibaca pada ayat yang berunsur gembira dan sedih.<sup>339</sup>

---

<sup>336</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm., 56.

<sup>337</sup> Syaykh Fatihi Hassan Maliji (2007), *op.cit.*, hlm. 7.

<sup>338</sup> Hj. Nik Jaafar b.Nik Ismail (1998), *op.cit.*, hlm. 139.

<sup>339</sup> *Ibid*

Antara *maqām-maqām* tarannum nahawand seperti *nahāwand aṣlī*, *jawāb*, *nakrīz*, ‘*usyāq* dan lain-lain.<sup>340</sup>

## 5. Tarannum *Rast* ( الرست )

Tarannum *rast* berasal dari Parsi. Kemudian Tarannum ini diubah suai oleh *qurrā*’ Mesir sehinggakan ia dikenali sebagai salah satu tarannum yang popular seluruh dunia terutama sekali kepada para *qurrā*’ dari Mesir.<sup>341</sup>

Tarannum *Rast* mempunyai gerak yang ringan dan cepat. Sifatnya lebih cergas, lincah dan bersemangat. Ia berperanan sebagai memberi tenaga kepada tarannum yang akan dibaca selepasnya dan memberi semangat dalam persembahan. Antara *maqām-maqāmnya* ialah *rast aṣlī*, *rast ala nawā*, *zinjiran* dan lain-lain.<sup>342</sup>

---

<sup>340</sup> Napiah Sahrani (2001), *op.cit.*, hlm. 9.

<sup>341</sup> Hj. Nik Jaafar b.Nik Ismail (1998), *op.cit.*, hlm. 142

<sup>342</sup> *Ibid*

## 6. Tarannum *Sīkāh* ( سیکاه )

Tarannum *sīkāh* juga berasal dari Parsi yang dipopularkan oleh para qari segenap pelosok dunia mengikut *lahjah* ‘*arab hijāzī*’ bermula dari kurun 7M -19M. Kemudian ia dipopularkan semula oleh qari Mesir yang dikenali dengan *sīkāh miṣrī*.<sup>343</sup>

Di Malaysia tarannum *sīkāh* berkembang dan dipopularkan oleh Hj. Mat Som Pergau dari Kelantan pada awal tahun 40-an. Ia juga amat sinonim pada masyarakat Melayu yang mana mereka telah mengaplikasikan tarannum ini di dalam bacaan beranji.<sup>344</sup>

Tarannum *sīkāh* mempunyai gerak yang lembut, ringan dan sesuai dengan ayat-ayat yang menunjukkan tentang cerita, merayu, memohon, merintah dan sebagainya.<sup>345</sup>

Antara *maqām-maqām* tarannum *sīkāh* ialah *sīkāh aṣlī*, *turkī*, *rml*, ‘*irāqī*’ dan lain-lain.<sup>346</sup>

---

<sup>343</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op. cit.*, hlm. 117.

<sup>344</sup> *Ibid*, hlm. 116

<sup>345</sup> *Ibid*, hlm. 118

<sup>346</sup> Mohd Ali b. Abu Bakar (1997), *op.cit.*, hlm., 66 dan 67.

## 7. Tarannum *Jihārkāh* ( جهار كاه )

Tarannum *jihārkāh* juga berasal daripada Parsi. Ia telah diterima pakai sebagai tarannum al-Quran oleh para qari Hijāz. Kini telah dipopularkan oleh para qari Mesir.<sup>347</sup>

Pengaruh tarannum ini amat kuat, sehinggakan menjadi pemerhatian oleh peserta-peserta tilawah al-Quran Malaysia di semua peringkat dan tarannum ini turut diaplikasikan di dalam laungan takbir hari raya.<sup>348</sup>

Tarannum *jihārkāh* bersifat ringan, sedih, medayu-dayu dan lembut. Ia lebih sesuai dibaca kepada ayat-ayat yang berbentuk kesedihan dan kerinduan.<sup>349</sup> *Maqām-maqāmnya* seperti *jihārkāh aṣlī* dan *jawāb*.<sup>350</sup>

---

<sup>347</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff (2008), *op. cit.*, hlm. 127.

<sup>348</sup> *Ibid*, hlm. 127.

<sup>349</sup> *Ibid*, hlm. 128.

<sup>350</sup> Syaykh Fatihi Hassan Maliji (2007), *op.cit.*, hlm. 10.



**b. Tarannum *al-Furū'* ( الفروع )**

Tarannum *al-furū'* pula sebagai tarannum yang menjadi pelengkap kepada tarannum *al-uṣūl*. Tujuannya adalah untuk mencantikan lagi pergerakan alunan lagunya. Tarannum *al-furū'* begitu banyak, antaranya yang masyhur ialah :<sup>351</sup>

1. 'Ajam (عجم)
2. Kurd (کرد)
3. Syūrī (شوری)
4. 'Iraqī (عراقی)
5. *Husaynī* (حسینی)
6. *Rakbī* (رکبی)
7. *Mayyāh* (میاه)
8. *Nakrīz* (نکریز)
9. *Dukah* (دکاه)
10. 'Usyāq (عشاق)
11. *Banjakāh* (بنجگاه)
12. dan lain-lain.

---

<sup>351</sup> Temuramah dengan Tokoh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

## Penggunaan Istilah-Istilah Dalam Ilmu Tarannum

Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, dalam ilmu tarannum juga terdapat istilah-istilah yang khusus. Ianya berbeza dengan tarannum-tarannum yang lain seperti qasidah, barzanji dan sebagainya. Istilah-istilah ini mesti diketahui oleh para qari dan qari'ah. Tanpa ciri-ciri ini ia tidak dapat dinamakan tarannum al-Quran. Antaranya :<sup>352</sup>

1. *Al-Harakah / Al-Jumlah*<sup>353</sup> ( الحركة / الجملة )
2. *Al-Burdah*<sup>354</sup> ( البوردة )
3. *Al-Qiṭ'ah*<sup>355</sup> ( القطعة )
4. *Al-Ikhtilāl Lahñ / Al-Muḥayyar*<sup>356</sup> ( الإختلال  
اللحن/المحير )
5. *Al-Wuṣlah*<sup>357</sup> ( الوصلة )

---

<sup>352</sup> *Ibid*

<sup>353</sup> *Ḥarakah* ialah gaya alunan sesuatu tarannum yang tersusun daripada beberapa *qiṭ'ah* dengan *mahaṭṭah* yang tertentu. *Ḥarakah* terbahagi kepada dua iaitu *ḥarakah* yang sempurna dan *ḥarakah* tidak sempurna.

<sup>354</sup> *Burdah* ialah bunga-bunga atau getaran suara yang bersesuaian dan menarik ketika mengalunkan bacaan tarannum. *Burdah* terbahagi kepada dua iaitu *burdah aṣlī* dan *burdah ṣinā'ī*.

<sup>355</sup> *Qiṭ'ah* ialah gaya rentak tarannum yang paling pendek tanpa *mahaṭṭah* yang tertentu. *Qiṭ'ah* terbahagi kepada dua iaitu *qiṭ'ah* pada ayat dan *qiṭ'ah* pada makna.

<sup>356</sup> *Ikhtilāl al-lahñ* ialah kesumbangan nada suara yang disengajakan mengikut irama dan *ṭabaqah* suatu tarannum. Ia berlaku pada jumlah *ḥarakah* dan pada *mahaṭṭah*.

<sup>357</sup> *Wuṣlah* ialah gabungan lagu untuk mengindahkan bacaan. *Wuṣlah* terbahagi kepada dua iaitu *wuṣlah* pada harakat ke harakat lagu yang lain dan *wuṣlah al-mumāthalah* ialah

6. *Al-Mahaṭṭah*<sup>358</sup> ( المحطّطة )
7. *Al-Ṭabaqāt*<sup>359</sup> ( الطباقات )
8. *Al-Salālim*<sup>360</sup> ( السلاالم )
9. *Al-Maqām*<sup>361</sup> ( المقام )
10. *Al-Takrīr*<sup>362</sup> ( التكرير )
11. *Al-Wazān*<sup>363</sup> ( الوزان )
12. *Al-Kuflah / al-Khitam*<sup>364</sup> ( الكفلة / الختام )
13. *Al-Sulayfiyah*<sup>365</sup> ( السليفية )
14. *Al-lahjah*<sup>366</sup> ( اللهجة )
15. *Intiqāl al-Maqām*<sup>367</sup> ( انتقال المقام )

---

suatu gaya *harakat* yang bercampur dari dua gaya tarannum yang berlainan. Ia berlaku kepada lagu *al-uṣūl* dan *al-furū'*.

<sup>358</sup> *Mahaṭṭah* ialah gaya penghujung (perhentian) suatu *ḥarakah* atau tarannum. *Mahaṭṭah* juga terbahagi kepada dua iaitu *Mahaṭṭah* sempurna dan *Mahaṭṭah* tidak sempurna.

<sup>359</sup> *Ṭabaqah* ialah suatu tingkatan atau tahap suara yang berkaitan dengan sesuatu tarannum yang tertentu.

<sup>360</sup> *Al-salālim* ialah gerakan suara mengikut tangga. terbahagi kepada dua iaitu *salālim nuzūl* iaitu tangga suara menurun. Dan *salālim su'ūd* iaitu tangga suara menaik.

<sup>361</sup> Kedudukan sesuatu lagu yang berada di atas landasannya.

<sup>362</sup> *Al-Takrīr* ialah berulang lagu, *burdah* atau *ḥarakah* dalam bacaan.

<sup>363</sup> *Wazān* iaitu imbangan suara ketika hendak perpindahan lagu ke lagu.

<sup>364</sup> *Al-kuflah/al-khitām* iaitu penutup *ḥarakah* lagu-lagu.

<sup>365</sup> Suara yang paling tinggi melebihi *ṭabaqāt* suara *jawāb al-jawāb*.

<sup>366</sup> *Al-lahjah* ialah dialek kearaban.

<sup>367</sup> Perpindahan satu lagu ke satu lagu yang lain.

## Ilmu *al-Ṣawt* / Suara Dalam Tarannum

Suara secara umum bermaksud, satu ilmu membincangkan tentang cara-cara bagaimana mengeluarkan suara dari segi *ṭabaqāt* dalam pembacaan al-Quran samada bacaan tarannum dan murattal.<sup>368</sup>

*Ṭabaqāt* atau tahap-tahap suara di dalam pembacaan tarannum al-Quran boleh dibahagikan kepada 5 *ṭabaqāt*, iaitu :<sup>369</sup>

1. Suara tertinggi / *jawāb al-jawāb* / *sulaiḥiyah* (suara rongga kepala)
2. Suara tinggi / *jawāb* (suara hidung)
3. Suara sederhana / *nawā* (suara tekak)
4. Suara rendah / *qarār* (suara dada)
5. Suara paling rendah / *qarār al-qarār*

Sifat-sifat suara pula boleh bahagikan kepada 4 bahagian yang besar :

### a. Suara kategori (A) terbaik :

1.	Manis	7.	Jelas
----	-------	----	-------

---

<sup>368</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op. cit.*

<sup>369</sup> *Ibid*

2.	Tajam	8.	Kasar
3.	Lantang	9.	Rendah
4.	Tinggi	10.	Merdu
5.	Lembut	11.	lunak
6.	Licin	12.	Bersih

**b. Suara kategori (B) baik :**

1.	Manis	6.	Jelas
2.	Licin	7.	Kasar
3.	Lantang	8.	Rendah
4.	Sederhana	9.	Merdu
5.	Lembut	10.	Bersih

**c. Suara kategori (C) sederhana baik :**

1.	Manis	5.	Jelas
2.	Tajam	6.	Halus
3.	Halus	7.	Rendah
4.	Lembut	8.	Licin

d. **Suara kategori (D) kurang baik :**

1.	Tidak manis	5.	Halus
2.	Tidak merdu	6.	Keras
3.	Tidak lantang	7.	Rendah
4.	Tidak lembut	8.	Sumbang

Sifat-sifat suara pada kategori (a), (b) dan (c) mempunyai suara dalam pembacaan suatu tarannum. Manakala suara pada kategori (d) adalah tidak elok untuk bertarannum kerana suara sedemikian perlu diasah dan dilatih.

***Faṣāḥah* Dalam Tarannum**

*Faṣāḥah*<sup>370</sup> dalam bidang tarannum al-Quran amat penting. Kerana ia menentukan sesuatu bacaan al-Quran itu mengikut sunnah atau pun tidak. Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *faṣāḥah* terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:<sup>371</sup>

1. *Faṣāḥah al-Lisān* iaitu pertuturan sebutan huruf, iaitu para pembaca mestilah melafazkan huruf-huruf *hija'iyah* dengan

---

<sup>370</sup> *Faṣāḥah* bermaksud kefasihan. Boleh juga diertikan sebagai lajha arab (*luhum al-arab*) atau kefasihan dalam bacaan ayat-ayat al-Quran secara bertarannum.

<sup>371</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op. cit.*

tepat mengikut *Lahjah 'Arabiyyah*. Pengertian secara lebih luas, *faṣāḥah* juga meliputi kefasihan dalam penguasaan ilmu tajwid.

2. *Faṣāḥah al-Ṣaut* iaitu membaca tarannum al-Quran dengan menggunakan suara *lahjah 'arabiyyah* dengan cara mengeluarkan suara atau pun penggunaan *ṭabaqāt* suara. Dalam erti kata yang lain, mengikut gaya suara *qurrā'-qurrā'* di tanah arab.
3. *Faṣāḥah al-Naghām* iaitu membaca dengan lagu-lagu yang mengikut gaya arab atau *lahjah 'arabiyyah* sahaja yang dikenali sebagai tarannum muktabar seperti aliran *Miṣrī* dan *Hijāzī*. Oleh kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa arab, maka tidak sesuai lagu-lagu yang bukan di tanah arab.

Seperti mana telah dipetik oleh Dr. Su'ād Abd al-Ḥamīd daripada matan al-Imam ibn al-Jazirī :


وَيُقْرَأُ الْقُرْآنُ بِالتَّحْقِيقِ مَعَ \* حَدْرٍ وَتَدْوِيرٍ  
وَكَلِّ مُتَّبِعٍ  
مَعَ حُسْنِ صَوْتِ بِلُحُونِ الْعَرَبِ \* مُرْتَلًّا  
مُجَوِّدًا بِالْعَرَبِيِّ

Yang bermaksud :

“ Dan dibaca al-Quran itu dengan *tahqīq*, bersama \* *hadar*, *taqwīr* dan semua itu diikuti pula dengan bacaan memperelokan suara (tarannum) luhun al-arab \* (lahjah arab) secara murattal, mujawwad dengan elok (bertajwid) lahjah arab”.<sup>372</sup>

<sup>372</sup> Su'ād 'Abd al-Ḥamīd (2003), *op.cit.*, hlm. 31.

Unsur ini juga dapat diperjelaskan dalam gambar rajah umum berikut :



Penulis mendapati asas-asas ini menepati dengan sunnah Rasulullah

s.a.w. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w :

اِقْرَءُوا الْقُرْآنَ بِلُحُونِ  
 الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا  
 وَإِيَّاكُمْ وَلُحُونِ أَهْلِ الْكِتَابِ  
 وَأَهْلِ الْفِسْقِ

Maksudnya:

“ Bacalah al-Quran dengan tarannum-  
 tarannum arab dan suara mereka. Dan jauhilah  
 diri kamu dari tarannum- tarannum ahl al-  
 kitāb (Yahudi dan Nasrani) dan orang-orang  
 fāsiq.”<sup>373</sup>

<sup>373</sup> Tabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān b. Aḥmad (1984). *op. cit.*, hlm. 35.



### 3.3.1.2 Ilmu Tajwid

Ilmu tajwid adalah merupakan suatu ilmu yang sudah menjadi sinonim dalam tubuh beliau, kerana ia adalah tunjang kepada pembacaan al-Quran.

Menurut beliau, mempelajari ilmu tajwid adalah wajib kepada setiap individu muslim yang membaca al-Quran, sejajar dengan firman Allah swt;

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud:

*“Dan bacalah al-Quran dengan "tartil"”*.<sup>374</sup>

Tujuan ilmu tajwid adalah untuk memelihara lidah daripada melakukan kesalahan sewaktu membaca al-Quran. Di samping itu, tujuan mempelajarinya untuk memudahkan bacaan al-Quran dengan fasih, terang, jelas dan ini merupakan satu-satunya cara untuk mendapat bacaan yang paling baik dan juga sejajar dengan ajaran Nabi Muhammad saw.<sup>375</sup>

Menurut Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, Mempraktikkan ilmu tajwid dalam pembacaan al-Quran adalah merupakan perkara yang wajib iaitu

---

<sup>374</sup> Al-Muzammil. 4.

<sup>375</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*, Pada hari Selasa 20 Januari 2009, pukul 5.15 petang, di rumah beliau Keramat Hujung, Dato’ Keramat Kuala Lumpur.

fardhu ‘ain kepada setiap pembacanya. Perkara penting dalam ilmu tajwid yang perlu diketahui oleh setiap pembaca al-Quran ialah.<sup>376</sup>

1. Mendapat *talaqqī musyāfahah* dari guru yang mempunyai hubungan sanad yang *mutawātir* samada dengan bacaan *tartīl*, *tadwīr* atau *hadar*.
2. Mengenai dasar-dasar bacaan imam Ḥafs ‘an ‘Āṣim dan *ṭarīq* Imam al-Syātibiyyah.
3. Menunaikan segala *hak huruf*, *makhraj* serta sifat dengan hukum-hakam tajwid.
4. Membaca dengan dialek arab yang fasih.
5. Mengenal hukum *lahn al-jaliy* atau *al-khafiy* serta menjaga kesilapan yang berlaku dalam bacaan.
6. Mengenal pasti hukum *waqaf*, *ibtidā’*, *saktah*, *waṣal* serta mengenal tulisan *rasm ‘uthmānī*.

Untuk meningkatkan mutu bacaan al-Quran supaya lebih tepat dan sempurna, beliau telah memperkenalkan kaedah-kaedah pengajaran ilmu tajwid. Pengajaran beliau dalam bidang ini amat berkesan dan kaedah yang digunakan amat menarik. Kaedah yang digunakan oleh beliau ialah dengan memulakan perkenalkan kepada huruf-huruf, diikuti dengan perkataan al-

---

<sup>376</sup> Tan Sri Dato’ Hj. Hassan bin Hj. Azhari (1-2 September 2001) : Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Quran, *Pemahaman Bacaan Dan Tajwid Dan al-Quran Dalam Masyarakat Globalisasi*, Anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), hlm. 3.

Quran dan disusuli dengan bacaan oleh murid-murid. Beliau telah menulis sebuah risalah bertajuk “*Muqaddimah ilmu tajwid*” yang diterbitkan oleh persatuan *Qurrā’* Malaysia pada tahun 2001.<sup>377</sup>

Kepakaran beliau dalam bidang tajwid ini terbukti dengan beliau sering dijemput memberi kursus, seminar dan pembentangan kertas kerja peringkat kebangsaan dan antarabangsa.<sup>378</sup>

### 3.3.1.3 Ilmu *Qirā’āt*

Ilmu *Qirā’āt*<sup>379</sup> adalah suatu ilmu yang berhubung kait dengan al-Quran. *al-Qirā’āt* adalah bersumberkan kepada bacaan Nabi Muhammad s.a.w. yang dibacakan kepada para sahabatnya selepas menerima wahyu yang disampaikan oleh Jibril a.s. Para sahabat pula membaca mengikut wajah-wajah bacaan yang mereka dengar daripada Nabi Muhammad saw.<sup>380</sup>

---

<sup>377</sup> *Ibid*

<sup>378</sup> Temuramah dengan Dr. Abdul Rauf, *op. cit.*

<sup>379</sup> Perkataan *al-Qirā’āt* adalah kata *jama’* kepada perkataan *Qirā’ah* ( قِرَاءَة ) yang berasal daripada kata dasar *Qara’* ( قرأ ) yang bermaksud wajah-wajah atau bentuk-bentuk bacaan al-Quran. Lihat *Jamā’at Min Kibār al-Lughawiyīn al-‘Arab* (t.t), *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*, *Jāmi‘at al-Duwal al-‘Arabiyyah: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah Li al-Tawbiyah Wa al-Thaqafah Wa al-‘Ulūm*, hal. 975.

<sup>380</sup> Muhammad Kurayam Rajīh (1994), *al-Qirā’āt al-Mutawātirah*, Bayrūt : Dār al-Muhājir al-Nasyr Wa al-Tawzī, hlm. 66.

Keilmuan yang ada pada Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari ialah *Qirā'āt al-Asy'irah* dan termasuk juga *Qirā'āt* yang *Syādhah*.<sup>381</sup> Beliau telah mempelajarinya secara bersanad daripada syaykh-syaykh yang muktabar.

Menurut beliau, dalam mempelajari ilmu *Qirā'āt* ini memerlukan kesungguhan dan mengambil masa yang agak lama supaya dapat menguasai dengan sepenuhnya kerana ilmu ini cukup susah untuk dipelajari. Syarat mempelajari Ilmu *Qirā'āt* mestilah mempunyai rukun-rukun *Qirā'āt* yang menepati kaedah bahasa arab, bertepatan dengan *rasm* salah satu daripada *al-muṣḥaf al-'uthmāniyyah* dan yang paling utama mesti guru yang mengajar itu mempunyai sanad yang *ṣahīḥ*. Ini semua adalah bertujuan untuk mendapat keberkatan ilmu itu sendiri.<sup>382</sup>

#### **3.3.1.4 Asas Membaca al-Quran (Muqaddam)**

Kepakaran dalam asas membaca al-Quran, beliau telah memperkenalkan asas pendidikan al-Quran melalui pendekatan muqaddam al-Quran yang sekarang ini dikenali sebagai *iqrā'*. Beliau telah memperkenalkan kaedah-kaedahnya tersendiri iaitu dengan memulakan perkenalkan huruf *hijā'iyah*, diikuti dengan perkataan al-Quran dan seterusnya diikuti bacaan

---

<sup>381</sup> Temuramah dengan Hj. Muadzeen b. Ackil, *op.cit.*,

<sup>382</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

oleh murid-muridnya. Beliau juga telah menggunakan kaedahnya tersendiri dari sudut mengeja huruf *hijā'iyah* yang berbaris dengan menggunakan bahasa arab seperti baris *fathah*, *kasrah* dan *ḍammah*. Dengan cara ini, secara tidak langsungnya murid-murid mudah memahaminya.<sup>383</sup>

Dengan kepakaran beliau dalam ilmu ini, beliau diberi peluang untuk menyebarkan di televisyen. Penglibatan beliau dalam program televisyen menjadikan beliau lebih dikenali diseluruh Malaysia. Rancangan ini menjadi sinonim dengan diri beliau dan boleh diterima oleh penduduk Malaysia bahkan juga rakyat Singapura. Pelajarannya telah direkodkan dalam kaset-kaset sebanyak 480 siri dan diedarkan kesekolah-sekolah menengah Kementerian Pendidikan. Kaedah pengajaran yang diperkenalkan beliau berkesan untuk semua peringkat umur.<sup>384</sup>

---

<sup>383</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2006), *Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), cet. 1, hlm. 438.

<sup>384</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007). *op.cit.*, hlm .64 dan 65.

### 3.3.1.5 Rasm ‘Uthmānī

Kepakaran Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari tentang al-Quran ini meliputi juga bidang Rasm ‘Uthmānī.<sup>385</sup> Ini dapat dilihat ilmu yang ada pada beliau dalam bidang ini cukup meluas.

Menurut beliau, ilmu ini cukup penting kerana tulisan al-Quran tidak menggunakan kaedah penulisan bahasa arab umum, tetapi menggunakan kaedah rasm ‘uthmānī. Kaedah penulisannya adalah *Tawfīqī*<sup>386</sup> daripada Rasulullah s.a.w. Ia juga merupakan salah satu rukun bacaan al-Quran. Penulisannya merangkumi tujuh huruf al-Quran yang meliputi semua wajah-wajah *qirā’āt* yang *mutawātirah*<sup>387</sup>. Justeru kaedah ini perlu dipelajari dengan mendalam dan secara teliti.<sup>388</sup>

Menurut beliau lagi, fokus perbincangan dalam bidang rasm ‘uthmānī berkaitan dengan kaedah yang digunakan dalam penulisan rasm ‘uthmānī

---

<sup>385</sup> Rasm ‘Uthmānī ialah tulisan mashaf-mashaf al-Quran yang digunakan dan dipersetujui oleh sayyidina ‘Uthmān r.a untuk menulis kalimah-kalimah al-Quran dan huruf-hurufnya. Lihat al-Syaykh Muḥammad ‘Abd. al-‘Azīm al-Zarqānī (1998), *Manāhil al-‘Irfān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Bayrut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 369.

<sup>386</sup> *Tawfīqī* ialah segala yang diterima yang diterima oleh Rasulullah s.a.w berupa wahyu, dan baginda menjelaskan kepada para sahabat dengan kata-katanya sendiri. Lihat Mannā’ al-Qaṭṭān (1999), *Mabāhith Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Bayrūt : Mu’assasah al-Risālah, cet. 2, hlm. 27.

<sup>387</sup> *Mutawātirah* ialah bacaan yang diambil atau dipelajari oleh satu kumpulan daripada satu kumpulan yang lain daripada permulaan sanad sampai akhirnya sehinggalah kepada Rasulullah s.a.w. dan mereka ini tidak mungkin berbohong. Lihat Aḥmad al-Baylī (1988), *al-Ikhtilāf Bayn al-Qirā’āt*. Bayrut : Dār al-Sūdaniyyah li al-Kutub, hlm. 76.

<sup>388</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*

yang ada sekarang ini. Kaedah-kaedah tersebut seperti *al-hadhf*,<sup>389</sup> *al-ziyādah*,<sup>390</sup> *al-humaz*,<sup>391</sup> *al-ibdāl*,<sup>392</sup> *al-waṣl wa al-faṣl*.<sup>393</sup> Selain itu ia juga membincangkan tentang baris, titik-titik, tanda-tanda bacaan dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan *mashaf rasm uthmānī*.<sup>394</sup>

Dengan kepakaran beliau dalam bidang tersebut, telah membawa beliau untuk menyebarkan ilmu ini kepada masyarakat umum. Seperti beliau dijemput seminar dan pembentang kertas kerja yang meliputi di peringkat negeri dan Antarabangsa. Di peringkat negeri beliau terlibat dengan pembentangan kertas kerja tentang kaedah *rasm uthmānī* dalam seminar anjuran JAIS 1994, kursus anjuran kerajaan negeri Selangor pada tahun 2000. Di peringkat antarabangsa pula beliau telah dijemput oleh penuntut Malaysia

---

<sup>389</sup> *Al-Ḥadhf* ialah membuang atau mengurangkan sesuatu huruf pada kalimah-kalimah tertentu. Lihat Al-Imām Badr al-Dīn Muhammad b. ‘Abd Allāh al-Zarkasyī (t.t), *al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Kaherah: Dār al-Turāth, jld. 1, hlm. 388.

<sup>390</sup> *Al-Ziyādah* ialah menambah sesuatu huruf pada kalimah-kalimah tertentu. Lihat al-Zarkasyī (t.t), *op. cit.*, hlm. 381. Dalam Rasm ‘Uthmani, *al-Ziyādah* bermaksud huruf-huruf yang mesti ditulis tetapi haram dibaca samada ketika wasal atau waqaf. Terdapat tiga huruf yang ditambah mengikut kaedah penulisan Rasm ‘Uthmānī.

<sup>391</sup> Huruf-huruf Hamzah di dalam al-Quran terletak samada dipermulaan, dipertengahan atau diujung kalimah.

<sup>392</sup> *Ibdāl* ialah menukarkan sesuatu huruf kepada huruf lain. Lihat Al-Zarkasyī (t.t), *op. cit.*, hlm. 409.

<sup>393</sup> *Al-Waṣl wa al-Faṣl* ialah kaedah menyambung dan memisahkan tulisan pada huruf atau kalimah-kalimah yang tertentu. Lihat Al-Zarkasyī (t.t), *op. cit.*, hlm. 417.

<sup>394</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari. *op. cit.*

United Kingdom dan Era 2001 untuk membentangkan kertas kerja berbentuk *Rasm 'Uthmāni*.<sup>395</sup>

### 3.3.2 Kepakaran Dalam Ilmu-Ilmu Seni Suara

Dengan Kepakaran dalam bidang tarannum al-Quran juga, telah menjadi asas kepada beliau dalam menyerapkan ilmu tarannum ini ke bidang seni suara seperti nasyid, berzanji, marhaban dan qasidah.<sup>396</sup>

Menurut beliau, seni suara tersebut akan dapat dikuasai sekiranya seseorang itu ada pada dirinya ilmu tarannum al-Quran. Inilah merupakan asas yang utama untuk mempelajari ilmu kesenian seperti nasyid, qasidah dan marhaban. Kerana ilmu-ilmu tersebut diambil dari ilmu tarannum al-Quran secara asasnya.<sup>397</sup>

---

<sup>395</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2006), *Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), cet. pertama, hlm. 446.

<sup>396</sup> Temuramah dengan anak tokoh Dr. Abd Rauf, *op. cit.*

<sup>397</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari . *op. cit.*



### 3.3.2.1 Nasyid

Beliau seorang yang berkebolehan dalam mencipta lirik dan lagu-lagu nasyid yang berunsurkan kearaban. Setakat ini beliau telah mencipta tujuh puluh buah lebih lagu nasyid. Malah bukan itu sahaja, beliau berkepakaran dalam kaedah-kaedah dan bentuk atau jenis lagu nasyid. Antara nasyid masyhur yang dicipta oleh beliau ialah *Nahnu Abnā'u al-'Amal*, *Kalam al-Qadīm Lā Yamallu Sama'uhu*, *Quran Pemimpin Manusia*, *Ingati Sejarah Tahun Hijrah*, *Sambutan Awal Muharam*, *Wahai Putera-Puteri Malaysia*, *Malaysia Tanah Air Ku*, *Peristiwa Isra' Mikraj*, *Harapan Negara*, *Malaysia Membangun*, *Akhlak Teguh Asas Perpaduan*, *Sambutan Sempena Muktamar Islam Yang Kelima Dalam 1970*, *Sewaktu Pembukaan Masjid Pulau Indah Dan Sebagainya*.<sup>398</sup>

Nasyid yang dicipta oleh beliau sering dipersembahkan dalam majlis tilawah al-Quran di Malaysia samada peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Sebagai contoh, lagu nasyid *Kalamun Qadimun La Yumallu Sama'uhu* amat terkenal dan sering didengari di TV 1 RTM sekitar tahun 1960-an dan 1970-an dalam rancangan Muqaddam.<sup>399</sup>

---

<sup>398</sup> Temuramah dengan Tan Sri Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*, pada hari Isnin 30 Ogos 2010, pada pukul 5.30 petang di rumahnya Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur .

<sup>399</sup> *Ibid*

### 3.3.2.2 Berzanji dan Marhaban

Selain daripada nasyid, beliau juga seorang yang pakar dalam bidang berzanji dan marhaban. Beliau adalah orang yang telah banyak berusaha ke arah mengembangkan kaedah berzanji dan marhaban. Menurut beliau, berzanji dan marhaban berbanding dengan bernasyid tidak jauh bezanya. Cuma berzanji dan marhaban mempunyai lagu-lagu dan harakat-harakat tertentu seperti mana ilmu tarannum.<sup>400</sup>

Seperti contoh berzanji, sekiranya dimulakan dengan lagu *sīkāh*, empat harakat tertentu, maka jawabnya adalah dengan lagu *mayyāh*. Sekiranya dibawa dengan lagu *rast*, maka jawabnya dengan lagu *yamān hijāz*.

Setiap kali berzanji akan disusuli pula dengan marhaban. Dalam Marhaban pula, sekiranya mengalunkan dengan lagu *rakbī*, maka hendaklah dialunkan juga dengan lagu *rakbī* pada bait seterusnya akan tetapi pada harakat yang lain. Seterusnya harakat *jawāb* dan *jawāb al-jawāb*.<sup>401</sup>

Dengan kepakaran dan kebolehan dalam kesenian Islam ini, beliau sering kali dijemput membuat persembahan berzanji dan marhaban di majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, majlis-majlis

---

<sup>400</sup> *Ibid*

<sup>401</sup> *Ibid*

khatam al-Quran dan perkahwinan. Beliau juga telah merakam CD berzanji dan marhaban sebagaimana rakaman nasyid. Rakaman ini dijadikan panduan oleh kumpulan-kumpulan berzanji lain.

### 3.3.2.3 Qasidah

Dalam seni suara qasidah, beliau telah mewarisi bakat ayahandanya yang pakar dalam qasidah. Banyak lagu-lagu qasidah yang telah dicipta oleh beliau. Menurut beliau, qasidah ialah ada *ḥarakah*, *qiṭ'ah*, *maḥattah* tertentu dan jawapan maqam lagu tertentu. Tidak terdapat dalam qasidah tempo rentak. qasidah kebiasaannya lagu aliran *ḥijāzī* dan mengalunkan lagu dengan lirik yang bebas. Apabila sampai kepada suara tinggi jawab al-jawab orang ramai akan bersama mengalunkan suara tersebut disambung kembali oleh suara pertama.<sup>402</sup>

Setiap kali majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa beliau dan para hakim lain diminta membuat persembahan qasidah bagi program selingan.<sup>403</sup>

---

<sup>402</sup> *Ibid*

<sup>403</sup> *Ibid*

Dengan kepakaran ini, beliau sering dilantik sebagai hakim pertandingan tersebut yang dianjurkan oleh pihak-pihak kerajaan, agensi-agensi swasta dan lain-lain lagi.<sup>404</sup>

Dengan kepakaran beliau dalam bidang ini juga, turut diberi kepercayaan oleh kerajaan Malaysia kepada beliau menghakimi pertandingan nasyid peringkat kebangsaan dari tahun 2000 hingga 2006, hakim pertandingan berzanji dan marhaban peringkat kebangsaan pada tahun 1997 hingga 2003.<sup>405</sup>

---

<sup>404</sup> *Ibid*

<sup>405</sup> *Ibid*

### 3.4 PUJIAN DAN KRITIKAN

Antara pujian kepada diri beliau ialah pujian yang diberikan oleh masyarakat dan para qari. Yang berbunyi: “*Abu Ya seorang pakar dalam ilmu tarannum dan tajwid, jika ia mengajar mudah difahami*”.<sup>406</sup>

Yang paling hebat diberi pujian oleh salah seorang gurunya iaitu al-Muqri” Mesir syaykh Maḥmud Khalīl al-Ḥuṣārī: “*Hassan pembacaannya cukup bagus menepati kehendak tajwid al-Quran dan mempunyai irama lagu yang indah*”. Sehingga Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari mendapat pengiktirafan daripadanya kerana bacaan al-Quran beliau yang berlahjah arab.<sup>407</sup>

#### **(Ruj. : Lampiran B)**

Beliau pernah dikritik tentang bermain beberapa jenis alat muzik nasyid seperti gambus dan tabla.<sup>408</sup>

---

<sup>406</sup> Temuramah dengan Us. Jamari b. Muhammad, pada hari Khamis 10 September 2009, pukul 5.45 petang, di Keramat Hujung, Dato’ Keramat, Kuala Lumpur.

<sup>407</sup> *Ibid*

<sup>408</sup> Temuramah dengan Us. Anuwa b. Ghazali, pada hari Selasa 8 September 2009, pada pukul 10.30 malam di Masjid al-Syakirin KLCC Kuala Lumpur.

### 3.5 KURNIAAN DAN ANUGERAH

Sumbangan yang telah diberikan oleh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari kepada agama, bangsa dan negara adalah amat besar terutamanya dalam meningkatkan pengajian al-Quran terutama dari sudut tarannum, tajwid dan makhraj telah diiktiraf dan diberi penghargaan pelbagai pihak. Sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap peranan dan jasa beliau, beberapa kurniaan darjah kebesaran diberikan kepada beliau. Antara pengiktirafan kurniaan yang diterima oleh beliau:<sup>409</sup>

1. Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Yang Dipertuan Agong pada tahun 2009.
2. Kesatria Mangku Negara Kerajaan Persekutuan (K.M.N) pada tahun 1981.
3. Darjah Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor (D.S.S.A) pada tahun 1986.
4. Johan Setia Mahkota Kerajaan Persekutuan (J.S.M) pada tahun 1989.
5. Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M) pada tahun 1978.
6. Pingat Jasa Kebaktian Selangor (P.J.K) pada tahun 1964.

---

<sup>409</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op.cit.* Lihat juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2006), *op.cit.*, hlm. 446. Dan lihat Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op.cit.*, hlm. 131, 132, 133, 134 dan 135.

Selain daripada anugerah darjah kebesaran, Beliau juga turut mendapat beberapa anugerah tokoh yang dinilai daripada kepakaran, jasa dan pengorbanan beliau seperti:<sup>410</sup>

1. Dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana (Pengajaran al-Quran) pada tahun 2009, Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Insaniah Ke-11.<sup>411</sup>
2. Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan pada tahun 1423H bersamaan 2002M.
3. Anugerah Kehormat Dalam Pendidikan Dan Dakwah Kolej Darul Ehsan Selangor pada tahun 1999.
4. Anugerah Khas Malam Seri Angkasa RTM pada tahun 1997.
5. Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Selangor Pada tahun 1991.
6. Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah Wilayah Persekutuan pada tahun 1990.
7. Anugerah Tokoh Guru Agama Negeri Selangor Pada tahun 1989.

Anugerah-anugerah tersebut diberikan kepada beliau adalah berdasarkan kepada sumbangannya yang amat besar kepada negara dalam bidang pengajian al-Quran.

---

<sup>410</sup> *Ibid.* hlm. 133

<sup>411</sup> <http://www.kedah.gov.my/kehadah/isi.asp>.

### **3.6 KESIMPULAN**

Meneliti susur galur kehidupan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dapat disimpulkan bahawa beliau merupakan seorang ulama yang memiliki ilmu dalam bidang al-Quran dan banyak memberi sumbangan terhadap masyarakat dan tamadun ilmu Islam di Malaysia.

Pengorbanan beliau dalam menyebarkan ilmunya kepada masyarakat membuka lembaran baru dalam pengajian al-Quran terutamanya dalam aspek tarannum al-Quran. Inilah antara sumbangan beliau yang besar kepada agama Islam khususnya masyarakat umat Islam di Malaysia.



---

## **BAB KEEMPAT**

### **SUMBANGAN TAN SRI DATO' HAJI HASSAN AZHARI DALAM ILMU TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA**

---

#### **4.1 PENGENALAN**

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari adalah seorang tokoh yang banyak berjasa kepada masyarakat dan negara. Beliau telah banyak memberi sumbangan dalam penyebaran ilmu al-Quran di Malaysia.

Sumbangan seorang tokoh boleh dinilai melalui kepakaran, kemahiran dan keilmuan di dalam sesuatu bidang yang diceburinya. Penulis mendapati ketokohan dan kewibawaan beliau begitu terserlah di dalam bidang tarannum al-Quran.

Namun, penulis akan menyelami, merungkai, memperinci, mengupas dan membincangkan secara mendalam berkaitan sumbangan-sumbangan beliau dalam ilmu tarannum al-Quran di Malaysia.

## **4.2 PENGARUH ILMU TARANNUM BELIAU DALAM MASYARAKAT**

Penulis telah membuat satu analisis melalui temubual secara formal dengan beberapa orang anak murid beliau, para hakim tilawah al-Quran dan beberapa qari-qari'ah yang menyertai majlis tilawah al-Quran. Penulis mendapati ilmu tarannum yang ada pada beliau boleh dikatakan amat meluas, diibaratkan seperti lautan ilmu. Tambahan lagi, ilmu-ilmu tarannum yang berkembang di Malaysia ini adalah sebahagian besarnya dari ilmu beliau yang menyebarkan kepada seluruh lapisan masyarakat.

Hal ini terbukti dengan meneliti dari sudut kaedah pengajian dan pengajaran ilmu tarannum al-Quran yang telah diamalkan di negeri-negeri Malaysia oleh guru-guru al-Quran. Begitu juga dari sudut pembacaan para qari-qari'ah semasa majlis tilawah al-Quran. Secara keseluruhan boleh dikatakan pengamalan mereka dalam bacaan al-Quran mengikut gaya dan teknik pembawakan tarannum yang disebarkan oleh beliau samada dari segi burdah-burdah lagu, harakat lagu, istilah-istilah, suara dan sebagainya.

Begitu juga dalam bidang penghakiman majlis tilawah al-Quran. Kebanyakan para hakim yang menghakimi majlis tilawah al-Quran samada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah mengikut cara dan kaedah yang beliau amalkan.

### 4.3 METODOLOGI BELIAU DALAM ILMU TARANNUM AL-QURAN

Berdasarkan kaji selidik dibuat, penulis dapat mengenal pasti metodologi-metodologi yang dibawa oleh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam penyebaran ilmu tarannum al-Quran kepada masyarakat. Tujuan penulis mengemukakan metodologi-metodologi ini adalah untuk membuktikan lagi bahawa ketokohan beliau dalam bidang ini.

#### 4.3.1 Metodologi Pengajian

Mengikut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, pengajian ilmu tarannum al-Quran terdapat 4 metodologi utama untuk menguasai ilmu tersebut. Metode-metode tersebut ialah :

##### 4.3.1.1 *Talaqqī*<sup>412</sup> dan *Musyāfahah*<sup>413</sup>

Metode ini merupakan metode yang sangat berkesan dalam pengajian ilmu tarannum al-Quran. Ini adalah salah satu metode yang digunakan oleh

---

<sup>412</sup> *Talaqqī* bererti pertemuan antara guru dengan murid secara berhadapan.

<sup>413</sup> Manakala *musyāfahah* bererti sebutan yang diambil dari pergerakan dua bibir guru dan murid.

anak-anak murid beliau dalam mendalami ilmu ini iaitu *talaqqī* dan *musyāfahah*.

Murid-murid berhadapan dengan beliau secara bersemuka, dengan erti kata yang lain, murid-murid dapat melihat dengan jelas pergerakan bibir sewaktu beliau membaca dan mengalunkan tarannum. Begitu juga beliau dapat melihat dengan jelas pergerakan bibir murid sewaktu murid membaca al-Quran dan dalam masa yang sama beliau terus menegur, membaiki dan membuat penambahbaikan terhadap alaunan lagu yang diperdengarkan oleh anak-anak murid beliau.<sup>414</sup>

Dengan kata lain, Murid-murid berhadapan dan membaca dengan membawa lagu, rentak, harakat dan nada suara yang sama sepertimana yang dialunkan oleh beliau. Kemudian murid-murid yang lain mendengar dan mempraktikkan lagu yang telah diajar kepada murid tersebut.<sup>415</sup>

Menurut beliau, kaedah ini adalah terbaik bagi mempelajari pengajian tarannum al-Quran kepada masyarakat.<sup>416</sup> Kerana inilah satu-satunya cara yang telah berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w ketika menerima wahyu

---

<sup>414</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

<sup>415</sup> *Ibid*

<sup>416</sup> *Ibid*

daripada malaikat Jibril a.s sejak mula diturunkan sehinggalah wafatnya baginda iaitu secara *talaqqī* dan *musyafāḥah*.<sup>417</sup>

#### 4.3.1.2 *Simā'ī*<sup>418</sup>

Ini juga salah satu kaedah beliau yang digunakan dalam pengajian ilmu tarannum. Sering mendengar bacaan tarannum yang telah dipelajari daripada beliau atau banyak mendengar bacaan daripada qari-qari arab melalui media elektronik seperti radio, internet atau sebagainya. Kemudian cuba meniru lagu-lagu, harakat-harakat tersebut. Selepas itu, disusuli dengan membuat latihan bersendirian, maka lama-kelamaan akan melekatlah lagu-lagu tersebut dalam ingatan.<sup>419</sup>

#### 4.3.1.3 *Takrīr*<sup>420</sup>

Kaedah *takrīr* adalah satu kaedah yang baik bagi pengajian tarannum al-Quran kerana ia boleh menguatkan ingatan murid. Pengajian cara ini lebih

---

<sup>417</sup> Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (1995), "*Jurnal Institusi Pengajian Tahfiz al-Quran*" Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, , bil. 1, cet. 1, hlm. 10.

<sup>418</sup> Maksud *simā'ī* ialah sering mendengar bacaan tarannum.

<sup>419</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op.cit.*

<sup>420</sup> Maksud *takrīr* ialah sentiasa berlatih mengulang alunan tarannum yang telah dipelajari.

cepat dapat diikuti oleh murid yang mempelajarinya, kerana tarannum bukan pelajaran yang dapat dilihat tapi lebih banyak mendengar dan membuat ulangan. Tanpa *takrīr* atau ulangan pada mendengar dan menyebut, sudah pasti murid lambat berjaya mengikutinya.

kaedah ini juga telah digunakan oleh beliau dengan corak dan gaya lagu yang telah diajar kepada murid-murid. Seperti contoh, apabila beliau membuat satu harakat lagu, maka murid-murid bergilir-bergilir mengulanginya yang sama. Namun, dengan cara ini, murid akan mudah mengingatnya.<sup>421</sup>

#### **4.3.1.4 *Adāb al-Tilāwah***

*Adāb al-Tilāwah* bermaksud kesopanan atau adab seseorang para qari dan qari'ah terhadap pembacaan al-Quran.

Dalam pengajian ilmu tarannum al-Quran, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah menitikberatkan tentang adab-adab membaca al-Quran. Menurut beliau, jika seorang pembaca itu membaca dengan hebat dari segi tajwid, suara yang merdu dan lagu, akan tetapi tidak menjaga adab-adabnya maka ia sia-sia sahaja di sisi Allah s.w.t. Antara adab-adabnya ialah:<sup>422</sup>

---

<sup>421</sup> *Ibid*

<sup>422</sup> *Ibid*

i. Ikhlas kepada Allah s.w.t

Perkara pertama patut diniatkan oleh para qari dan qari'ah ialah untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. kerana membaca al-Quran itu merupakan satu ibadah. Jangan ada niat untuk mencapai tujuan-tujuan keduniaan semata-mata samada harta, pangkat, pujian manusia dan sebagainya. Firman Allah s.w.t:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ  
حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ  
دِينُ الْقِيَمَةِ

Bermaksud:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah s.w.t dengan mengikhlasakan ibadah kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”.*<sup>423</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ, وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَّا  
نَوَى

---

<sup>423</sup> Al-Bayyinah : 5

Bermaksud :

*“ sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat, dan sesungguhnya setiap orang mempunyai niat.”*<sup>424</sup>

- ii. Khusyuk dan bertadabur semasa membaca al-Quran.

Sepertimana firman Allah s.w.t:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ  
لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Bermaksud:

*“Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah s.w.t, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.”*<sup>425</sup>

- iii. Membaca dengan teliti dan berhati-hati mengikut hukum tajwid.

Firman Allah s.w.t:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

Bermaksud:

*“Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah al-Quran Dengan "tartil".*

---

<sup>424</sup> Al-Imam Zainuddin Ahmad b. Abdul Latif Al-Zubaydi (1985), *Mukhtasar Şahîh al-Bakhârî al-Musammâ al-Tajrîd al-Şarîh li Ahādîth Al-Jami’ al-Sahîh*, Bayrût: Dâr Al-Nafâis, cet. 2, jld. 1, hlm. 21.

<sup>425</sup> Al-Nisâ’ :82



- iv. Membaca dengan suara yang baik. Sabda Rasulullah s.a.w :

زَيِّنُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ

Bermaksud:

“*Hiasilah al-Quran dengan suara mu.*”<sup>426</sup>

- v. Menangis ketika membaca al-Quran. Sabda Rasulullah s.a.w:

إِقْرَأُوا الْقُرْآنَ وَابْكُوا ، فَإِنْ لَمْ تَبْكُوا  
فَتَبَّأَكُوا

Bermaksud:

“*Bacalah al-Quran dan menangis, jika kamu tidak menangis, maka kamu buat-buatlah menangis.*”<sup>427</sup>

- vi. Sunat berwuduk, memakai pakaian bersih dan tempat yang bersih.
- vii. Mengadap kiblat di waktu membaca al-Quran.
- viii. Pembaca al-Quran mestilah suci daripada hadas besar dan kecil iaitu dalam keadaan berwuduk.
- ix. Menjauhkan sifat yang dapat menghilangkan kehormatan al-Quran seperti ketawa, bermain-main dan sebagainya.

---

<sup>426</sup> Ibn Hibbān, Muḥammad b. Hibbān b. Ahmad Abū Ḥātim al-Tamīmī al-Bustī (1993). *op.cit.*

<sup>427</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad b. ‘Aliyy b. Ḥajar al-Asqalānī (2000), *op.cit.*, hlm. 90.

### 4.3.2 Metodologi Pengajaran

Dalam mengajar ilmu tarannum al-Quran, beliau akan menggunakan metodologi tersendiri supaya masyarakat mudah menerima dan memahaminya. Menurut beliau, masyarakat mempunyai tahap pembacaan al-Quran yang berbeza. Oleh itu, kaedah mengajar mestilah mengikut kesesuaian tahap ilmu masyarakat masing-masing.

Dalam pengajaran ilmu tarannum al-Quran, penulis dapat menggarap metodologi-metodologi beliau seperti berikut :<sup>428</sup>

#### 4.3.2.1 Peringkat tidak ada asas

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari membimbing pelajar yang tidak mempunyai asas ilmu tarannum dengan kaedah memberi penerangan yang ringkas iaitu perkara-perkara asas dalam tarannum seperti pengenalan lagu-lagu, suara, *ḥarakah-ḥarakah*, tajwid, *faṣāḥah* dan beberapa perkara lain lagi.

Beliau mengajar kepada murid tersebut dengan hanya satu atau dua *ḥarakah* dalam satu lagu iaitu lagu *bayyātī*. Kemudian beliau menunjuk contoh alunan lagu pada *ḥarakah* pertama, kedua dan ketiga. Kemudian beliau

---

<sup>428</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*,

meminta murid-murid beramai-ramai mengikuti dan mengulanginya beberapa kali. Selepas itu, beliau meminta setiap orang murid satu persatu mencuba sehingga murid-murid dapat menguasainya mengikut kehendak beliau.

Pada pengamatan penulis, pengajaran kepada murid-murid yang peringkat ini, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari lebih banyak memberi penekanan kepada aspek membetulkan bacaan al-Quran dari sudut tajwid dan *faṣāḥah*. Ini adalah kerana beliau sangat perihatin terhadap membaca al-Quran yang bertajwid jikalau tidak, bacaan tersebut akan menjadi *ghuluw* dan haram dengan mengambil berat terhadap tarannum atau lagu sahaja. Dalam bacaan atau pengajaran al-Quran, beliau sentiasa mendahulukan tajwid dan *faṣāḥah* sebelum bertarannum.<sup>429</sup>

#### **4.3.2.2 Peringkat Mempunyai Asas**

Pada peringkat ini, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari akan menggunakan tahap yang kedua iaitu mengajar dengan menekan lebih kepada aspek kaedah suara dan susunan *ḥarakah-ḥarakah* dalam lagu-lagu. Beliau mengajar dengan mengalunkan 3 jenis lagu iaitu *bayyātī*, *nahāwand* dan *rast*. Lagu-lagu inilah yang akan dipelajari terlebih dahulu sehingga murid-murid dapat menguasai sepenuhnya dari segi susunan *ḥarakah-ḥarakah* dan

---

<sup>429</sup> *Ibid*

kedudukan suara pada setiap lagu tersebut. Kemudian beliau meminta murid-murid secara beramai-ramai mengikutinya.

Selepas itu, beliau meminta beberapa orang murid mengalunkan secara bersendirian dengan lagu-lagu yang diajar tersebut, dalam masa yang sama beliau menegurnya dan murid-murid yang lain mendengar.<sup>430</sup>

#### **4.3.2.3 Peringkat Dapat Menguasai Lagu**

Peringkat ini adalah untuk mengemaskan lagi tarannum dan yang ingin menyertai tilawah al-Quran. Bagi murid-murid yang sudah dapat menguasai lagu-lagu, maka beliau meminta murid seorang demi seorang membacanya, kemudian beliau membetulkannya. Jika terdapat kekurangan dalam alunan tarannum yang dibacakan maka beliau terus menegur. Murid-murid yang lain mesti memberi perhatian terhadap teguran beliau supaya dapat mempraktik dalam bacaan mereka.

Teknik Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mengajar tarannum kepada murid-muridnya adalah mengikut kemampuan dan kesesuaian suara-suara mereka. Murid lelaki dan perempuan berbeza dari sudut teknik turutan persembahan lagu-lagu yang dialunkan.

---

<sup>430</sup> *Ibid*

Jikalau murid lelaki, kebiasaannya beliau meminta membawa lagu-lagu seperti *bayyātī*, *nahāwand*, *rast* dan *jihārkāh*. Ini adalah sesuai dengan suara lelaki yang kasar dan tegas. Murid perempuan pula dimulai dengan *bayyātī*, *ṣabā*, *nahāwānd* dan *rast*, ini adalah kerana suara perempuan suaranya yang tinggi, halus dan mendayu-dayu. Bagi beliau, kesemua lagu beliau minati dan mahir, akan tetapi berbanting dari sudut kesesuaian individu murid tersebut.<sup>431</sup>

Kebiasaannya, apabila beliau sudah selesai mengajar ilmu tarannum, beliau akan meminta anak murid seorang demi seorang memperdengarkan bacaan mereka dan beliau akan menegurnya jika ada alunan yang sumbang. Ini adalah untuk memastikan yang mereka betul-betul faham dan boleh mengikuti apa yang diajar oleh beliau.<sup>432</sup>

---

<sup>431</sup> *Ibid*

<sup>432</sup> *Ibid*

#### **4.4 SUMBANGAN BELIAU DALAM ILMU TARANNUM AL-QURAN KEPADA MASYARAKAT**

Setelah dikaji mengenai sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam ilmu tarannum al-Quran, penulis dapati banyak sumbangan-sumbangan beliau yang dicurahkan kepada Masyarakat, iaitu :

##### **4.4.1 Sebagai Tenaga Pengajar**

###### **4.4.1.1 Di Kelas-Kelas Atau *Halaqah-Halaqah* Tarannum**

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mencurahkan ilmu tarannum dengan mengajar kepada masyarakat semenjak tahun 1959 hingga sekarang. Beliau amat merasa bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu yang ada pada beliau.

Beliau biasanya menyumbang ilmu tarannum al-Quran dengan mengajar kelas-kelas atau *halaqah-halaqah* tarannum yang diadakan di surau-surau, masjid-masjid, rumah-rumah orang perseorangan dan di rumahnya sendiri. Pengajaran beliau di sampaikan kepada pelbagai peringkat masyarakat, termasuk penduduk kampung, pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, golongan professional seperti guru, pensyarah, jurutera dan sebagainya.

Terdapat beberapa kelas-kelas atau *halaqah-halaqah* yang beliau masih mengajar sampai ke hari ini seperti : <sup>433</sup>

1. Di Masjid Jamek Sultan Sulaiman Alauddin Shah Klang, Selangor. Pada setiap hari khamis pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Anak-anak murid beliau di kalangan hakim-hakim, qari dan qari'ah, imam-imam dan bilal-bilal seluruh negeri Selangor.
2. Di Masjid Baitul Aman Jalan Ampang, Selangor. Pada setiap hari Jumaat pukul 9.00 hingga 10.30 malam. Anak-anak murid beliau di kalangan AJK, Imam-Imam, bilal-bilal dan orang awam disekitar Ampang Selangor.
3. Di Taman Permata Ulu Klang, Selangor. Setiap hari Rabu pukul 5.00 petang hingga 7.00 malam. Anak-anak murid beliau di kalangan Persatuan Doktor Universiti Islam Malaysia (UNIMAS).
4. Di rumah beliau sendiri. Setiap hari Selasa pada pukul 11.00 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari. Anak-anak murid beliau di kalangan ustazah-ustazah.

---

<sup>433</sup> *Ibid*

#### **4.4.1.2 Di Media Massa**

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari juga turut menyumbangkan dalam bentuk pengajarannya melalui televisyen, radio dan penerbitan elektronik. Beliau menceburkan diri menjadi tenaga pengajar di media massa bermula pada tahun 1960 hingga tahun 1998. Banyak rakaman-rakaman telah dibuat semata-mata untuk mengembangkan ilmu tarannum kepada masyarakat. Antara rakaman-rakaman beliau :<sup>434</sup>

1. CD tarannum al-Quran
2. CD berzanji
3. 442 siri Pelajaran al-Quran di Televisyen RTM (1979-1984)
4. 400 siri Pelajaran al-Quran di radio RTM (1960-1998)
5. 45 siri VCD Pelajaran al-Quran (1990)
6. Pelajaran al-Quran terbitan Singapura.

#### **4.4.2 Sebagai Penceramah Di Masjid-Masjid Dan Surau-Surau**

Masjid-masjid adalah tempat Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mencurahkan segala ilmu yang dimilikinya untuk masyarakat. Boleh dikatakan kebanyakannya beliau menyampaikan ceramah atau kuliah maghrib

---

<sup>434</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.*, hlm .66.



mengenai bidang al-Quran seperti kelebihan al-Quran, ilmu tajwid, tarannum dan *faṣāḥah* terutama di seluruh negeri Selangor dan Kuala Lumpur.<sup>435</sup>

Terdapat masjid dan surau yang sering beliau menyampaikan ceramahnya seperti Masjid Jamek Sultan Sulaiman Alauddin Shah di Klang Selangor, Masjid al-Ghufran di Dato' Keramat, Kuala Lumpur, Madrasah Ittifaqiyah di Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur dan sebagainya.<sup>436</sup>

#### **4.4.3 Sebagai Pembentang Kertas Kerja Dalam Kursus Dan Seminar**

Selain itu, beliau juga diundang untuk membentang kertas kerja dalam kursus-kursus dan seminar-seminar. Di sini juga beliau dapat menyumbang dan menyebarkan ilmu al-Quran kepada masyarakat khususnya kepada peserta-peserta yang hadir.

Kebanyakan kertas kerja yang dibentang oleh beliau dalam bidang tarannum dan tajwid.<sup>437</sup> Keterlibatan beliau dalam program-program pengajian ini dapat menghasilkan anak murid yang bergelar qari dan qari'ah yang ramai.

---

<sup>435</sup> *Ibid*

<sup>436</sup> *Ibid*

<sup>437</sup> Temuramah bersama anak tokoh Dr. Abdul Rauf, *op.cit.*

Terdapat banyak kerja yang dibentang oleh beliau bermula dari tahun 1995 hinggalah sekarang ini. Di antaranya seperti:<sup>438</sup>

1. “*Ahammiyah Qirā’ah al-Qur’ān bi Luḥūn al-‘Arab*”. Seminar al-Quran peringkat kebangsaan kali Ke-2. Pada 1 Ogos 2010 di Dewan Muktamar Pusat Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).

**Lihat : Lampiran D**

2. Muzakarah tarannum al-Quran peringkat kebangsaan pada 15-8 Mac 2004 anjuran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
3. Aspek dan teknik penghakiman majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dalam muzakarah hakim tilawah al-Quran peringkat kebangsaan 2003 Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
4. Kursus kepada peserta-peserta tilawah peringkat antarabangsa dengan memberi penerangan tentang kaedah-kaedah dan cara-cara penghakiman di Malaysia.
5. Kursus tahsin *Qirā’āt* peringkat Negeri Selangor pada 25 – 27 April 2000.

---

<sup>438</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*. Lihat Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.* hlm. 87,88 dan 91. Lihat juga Tan Sri Dato’ Hj. Hassan bin Hj. Azhari, Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-52 dari Malaysia (2010), “*Ahammiyah Qirā’ah al-Qur’ān bi Luḥūn al-‘Arab*”. Kertas kerja ini telah dibentangkan pada 1 Ogos 2010 di seminar al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-2 sempena majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa kali ke-52.

6. Kursus *taḥsīn Qirā'āt* al-Quran Peringkat kebangsaan dari tahun 1992 hingga 2004 anjuran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
7. Dan lain-lain.

#### **4.4.4 Sebagai Pembimbing Qari Dan Qari'ah**

Membimbing para qari dan qari'ah yang akan meyertai majlis tilawah al-Quran peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah merupakan juga sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari yang cukup besar terhadap masyarakat dan negara Malaysia. Terutamanya qari dan qari'ah dari negeri Selangor yang akan mewakili ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kerajaan Malaysia memberi kepercayaan kepada beliau untuk melatih qari dan qari'ah untuk menyertai tilawah al-Quran ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa setiap tahun bermula tahun 1959 sehingga sekarang.<sup>439</sup>

Selain daripada beliau membimbing para qari dan qari'ah Malaysia, kerajaan Malaysia juga telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk membimbing qari dan qari'ah dari luar negara yang mewakili negara mereka masing-masing dalam majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa di

---

<sup>439</sup> *Ibid*

Malaysia.<sup>440</sup> Ini adalah kerana beliau mempunyai kehebatan dalam berbahasa arab.

Antara lain, beliau juga merupakan seorang ahli penal pembimbingan kursus tahsin al-Quran dan kursus tahfiz al-Quran Petronas pada 25 November 2004.<sup>441</sup>

#### **4.4.5 Sebagai Perintis Pertubuhan Persatuan *Qurrā'* Malaysia**

Sepanjang penglibatan dalam bidang tarannum, beliau telah mengambil kesempatan dengan menubuhkan persatuan *qurrā'* Malaysia di atas persetujuan kerajaan Malaysia. Tujuan beliau adalah untuk mengeratkan hubungan yang baik dengan persatuan *qurrā'* di luar negara seperti Indonesia, Mesir, Iran, Pakistan, Singapura dan lain-lain.<sup>442</sup>

Beliau telah mengatur program untuk mengeratkan hubungan *qurrā'* Malaysia dengan *qurrā'* luar negara melalui program ziarah atau lawatan. Cara ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara *qurrā'* dari negara-negara lain malah menjadikan Malaysia semakin dikenali di peringkat antarabangsa.

---

<sup>440</sup> *Ibid*

<sup>441</sup> *Ibid*

<sup>442</sup> *Ibid*, hlm.104 dan 105.

Dalam masa yang sama, beliau telah dipilih sebagai Jawatankuasa Persatuan *qurrā'* antarabangsa yang berpusat di Baghdad dan Iraq dengan memegang jawatan penting iaitu sebagai Timbalan Pengerusi *Jam'iyyah al-Qurrā' Wa al-Mujawwidīn* dari tahun 1975-1980.<sup>443</sup>

Untuk membuktikan dengan lebih jelas lagi, bahawa beliau telah mendapat surat perlantikan sebagai Timbalan Pengerusi *Jam'iyyah al-Qurrā' Wa al-Mujawwidīn* pada 27 Oktober 2002 oleh kedutaan Iraq.<sup>444</sup>

**(Ruj. : Lampiran B)**

#### **4.4.6 Sebagai Ahli Lembaga *Tahsīn* al-Quran**

Merujuk kepada kepakaran Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, dalam bidang al-Quran, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menyemak mashaf al-Quran yang dicetak di Malaysia. Tugasnya ialah untuk memastikan ketepatan al-Quran dengan mashaf al-Quran *rasm 'uthmānī*. Maka dengan tugas itu, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Tahsin al-Quran Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1985 hingga 2002.<sup>445</sup>

---

<sup>443</sup> *Ibid*

<sup>444</sup> *Ibid*, hlm. 103.

<sup>445</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.*, hlm. 103.

#### 4.4.7 Sebagai Pakar Rujuk

Sebagaimana dimaklumkan, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah berkecimpung dalam bidang tarannum sejak berpuluh-puluh tahun hinggalah sekarang ini. Sudah pasti beliau menjadi pakar rujuk dan sumber rujukan masyarakat di Malaysia dalam bidang tarannum al-Quran. Ini terbukti dengan beliau sering menjadi rujukan kepada agensi-agensi, jabatan-jabatan kerajaan atau swasta, badan-badan berkanun di dalam negara. Terutama sekali kepada Jabatan Agama Islam Kemajuan Islam (JAKIM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIWP), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan sebagainya.

Terdapat juga pelbagai golongan yang datang merujuk kepada beliau. Ada di antaranya ialah golongan mahasiswa dan mahasiswi universiti dalam dan luar Negara. Seperti pelajar-pelajar Mesir, Jordan, Madinah, Syiria, Yaman dan dalam Malaysia pula seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain. Sinonimnya kepada golongan qari-qari'ah yang ingin menyertai majlis tilawah al-Quran dan orang-orang awam yang menjadikan beliau sebagai pakar rujuk.<sup>446</sup>

---

<sup>446</sup> Temuramah dengan Ustaz Jamari b. Muhammad, *op. cit.*, pada hari Sabtu 13 November 2010, pada pukul 6.30 petang, di Masjid al-Khasyi'in taman Desa Petaling Kuala Lumpur.

#### **4.5 SUMBANGAN BELIAU DALAM MAJLIS TILAWAH AL-QURAN**

Tan Sri Dato' Hj. Hasan Azhari adalah tokoh yang amat sinonim dengan majlis tilawah al-Quran di negara kita. Ini juga merupakan sumbangan beliau yang amat besar yang dicurahkan dalam arena ilmu tarannum al-Quran.

Di sini, penulis dapat menampilkan dua sumbangan beliau yang besar dalam majlis tilawah al-Quran iaitu sebagai penggubal kaedah peraturan penghakiman dan sebagai hakim.

##### **4.5.1 Sebagai Penggubal Undang-Undang Penghakiman Tilawah al-Quran**

Beliau telah diberi kepercayaan oleh kerajaan Malaysia iaitu Jemaah Jawatankuasa Pusat dengan melantik beliau salah seorang penggubal undang-undang penghakiman tilawah al-Quran. Perlantikan ini adalah berdasarkan pengalaman beliau dan di atas dasar beliau merupakan salah seorang hakim yang terawal yang menghakimi majlis tilawah al-Quran iaitu sejak pada tahun 1959 lagi.

Undang-undang penghakiman ini bertujuan untuk membantu para jemaah hakim majlis tilawah al-Quran menjalankan tugas penghakiman untuk memberi markah kepada peserta qari dan qari'ah dalam majlis tilawah al-Quran samada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Hasil dari penggubalan undang-undang penghakiman tersebut, terdapat bahagian-bahagian yang perlu dihakimi seperti berikut:<sup>447</sup>

- |                   |             |
|-------------------|-------------|
| 1) Tajwid         | 40 (markah) |
| 2) Tarannum       | 25 (markah) |
| 3) <i>Faşāḥah</i> | 20 (markah) |
| 4) Suara          | 15 (markah) |

#### **4.5.1.1 Bahagian Tajwid**

Perkara-perkara yang dititiberat dan dinilai dalam penghakiman bahagian tajwid ialah peserta tilawah dikehendaki menjaga hukum-hukum tajwid dengan sempurna, terutama mengenai perkara-perkara berikut :<sup>448</sup>

1. Menyebut dengan betul setiap *makhraj* dan *ṣifat al-ḥurūf* serta lain-lain dari segi tebal dan nipisnya.

---

<sup>447</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

<sup>448</sup> *Ibid*



2. Menjaga hukum-hukum *tarqīq* dan *tafkhīm* terutama pada huruf *lām* dan *rā'*.
3. *Mad aṣlī*, *mad ṭabi'ī* dan *mad badal* tetap dengan kadar panjang dua harakat.
4. *Mad jā'iz munfaṣil* boleh dibaca dengan dua harakat atau empat harakat atau lima harakat. Setiap peserta boleh memilih salah satu daripada wajah-wajah *mad jā'iz munfaṣil* mengikut *tarīq* yang dibaca oleh peserta. Sekiranya ia memilih salah satu daripadanya, ia hendaklah meneruskan bacaannya atas wajah itu tanpa berpindah kepada wajah yang lain. Sekiranya terdapat dua *mad jā'iz munfaṣil* atau lebih dalam sesuatu ayat, maka hendaklah disamakan kadar panjang mad itu, iaitu jika dibaca dengan empat harakat pada *mad jā'iz munfaṣil* pertama, maka hendaklah dibaca dengan empat harakat juga pada *mad jā'iz munfaṣil* kedua, demikianlah seterusnya.
5. *Mad wajib muttaṣil* hendaklah dibaca dengan kadar panjang empat harakat, atau lima harakat, atau enam harakat ketika waqaf. Kadar panjang bacaannya hendaklah diselaraskan.
6. *Mad lāzim* hendaklah panjang bacaannya dengan kadar enam harakat, manakala *mad istifhām/mad farq* boleh dibaca dengan dua wajah iaitu bacaan *ibdāl* atau *tashīl*.
7. *Mad 'āriḍ* dibaca dengan kadar panjang dua atau empat atau enam harakat ketika waqaf sahaja.

8. *Mad ṣilah* hendaklah dibaca dengan kadar dua harakat, tetapi sekiranya selepas *mad ṣilah* terdapat sebab, yakni *hamzah* selepasnya. Maka hendaklah dibaca dengan kadar panjangnya seperti *mad jā'iz munfaṣil*
9. *Ghunnah* dibaca dengan kadar dua harakat, sama ada dalam keadaan *waqaf* dan *waṣal*
10. Riwayat yang dijadikan asas pegangan ialah *riwayat* Ḥafṣ.
11. Mengenai *isymām* dan *rawm*, *saktah*, *tashīl* dan *ibdāl*, *naql*, *ṣilah* dan *imālah* ialah seperti mengikut *ṭariq* bacaan yang dipilih oleh peserta.

Persembahan yang dikira istimewa dalam bidang tajwid hendaklah mengandungi ciri-ciri seperti berikut:<sup>449</sup>

1. Dapat menyempurnakan riwayat *qirā'āt* dan *ṭariq* bacaan dengan sempurna.
2. Dapat menyamai kadar panjang hukum *mad*.
3. Dapat menyempurnakan sebutan huruf dan sifatnya.
4. Dapat menyempurnakan sifat-sifat *ghunnah*.

---

<sup>449</sup> *Ibid*

Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang tajwid ialah seperti berikut.<sup>450</sup>

1. Perkara –perkara yang dihakimi ialah:
  - i. Bacaan mengikut *riwayat* Ḥafs *tariq* al-Imam al-Syāṭibī/al-Imam Ibn al-Jazārī.
  - ii. *Makhraj* dan *sifat al-ḥurūf*.
  - iii. Hukum *nūn* dan *mīm sākinah* dan *tanwīn*.
  - iv. Hukum *nūn* dan *mīm musyaddadah*.
  - v. Hukum *rā'* dan *lām*.
  - vi. Hukum *saktah*, *imālah* dan *ibdāl*.
  - vii. Hukum *mad aṣlī* dan *fari'ī*.
  - viii. Hukum-hukum tajwid yang lain.
2. Setiap satu kesalahan *khafiyy* dipotong satu markah
3. Setiap satu kesalahan *jaliyy* dipotong dua markah.

---

<sup>450</sup> *Ibid*

#### 4.5.1.2 Bahagian Tarannum

Perkara-perkara yang ditititberatkan dalam penghakiman bahagian Tarannum :<sup>451</sup>

1. Menggunakan *maqām*<sup>452</sup> lagu arab dengan sekurang-kurangnya empat jenis lagu<sup>453</sup> dalam satu-satu bacaan tanpa mengira jenis lagu yang dimulakan.
2. Setiap lagu hendaklah disempurnakan *maqām* atau *naghāmāt* secara teratur sekurang-kurangnya empat harakat<sup>454</sup> tanpa bercampur aduk.
3. Setiap lagu hendaklah di bawa dalam tiga *ṭabaqāt*<sup>455</sup> iaitu rendah, sederhana dan tinggi atau sederhana, tinggi dan tertinggi.
4. Setiap lagu hendaklah dibawa dengan teratur dan tersusun satu demi satu tanpa bercampur aduk antara satu sama lain kecuali *wuṣlah al-mumāthalah*.
5. Menunaikan *wuṣlah al-mumāthalah* sekurang-kurangnya sekali dalam bacaan tersebut.

---

<sup>451</sup> *Ibid*

<sup>452</sup> *Maqām* bermaksud irama lagu yang dialunkan berlajjah arab.

<sup>453</sup> Empat jenis lagu yang dimaksudkan ialah lagu-lagu *uṣūl* seperti *bayyātī*, *nahāwand*, *ḥijāz*, *rast*. Empat lagu diperuntukan dalam masa 10 minit.

<sup>454</sup> Empat pergerakan lagu

<sup>455</sup> Tiga tingkatan suara iaitu *qarār*, *nawā*, *jawab*

6. Lagu awal yang dibawa hendaklah sama dengan lagu penutup iaitu sebelum berakhir tempoh masa yang ditetapkan.

Persembahan yang dikira istimewa dalam bidang tarannum antaranya mengandungi ciri-ciri berikut :<sup>456</sup>

1. Keseluruhan lagu yang dibawa mempunyai lahjah arab dan *qiṭ'ah-qiṭ'ah* yang menarik.
2. Lagu yang di bawa mempunyai *Wuṣlah al-mumāthalah* yang menarik lebih daripada sekali dalam satu bacaan.
3. Setiap lagu yang mengandungi lebih dari empat harakat yang teratur dan tersusun.
4. Mempunyai kecekapan membawa beberapa lagu lain selain daripada lagu-lagu yang diwajibkan, sekurang-kurangnya dua harakat dalam tempoh bacaan yang ditentukan.
5. Dapat menyesuaikan lagu dengan kehendak ayat tanpa lari daripada kaedah tajwid dan usul.
6. Membawa burdah-burdah lagu yang menarik.
7. Menunaikan *salālim nuzūl* atau *salālim su'ūd* pada setiap lagu dalam mana-mana harakat.

---

<sup>456</sup> Berdasarkan borang penghakiman tilawah al-Quran dan temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op. cit.*

#### 4.5.1.3 Bahagian *Faṣāḥah*

Perkara-perkara yang dititberatkan dalam penghakiman bahagian fasahah ialah seperti berikut :<sup>457</sup>

1. Cermat dan halus dalam bacaan serta fasih dalam bacaan.
2. Lancar menyebut perkataan-perkataan dan ayat-ayat.
3. Terpelihara segala harakat baris dan *tasydīd*.
4. Betul melakukan tempat waqaf dan *ibtidā'*.
5. Bacaan sederhana.
6. Tidak bercampur aduk antara bacaan *tartīl* dan *tadwīr*.

Persembahan yang dikira istimewa dalam bidang *faṣāḥah* antaranya:

1. Bacaan dengan *lahjah 'arabiyyah*.
2. Memelihara *waqaf jibrīl* dan *waqaf lāzim / tām*.
3. Dapat menyempurnakan ayat yang panjang dalam satu nafas.
4. Bacaan yang cermat dan bertadabbur.
5. Bacaan yang dapat bersesuaian dengan maksud ayat.

---

<sup>457</sup> *Ibid*

#### 4.5.1.4 Bahagian Suara

Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam penghakiman bahagian suara ialah seperti berikut :<sup>458</sup>

1. Kebersihan, kelicinan dan kelancaran suara.
2. Kemanisan dan kelembutan suara.
3. Suara terang, nyata dan lantang.
4. Suara yang tidak berubah-ubah daripada mula bacaan hingga ke akhirnya.
5. Ketepatan nada suara pada lagu yang dibaca.
6. Burdah lagu disusun dengan rapi.
7. Menunaikan *ikhtilāl al-laḥn* sekurang-kurangnya sekali dalam bacaan.

Persembahan yang dikira istimewa dalam bidang suara antaranya:

1. Suara yang mempunyai *lahjah 'arabiyyah*.
2. Suara yang mempunyai keempat-empat tabaqat dengan selesa.
3. Suara yang menarik dan merdu.
4. Suara yang bergerak dan dapat menghidupkan rentak-rentak suara.
5. Suara yang berterusan di samping nafas yang panjang.

---

<sup>458</sup> *Ibid*

6. Suara yang licin dan lembut serta terang dan jelas semasa tekanan suara tinggi, rendah dan sederhana.

**(Ruj. : Lampiran E)**

#### **4.5.2 Sebagai Hakim**

##### **4.5.2.1 Hakim Tilawah al-Quran Anjuran Kerajaan Malaysia Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

Sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari terbukti lagi dengan beliau sering dijemput menjadi hakim dalam majlis tilawah al-Quran di semua peringkat samada daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

#### **1. Peringkat Daerah / Jajahan**

Beliau mula menceburkan diri dalam arena penghakiman tilawah al-Quran di peringkat daerah atau jajahan sejak pada tahun 1959 hingga sekarang ini. khususnya seluruh daerah negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bermula dari situlah beliau sebagai hakim ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>459</sup>

---

<sup>459</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*



## **2. Peringkat Negeri**

Mulai pada tahun itu, beliau mula dijemput dalam penghakiman majlis tilawah al-Quran yang dianjurkan bagi peringkat negeri-negeri. Beliau telah menjadi hakim bagi negeri-negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Sabah dan Sarawak.<sup>460</sup>

## **3. Peringkat Kebangsaan**

Bermula dari tahun 1960 hingga kini tahun 2010, beliau telah diberi amanah untuk menghakimi tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang telah dianjurkan oleh kerajaan Malaysia. Beliau akan menghakimi dalam pelbagai bidang termasuk tarannum, tajwid, *faṣāḥah* dan suara. Sepuluh tahun kebelakangan ini beliau selalunya diberi tugas menghakimi bidang tajwid.<sup>461</sup>

## **4. Peringkat Antarabangsa**

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari terlibat dalam bidang penghakiman di peringkat antarabangsa yang sering diadakan setiap tahun di Malaysia.

---

<sup>460</sup> *Ibid*

<sup>461</sup> *Ibid*

Penglibatan beliau sebagai hakim peringkat antarabangsa masih berterusan sejak tahun 1961 sehingga kini tahun 2010.<sup>462</sup>

Ini dapat dibuktikan bahawa beliau menjadi hakim tilawah al-Quran bersama-sama hakim antarabangsa seperti Fadilatusy-Syeikh Al-Amin Mohammed Qinnawah (Libya), Fadilatusy-Syeikh Mahmoud Amin Tantawy (Mesir), Fadilatusy-Syeikh Al-Mustashar Alla El-Din Mohamad Ali (Iraq), **Fadilatusy-Syeikh Tan Sri Hj. Hassan Azhari (Malaysia)**, Fadilatusy-Syeikh Galal Fouad Hassan Hamam (Mesir), Fadilatusy-Syeikh Nik Ja'far Nik Ismail (Malaysia), Fadilatusy-Syeikh Mohammed ali Aatafy (morocco), Fadilatusy-Syeikh Awang Hj. Zaimi Hj. Talip (Brunei), Fadilatusy-Syeikh Santi Dasa (Thailand) dan Fadilatusy-Syeikh Drs. H. Moersjied Qorie Indra (Indonesia).

**(Ruj. : Lampiran F)**

Dengan keilmuan, kepakaran, pengalaman dalam bidang al-Quran, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari bukan sahaja menjadi hakim di peringkat antarabangsa Malaysia, malah juga peringkat antarabangsa di luar negara. Di antara negara-negara yang beliau pernah menjadi hakim tilawah al-Quran peringkat antarabangsa luar negara ialah seperti di Makkah al-Mukarramah 14

---

<sup>462</sup> *Ibid*

kali, dari tahun (1979-1993), Mesir pada tahun (1993 dan 1994), UAE Dubai, Iran, Indonesia, Berunei, Thailand, Singapura dan lain-lain.<sup>463</sup>

Pengalaman beliau dalam menghakimi tilawah al-Quran ini lebih daripada 50 tahun. Tentulah beliau banyak pengalaman dan seorang yang mahir dalam sudut penghakiman.<sup>464</sup>

#### **4.5.2.2 Hakim Tilawah Hafazan Al-Quran**

Bidang Hafazan menjadi minat Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari sejak kecil lagi, malahan sehinggalah membawa beliau menjadi hakim di majlis hafazan al-Quran di pelbagai peringkat hinggalah ke peringkat antarabangsa.

Majlis hafazan al-Quran yang pertama dihakimi beliau ialah majlis hafazan al-Quran di Arab Saudi pada awal tahun 90-an. Kemudian beliau memperkenalkannya di tanah air dengan menyuarakan pandangan beliau untuk mengadakan majlis hafazan al-Quran di Malaysia. Pandangan dan cadangan beliau dipersetujui oleh pihak Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

---

<sup>463</sup> Berita Harian : Isnin, 17 September 2001, hlm. 25.

<sup>464</sup> *Ibid*

Secara tidak langsung pihak Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk menjadi salah seorang hakim dalam majlis tilawah hafazan tersebut. Kebiasaanya beliau dipertanggungjawabkan menjadi hakim *fatih*. Sehingga sekarang ini, majlis menghafaz al-Quran di Malaysia berkembang sampai ke peringkat kebangsaan.<sup>465</sup>

#### **4.5.2.3 Hakim Tilawah al-Quran Anjuran Badan-Badan Kerajaan Dan Swasta**

Termasuk juga sumbangan beliau dalam bidang penghakiman ialah menjadi hakim dalam majlis tilawah al-Quran anjuran badan-badan kerajaan dan swasta seperti tilawah al-Quran peringkat kebangsaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2002 hingga sekarang dan hakim peringkat kebangsaan Petronas pada tahun 2000 hingga sekarang.<sup>466</sup>

Pada tahun 1997 hingga sekarang ini, beliau menjadi hakim majlis tilawah al-Quran anjuran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan hakim

---

<sup>465</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op.cit.*, hlm. 75

<sup>466</sup> *Ibid*

majlis tilawah al-Quran peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari tahun 2001 hingga 2003.<sup>467</sup>

Pada tahun 2006 hingga tahun 2010, beliau telah di jemput sebagai hakim majlis tilawah al-Quran anjuran Polis Di Raja Malaysia (PDRM) peringkat kebangsaan.<sup>468</sup> Selain itu, baru-baru ini beliau dilantik sebagai Pengerusi Jemaah Hakim Akademi al-Quran TV 9 yang berlangsung pada hari jumaat 6 Ogos 2010.<sup>469</sup>

---

<sup>467</sup> *Ibid*

<sup>468</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

<sup>469</sup> *Ibid*

#### **4.6 KESIMPULAN**

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan antara tokoh tarannum yang terulung di Malaysia. Tanggungjawab menyebarkan ilmu tarannum kepada masyarakat tidak mengenal jemu sehingga ke peringkat umurnya melewati lebih lapan puluh tahun.

Kesungguhan beliau dalam mempelajari ilmu tarannum dengan syaykh-syaykh yang mashur seperti syaykh Ṭabīb Dr. Ahmad Nu'ayna', Syaykh Khalīl Ḥuṣarī dan lain-lainnya dapat menjadikan beliau sebagai seorang pakar dalam bidang tarannum al-Quran.

Dengan pengorbanan beliau dalam menyebarkan ilmunya kepada masyarakat, membuka lembaran baru dalam pengajian al-Quran terutama dalam bidang tarannum. Inilah antara sumbangan beliau yang besar kepada umat Islam khususnya di Malaysia.

---

## **BAB KELIMA**

### **RUMUSAN DAN SARANAN**

---

#### **5.1 RUMUSAN**

Ketokohan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam bidang tarannum al-Quran tidak dapat disangkal lagi. Ini telah terbukti dengan penulisan ini, bahawa beliau telah memberikan sumbangan-sumbangan yang amat bermakna terhadap perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia.

Dari kajian disertasi ini, penulis dapat merumuskan seperti berikut :

1. Tarannum al-Quran adalah suatu ilmu yang mempunyai sandaran syara' yang kuat dengan didokongi oleh hadis-hadis riwayat yang *ṣahīh*. Ia telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Telah menjadi budaya di kalangan masyarakat arab bertarannum (menyanyi) di serata tempat dengan syair-syair mereka, sama ada ketika perjalanan atau bermukim. Setelah kedatangan Islam, Rasulullah s.a.w tidak pernah menegahnya malah menganjurkan supaya mereka menukarkan lagu-

lagu mereka kepada bertarannum dengan al-Quran mengikut kesesuaian al-Quran itu sendiri.

2. Para ulama berselisih pendapat terhadap keharusan bertarannum, namun mereka bersepakat sekiranya tarannum al-Quran itu tidak melampaui batas iaitu tidak merosakkan lafaz al-Quran seperti menambah dan mengurangkan baris, memajangkan qasr, memendekkan mad, menyembunyi baris yang menyebabkan kecacatan pada makna al-Quran adalah diharuskan. Sekiranya ia merosakkan atau mencacatkan salah satu hukum-hakam tajwid atau melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam tarannum al-Quran, maka jelas pengharamannya.
3. Tarannum dalam pembacaan al-Quran amat dituntut. Akan tetapi ada juga perkara-perkara yang dilarang semasa membaca al-Quran secara bertarannum. Para qari-qariah mestilah menjaga perkara-perkara yang ini semasa membaca al-Quran dengan bertarannum supaya hukum bertarannum itu diharuskan jika tidak akan menjadi haram.
4. Perkembangan tarannum al-Quran di Malaysia bermula sejak kedatangan Islam ke Malaysia lagi dan seiring dengan pengajian Islam di Malaysia iaitu melalui institusi pengajian tradisional, moden, pusat-pusat pengajian tinggi dan lain-lain.



5. Aliran tarannum al-Quran yang berkembang di Malaysia ialah aliran trannum *ḥijāzī* dan *miṣrī*.
6. Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari adalah seorang tokoh ilmun yang terkenal di Malaysia. Latar belakang keluarga, pendidikan, keperibadian dan persekitaran yang mempengaruhi beliau dalam bidang tarannum al-Quran. Keturunan beliau di kalangan alim ulama, telah menjadi faktor asas membawa beliau menjadi seorang ulama.
7. Keilmuan dan kepakaran Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari tidak dapat dinafikan. Beliau mempunyai kepakaran dalam ilmu al-Quran seperti tarannum, *qirā'āt*, tajwid, *rasm uthmānī*. Begitu juga bidang seni seperti nasyid, qasidah, berzanji, marhaban, tausyih dan lain-lain.
8. Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari menggunakan metodologi pengajian dan pengajaran yang tersendiri dalam menyebarkan ilmu tarannum kepada masyarakat.
9. Tarannum al-Quran adalah suatu ilmu yang dapat dipelajari secara *talaqqī* dan *musyāfahah*. Inilah yang amat ditekankan oleh tokoh.
10. Sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah memberi yang terbesar dalam ilmu tarannum al-Quran di Malaysia ialah dari aspek

penyebaran ilmu beliau kepada masyarakat. Begitu juga sumbangan beliau dalam majlis tilawah al-Quran.

11. Tidak ramai tokoh yang berkecimpung dalam bidang tarannum al-Quran dengan menggunakan metode-metode dan teknik-teknik yang berkesan dalam pengajian tarannum al-Quran. Walaubagaimanapun pada pendapat peribadi penulis, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan pelopor kepada ilmu tarannum di Malaysia.

Berdasarkan beberapa rumusan di atas, maka jelaslah Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan tokoh yang ulung dalam pengajian tarannum al-Quran di Malaysia. Dengan ada kajian ini mudah-mudahan menjadi perintis kepada para pengkaji lain yang berminat membuat penyelidikan dalam ilmu tarannum dan tokoh yang dikaji. Sekurang-kurangnya kajian ini mampu membantu memberikan maklumat beografi dan beberapa input pemikiran dan pandangan beliau dalam bidang tarannum.

## 5.2 SARANAN

Setelah penulis membuat rumusan dan analisa dalam kajian, di sini penulis ingin menyenaraikan beberapa saranan yang ditujukan kepada beberapa pihak tertentu, diharap agar dapat mengambil inisiatif untuk memartabatkan lagi ilmu tarannum al-Quran di negara ini.

### 5.2.1 Kepada Masyarakat

1. Masyarakat disarankan supaya meletakkan nilai yang tinggi kepada tokoh-tokoh ilmuan Islam tambahan lagi ketokohan dalam ilmu al-Quran sepertimana Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari.
2. Mereka perlu sentiasa peka dan harus bersikap pro-aktif untuk mendalami pengajian tarannum al-Quran dengan menyertai ceramah, khusus, seminar dan lain-lain.
3. Mereka juga perlu membuat tempat rujukan utama terhadap ulama-ulama yang berkemahiran tinggi dalam ilmu-ilmu al-Quran supaya dapat ilmu yang *ṣahīh*.

### **5.2.2 Kepada Para Penuntut**

1. Penuntut samada pelajar sekolah-sekolah atau institusi-institusi pengajian tinggi hendaklah bersungguh-sungguh mendalami ilmu tarannum dengan menemui guru secara *talaqqī* dan *musyāfahah*. Oleh kerana ilmu ini tidak dapat menguasainya kecuali dengan belajar di kalangan guru-guru dan tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang ini.
2. Para penuntut juga mestilah menanam sikap cintakan al-Quran dan menyedari betapa pentingnya pengajian tarannum al-Quran. Jika sekiranya dapat menguasai ilmu tarannum nescaya ia telah dapat merangkumi aspek pembacaan al-Quran seperti makhraj-makhraj, sifat-sifat huruf, hukum-hukum tajwid, *faṣāḥah* dan *waqaf ibtidā'*.

### **5.2.3 Kepada Sarjana Dan Para Ilmuan**

1. Para sarjana dan ilmuan masa kini, seharusnya mengembeling tenaga untuk terus memaparkan ketokohan dan sumbangan yang besar dalam bidang Islam khususnya ulama-ulama Islam di Malaysia seperti mana Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari.

2. Mereka disarankan menjalankan kajian selanjutnya terhadap tokoh-tokoh ini bertujuan untuk menjadikan perintis kepada para pengkaji lain yang berminat membuat penyelidikan selanjutnya.

#### **5.2.4 Kepada Media Massa**

1. Media massa perlu memainkan peranan penting untuk menyebarkan program yang berunsurkan keIslaman seperti program-program al-Quran, majlis tilawah al-Quran dan lain-lain. Ini kerana tanpa media massa masyarakat tidak mendapat maklumat yang sebenar tentang sesuatu perkara yang penting yang berlangsung. Justeru, setiap program yang berhubungkait dengan al-Quran dan Islam seharusnya diberi liputan yang lebih meluas lagi. Ini bukan sahaja sebagai suatu bentuk promosi bahkan menarik kecenderungan masyarakat kepada Islam.
2. Sebaiknya media cetak juga hendaklah mempelbagaikan jenis buku-buku dan penulisan lain yang membincangkan mengenai tarannum al-Quran dan tokoh-tokoh qarinya. Ini kerana penulisan dalam bentuk ini kurang mendapat perhatian penulis lebih-lebih lagi, minat pembaca juga tidaklah terarah kepada perkara ini. Walaubagaimanapun, di atas dasar penyampaian ilmu, bidang ini harus ditambahbanyakkan.

### 5.2.5 Kepada Kerajaan

1. Pihak kerajaan dicadangkan supaya mengambil satu inisiatif untuk menggalakan penyelidikan tentang ilmu-ilmu al-Quran khususnya ilmu tarannum dan juga berusaha menubuhkan persatuan-persatuan atau kelab-kelab tarannum al-Quran seluruh negeri di Malaysia supaya masyarakat dapat menanam sikap cintakan al-Quran dan seterusnya menjadi pewaris kepada ulama-ulama masa kini.
2. Kerajaan juga dicadangkan supaya diberi bantuan peruntukan yang secukupnya kepada kelas-kelas atau *halaqah-halaqah* pengajian tarannum al-Quran yang sedang bergiat aktif di seluruh negeri di Malaysia.
3. Pihak kerajaan seharusnya menyediakan dan menyusun modul tarannum yang lengkap untuk rujukan atau pembelajaran yang berkesan kepada lapisan masyarakat.
4. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Negeri dan Negara, ARKIB Negara, penerbit-penerbit buku, pihak-pihak tertentu supaya menyimpan dan mengumpul data-data para negarawan yang telah berjasa kepada negara untuk rujukan dan tatapan umum.

### **5.3 PENUTUP**

Akhir sekali, penulis berharap umat Islam agar menjadikan ilmu-ilmu al-Quran sebagai ilmu yang pertama sekali dipelajari. Di kesempatan ini juga, penulis berharap semoga kajian ini dapat memberi faedah kepada semua pihak dan seterusnya dapat memartabatkan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia malah di mata dunia.